



KERATAN AKHBAR 2

ISU-ISU 0

INTEGRITI 2

2

JANUARI-JUN

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



JANUARI

2022

13.01.2022
Khamis
THE STAR

AR, THURSDAY 13 JANUARY 2022

Fake certs search widens

After Marang case, IGP orders clampdown in all states

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The police will be expanding their hunt on the sale of fake Covid-19 vaccination certificates in other states following the arrest of a doctor in Terengganu this week.

Inspector-General of Police Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani said Bukit Aman was treating the matter very seriously.

"We are not sure at this time whether there are others who are selling such certificates.

"I have instructed both the directors of the CID and CCID to collect

intelligence to uncover whether such activity is occurring in other states as well," he told reporters after attending the education and early skills of autism students' programme at the Royal Malaysia Police's Pengaman Autism Centre yesterday.

The selling of fake Covid-19 vaccination certificates must be curbed as it could hamper efforts to stop the spread of the virus, the IGP said.

"We don't want the irresponsible acts of certain parties to jeopardise efforts to curb the spread of Covid-19," he added.

On Tuesday, Bukit Aman CCID director Comm Datuk Kamarudin

Md Din said police detected only one case of selling fake vaccination certificates so far, which was in Marang, Terengganu.

He said a 51-year-old medical practitioner was arrested in that case, where he sold vaccination certificates without administering the vaccine.

The suspect has been remanded to assist investigation.

Comm Kamarudin has urged those with information on such activities to contact the nearest police station or CCID Scam Response Centre at 03-2610 1559/1599 so that investigations could commence.

"We don't want the irresponsible acts of certain parties to jeopardise efforts to curb the spread of Covid-19."

Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani

Five turn witnesses in fake vax cert case

KUALA TERENGGANU: Five individuals with information on the sale of fake Covid-19 vaccination certificates in Terengganu are prepared to appear as witnesses to assist in the investigation.

State police chief Deputy Comm Datuk Rohaimi Md Isa said investigations were progressing smoothly with public cooperation, especially from those who had obtained the certificates without taking the jabs, as very much needed.

"For now, five people have agreed to come forward and appear as witnesses.

"They admitted to not being vaccinated but managed to obtain the first dose vaccination card. We will continue with our investigations.

"Case items like laptops and mobile phones will be sent to the forensic unit of the Commercial Crimes Investigation Department in Bukit Aman," he told reporters after attending the handover of duties ceremony of the state deputy police chief yesterday.

DCP Rohaimi said the prime suspect, who is a doctor at a private clinic in Marang, had been remanded under Section 420 of the Penal Code for cheating.

The remand order ends today.

On Saturday, the 51-year-old doctor, who claimed to be anti-vaccination, was detained by police on suspicion of selling fake vaccination certificates for between RM400 and RM600.



New cop in town: DCP Rohaimi (centre) witnessing the handover of duties of state deputy police chief SAC Norhalid Kimi (left) to SAC Wan Rukman Wan Hassan in Kuala Terengganu. — Bernama

PSC may call witnesses over share trading scandal

PETALING JAYA: The Parliamentary Select Committee (PSC) may call up individuals in connection with the stock-trading scandal involving Malaysian Anti-Corruption (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki.

PKR's Selayang MP William Leong, who is part of the eight-member Select Committee for Agencies under the Prime Minister's Department, said he would make the suggestion during the meeting next Wednesday.

"That is what I will ask for and we will discuss the matter," he said when contacted.

Leong said a PSC has the prerogative to summon ministry officials and individuals to scrutinise and make inquiries into issues of public importance.

"Then, we will table a report to Parliament," he said.

"Whether or not officers and ministries have been doing their work, this will be made known for the people to evaluate," Leong added.

"Whether or not officers and ministries have been doing their work, this will be made known for the people to evaluate."

William Leong

He also said no voting was required among committee members as select committees only hold discussions prior to making decisions.

"But there's always a first time," he said.

Leong previously chaired the PSC on major appointments.

Among these was when he probed Latheefa Koya's appointment as the then MACC chief commissioner.

Azam replaced Latheefa in

March 2020 after she resigned.

PAS' Kuala Krai MP Abdul Latiff Abdul Rahman, who is chairing the eight-member PSC for Agencies, could not be reached for comment.

Unno's Pasir Salak MP Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, when contacted, said: "I don't remember (being in the committee), I can't comment."

According to the Parliament's official website updated on Oct 13 last year, Tajuddin was a member

along with Parit MP Datuk Mohd Nizar Zakaria and Kota Kinabalu MP Chan Foong Hin.

The select committee for Agencies was part of the eight new select committees announced in August 2018 by former speaker Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof under the former Pakatan Harapan government to monitor key government ministries and issues.

Select committees have the prerogative to summon witnesses and hold hearings to scrutinise how Putrajaya spends taxpayers' money.

Previously, scandals such as the 1MDB and the Port Klang Free Trade Zone, among others, were heard before the Public Accounts Committee (PAC), which is one of the select committees that regularly probes topical government controversies prior to Pakatan's rule in 2018.

In July 2017, former speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulla caught

public flak for refusing to allow any debates in Parliament after the PAC tabled its report.

Pandikar had said because the PAC spent the last two years investigating the 1MDB scandal, all discussions into the controversy should come to an end.

Presently, the Parliament has special select committees on Fundamental Liberty and Constitutional Rights; Finance and Economy; Security; Agencies under the Prime Minister's Department; Agriculture and Domestic Trade; Infrastructure Development; Education; Women and Children Affairs and Social Development; Health Science and Innovation; and International Affairs.

In Dec 13 last year, the PAC tabled its report to Parliament, where it found that a RM2.07 billion deal involving Bank Negara in connection with a rationalisation plan involving 1MDB in 2017 was done hastily and without proper due diligence.

Committee to discuss controversy

MPs notified of meeting to be held at Parliament on Wednesday

By **TARRENCE TAN**
tarrence@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Parliamentary Select Committee will hold a special meeting next Wednesday (Jan 19) to discuss the latest share trading account controversy involving Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki.

According to a notice sent out to MPs yesterday morning, Dewan Rakyat secretary Dr Nizam Mydin Bacha Mydin said the meeting would be held in Parliament at 2pm on Jan 19.

"This meeting is to discuss issues about share ownership by the MACC chief commissioner," the notice read.

Nizam said MPs attending the meeting are required to undergo the RTK-Ag saliva self-test proce-

dures at the Parliament clinic beforehand.

"MPs are also required to abide by standard operating procedures (SOP) of the Dewan Rakyat - which can be downloaded from the official website of the Parliament - when they are in the Parliament complex," said Nizam.

He added that MPs are required to confirm their attendance for the meeting with the Parliamentary Select Committee secretariat.

No deadline was mentioned though.

Several MPs also confirmed receiving the Parliamentary notice yesterday morning.

Pakatan Harapan presidential council had called for a special parliamentary sitting to debate the issue involving Azam.

The council, which consists of PKR, DAP, Amanah and Upko, had called on Azam, MACC Consultation

and Corruption Prevention Panel chairman Tan Sri Borhan Dolah and Anti-Corruption Advisory Board (ACAB) chairman Tan Sri Abu Zahar Ujang to step back until the probe into Azam is completed.

The issue involving Azam's ownership of shares in public-listed companies made its rounds last December.

Azam commented on the issue last Wednesday, saying that his brother had used his trading account to buy shares in the open market and financed the purchases on his own.

It involved a substantial amount of shares bought from Gets Global Bhd and Excel Force MSC Bhd between 2015 and 2016, when Azam was the MACC director of investigations.

Azam had maintained that he did not commit any wrongdoing, adding that action would be taken

against those who had tarnished his reputation and that of the MACC.

He was quoted in *Sinar Harian* yesterday as saying he would not resign amid the controversy, calling for patience, adding that the truth will be revealed when the time is right.

Azam also said he is willing to be investigated by the MACC committees and that he is confident the truth will be publicly known soon, and declared only the Yang di-Pertuan Agong can decide to relieve him of his position as MACC chief.

Abu Zahar is currently facing a barrage of criticism after he cleared Azam of any conflict of interest in the purchase of the said shares.

Abu Zahar had said the seven-member ACAB had been satisfied with Azam's explanation last

November, and that no further investigation would be conducted.

Six ACAB members later issued a statement distancing themselves from Abu Zahar's statement, saying that his comment was made in a personal capacity and not representative of the board's view.

Abu Zahar then held another press conference on Tuesday, claiming that misreporting by the media had portrayed an "inaccurate picture" of the share trading issue involving Azam.

On his position as ACAB chairman, Abu Zahar also said he would leave his fate to the King and the government, adding that he would abide by any decision.



For more stories:
See page 4

13.01.2022

Khamis THE STAR

4 Nation

THE STAR, THURSDAY 13 JANUARY 2022

Azam proceeds with defamation suit

By MAZWIN NIK ANIS
and ARNOLD LOH
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Tan Sri Azam Baki is sticking to his guns on not quitting over the shares ownership issue and has instead gone on the offensive.

The MACC chief commissioner has made good on his threat to sue whistleblower Lalitha Kunaratnam and has filed a defamation claim at the Kuala Lumpur High

Court against the anti-graft activist.

The suit was filed through legal firm Messrs Zain Megat & Murad yesterday.

The firm confirmed that the writ has been served on the defendant.

In the writ sighted by *The Star*, Azam demanded that Lalitha issue a public apology and pay RM10mil in damages for tarnishing his reputation, among others.

The firm said the suit was in rela-

tion to the articles published and republished by Lalitha in the Independent News Services portal on Oct 25 and Dec 15 last year.

"Instead of responding to our client's letter of demand issued on Jan 6, she has through her lawyer issued a press statement published on her Twitter account, in which she claimed to stand by her publication and re-publication, the contents of which our client strenuously maintains are defamatory," it said.

The firm said Azam had decided to sue before the expiry of 14 days from the date of the letter of demand to protect his reputation and "professional standing", adding that their client would not make any further statements on the matter.

"Our client wishes to make clear his unwavering commitment that the MACC will always protect all whistleblowers who fall within the ambit of the Whistleblower Protection Act," it said.

'No conflict between ACAB and Abu Zahar'

PETALING JAYA: There is no conflict between the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) Anti-Corruption Advisory Board (ACAB) and chairman Tan Sri Abu Zahar Ujang, says board member Prof Datuk Mohammad Agus Yusoff.

Dosa perasuah 'terpaut' banyak pihak

Bukan sahaja dengan Tuhan tapi pihak dizalimi hak mereka

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

SHAH ALAM



Dosa rasuah bukan sahaja melibatkan diri penzalim dengan Yang Maha Pencipta, malah dosa yang terpaut dengan orang ramai atau pihak ketiga.

Pendakwah yang juga aktivis terkenal, Firdaus Wong Wai-jung berkata, rasuah bukan sahaja satu dosa dengan ALLAH SWT bahkan melibatkan pihak ketiga yang dizalimi haknya.

Menurutnya, perbuatan rasuah adalah suatu pemberian atau pulangan yang bertujuan untuk memalsukan kebenaran.

Jelas beliau, orang yang menzalimi akan diketemukan semula lengan pihak yang dizaliminya lengan begitu dekat di akhirat

kelak, malah akan dipertanggungjawabkan di hadapan Tuhan yang menjadi hakim pada hari pembalasan.

"Jika terlibat dengan rasuah, adakala kita mengetahui pihak yang terkesan dengan perbuatan jijik tersebut. Maka kita boleh pergi minta maaf kepadanya.

"Tetapi bagaimana pula jika orang yang kita zalimi itu tidak diketahui siapakah gerangannya? Bagaimana kita mahu memohon kemaafan?" tegasnya pada program Kafe Rasuah Busters bertajuk *Dosa Rasuah Tak Terhapus Di Tikar Sejadah* yang dihoskan oleh Sam Ghani.

Mengulas lanjut, Firdaus

Mungkin di dunia, kita boleh terlepas dengan merasuah pihak-pihak tertentu tetapi tidak di hadapan ALLAH SWT."



Firdaus Wong (kiri) menjadi panel program Kafe Rasuah Busters bertajuk *Dosa Rasuah Tak Terhapus Di Tikar Sejadah* yang dihoskan oleh Sam Ghani.

Wong berkata, apabila ada melibatkan pihak ketiga, situasi tersebut bukan boleh diselesaikan dengan hanya pergi ke Mekah, memohon keampunan atau menzahirkan di media sosial.

Tambah beliau, perbuatan tersebut bukan satu penanda aras keikhlasan, sebaliknya pelaku perlu memohon maaf daripada orang yang dizaliminya.

"Sekiranya orang yang terlibat itu tidak mahu mengampunkan dosa yang dilakukan terhadapnya, maka ia perlu diselesaikan di akhirat kelak di hadapan ALLAH SWT," ujarinya.

Beliau berkata, dosa rasuah

adalah suatu perkara yang sukar hendak diselesaikan dan tidak boleh hendak 'kawtim'.

"Mungkin ada duit untuk menyelesaikan di dunia menerusi jalan belakang, tetapi kita orang Islam ada pemilik hari akhirat.

"Mungkin di dunia kita boleh terlepas dengan merasuah pihak-pihak tertentu tetapi tidak di hadapan ALLAH SWT," jelasnya.

Selain itu, menurut Firdaus, ada pihak mengaburi perbuatan jenayah dengan menampakkan sisi baik diri dengan amal kebajikan.

Kata beliau, perbuatan seumpama itu di lakukan bagi me-

nampakkan kebaikan diri, sekali gus bebas membuat perkara kejahatan supaya orang tidak tahu dia jahat sebenarnya.

"Jika mahu bertaubat daripada rasuah, seseorang itu bukan sahaja perlu insaf dan tidak mahu mengulanginya lagi tetapi perlu menjadi pendukung kepada amalan antirasuah atau memberi kerjasama kepada badan yang berusaha mencegah rasuah.

"Semoga ia menjadi asbab untuk Tuhan mengampuni dosa-dosa lalu. Ini kerana orang yang muflis di akhirat kelak adalah mereka yang solat tetapi hakikatnya dia masih lagi menzalimi pihak lain," katanya.



FIRDAUS WONG

13.01.2022
Khamis
SINAR
HARIAN

Kes rasuah: Bekas Penolong Pegawai Perpaduan Daerah didenda RM4,000

MELAKA - Seorang bekas Penolong Pegawai Perpaduan Daerah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan menerima suapan pada November 2017.

Tertuduh, Fatimah Azmi, 34, didenda sebanyak RM4,000 selepas membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan di sini pada Rabu.

Berdasarkan pertuduhan, Fatimah ketika itu merupakan seorang penjawat awam iaitu Penolong Pegawai Perpaduan Daerah yang bertugas di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Melaka.

Tertuduh didakwa menerima suatu benda yang berharga iaitu wang tunai tanpa balasan kesemuanya berjumlah RM3,200 daripada seorang individu.

Tertuduh juga mengetahui bahawa individu terbabit mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur serta di Taman Cheng Baru, Melaka pada 5 dan 6 November 2017.

Untuk dua pertuduhan tersebut, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memper-

untukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), A Kalai Vani, manakala tertuduh diwakili peguam Azrul Zulkifli Stork.

Dalam rayuannya, Azrul Zulkifli memohon hukuman rendah diberikan kepada tertuduh.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh didenda sebanyak RM2,000 bagi setiap pertuduhan atau dua bulan penjara jika gagal membayar denda yang dikenakan.



Fatimah (kanan) ditemani suaminya ketika keluar dari Mahkamah Sesyen di Melaka pada Rabu atas dua pertuduhan menerima suapan.



14

RASUAH
BUSTERS

KHAMIS 13 JANUARI 2022 • SINAR HARIAN

25 syarikat disiasat kes butiran akaun palsu

Untuk dapatkan kontrak lebih RM60 juta dari syarikat pembersihan

ALOR SETAR

Sebanyak 25 buah syarikat dikenal pasti terbabit dalam kes mengemukakan penyata akaun bank yang mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat pembersihan di sini antara tahun 2018 dan 2019.

Menurut sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kesemua syarikat itu dipercayai melakukan perbuatan tersebut bagi melayakkan mereka mendapatkan kontrak bernilai lebih RM60 juta daripada syarikat pembersihan itu.

Katanya, setakat ini SPRM telah menahan seramai 25 individu yang disyaki terlibat di



Pegawai SPRM membawa dua suspek bagi mendapatkan perintah tahanan reman di Mahkamah Rendah Alor Setar pada Rabu.

Bangi, Selangor serta Pejabat SPRM Kedah di sini pada Isnin dan Selasa.

"Pihak SPRM masih mencari lagi pihak terbabit dengan ada antara mereka yang dikenal pasti sudah menukar alamat," katanya di sini pada Rabu.

Pada Rabu, dua lagi individu yang ditahan itu dikenakan reman selama enam hari bermula Rabu selepas Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Alor Setar Eliana Ismail membenarkan permohonan SPRM ke atas kedua-dua mereka yang berumur 37 dan 51 tahun.

Sumber itu menambah, se-

hingga kini jumlah yang direman ialah 17 orang termasuk 15 individu yang direman antara tiga dan lima hari mulai Selasa, manakala lapan lagi dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Kesemua mereka yang terdiri daripada pemilik, pengarah dan pengurus syarikat selain kontraktor serta bekerja sendiri itu berusia antara 31 hingga 77 tahun.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memberitahu kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. - *Bernama*

Ketua keselamatan direman tiga hari

SEREMBAN - Seorang ketua keselamatan di sebuah syarikat kontraktor direman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah terhadap seorang penyelia keselamatan dua tahun lalu.

Lelaki berusia 40 tahun itu direman bermula Rabu selepas permohonan dibuat oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Khairi Abdul Karim di Mahkamah Khas Reman Seremban pada Rabu.

Perintah reman terhadap lelaki itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Nurhayatie Saini mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sebelum itu suspek tiba di mahkamah pada jam 10 pagi dengan berpakaian lokap warna oren diiringi pegawai SPRM.

Berdasarkan maklumat SPRM, lelaki itu ditahan di rumahnya di Johor pada Selasa jam 8.50 pagi.

Suspek ditahan atas kesalahan meminta dan menerima suapan sebanyak RM2,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan disiplin terhadap seorang penyelia keselamatan kerana kesalahan tidak hadir bertugas di sebuah tapak projek. Perbuatan itu dilakukan pada 29 Julai 2020.



Suspek (depan) diiringi pegawai SPRM di Mahkamah Khas Reman Seremban pada Rabu.



Tukang rumah mengaku salah rasuah polis

JOHOR BAHRU - Seorang tukang rumah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas tuduhan cuba merasuah seorang anggota polis dengan memberi suapan RM1,290 pada Mei tahun lalu.

Tertuduh Wong Chee Ming, 32, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Tamil di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagaimanapun, hakim meminta tertuduh melantik peguam bagi mengesahkan pengakuan salahnya.

Mengikut kertas pertuduhan, Chee Ming didakwa secara rasuah memberi satu suapan wang tunai RM1,290 kepada anggota polis berpangkat Lans Koperal berusia 31 tahun di Balai Polis Air Bemban, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai.

Perbuatan itu dilakukan sebagai dorongan ti-



Chee Ming Uba di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Selasa atas pertuduhan cuba merasuah anggota polis.

dak membuat sesuatu yang berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya untuk melepaskan tertuduh dan rakannya daripada menjalani ujian saringan awal air kencing.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta yang

sama iaitu jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun, denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Yunus Mohamed manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Sebutan semula kes ditetapkan pada 14 Februari depan.

Bekas pekerja hiasan dalaman didakwa pengubahan wang haram

SHAH ALAM - Seorang bekas pekerja hiasan dalaman didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas empat pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM227,000, dua tahun lalu.

Nur Aliyyah Habibah Jackson Ghani, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah ke atas semua pertuduhan itu di hadapan Hakim Helina Sulaiman.

Mengikut dua pertuduhan, Nur Aliyyah didakwa memindahkan RM180,000 daripada akaun semasa milik sebuah syarikat yang merupakan hasil aktiviti haram ke dalam akaun semasa seorang individu.

Bagi dua lagi pertuduhan, dia didakwa melupuskan wang tunai berjumlah RM47,000 dari akaun semasa milik syarikat yang sama, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Kesemua perbuatan itu dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat dekat sini di antara 7 hingga 20 April 2020.

Hakim Helina menetapkan jumlah jaminan RM3,000 bagi setiap pertuduhan dan membenarkan permohonan



Nur Aliyyah didakwa di Mahkamah Sesyen pada Rabu atas empat pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM227,000, dua tahun lalu.

an daripada peguam tertuduh untuk membolehkan keempat-empat kes itu untuk dibicarakan bersama dengan pertuduhan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 di Mahkamah Sesyen 11 pada 24 Januari ini. - Bernama

am Negeri

Sindiket rasuah pegawai penjara, dua lagi ditahan SPRM

KANGAR: Seorang pegawai penjara dan seorang individu yang berperanan sebagai orang tengah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri semalam berkaitan sindiket rasuah bernilai kira-kira RM60,000 daripada keluarga banduan sebagai dorongan menyeludup barang-barang terlarang ke dalam penjara.

Kedua-dua mereka yang berusia 36 tahun dan berasal dari Kedah itu direman tujuh hari sehingga 18 Januari ini.

Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Siti Nor Hasliza Md. Ali di Kompleks Mahkamah Kangar, di sini semalam.

Menurut sumber, sus-

Menurut sumber, suspek pertama yang merupakan orang awam ditahan di pejabat SPRM kira-kira pukul 6.50 petang semalam.

Katanya, suspek dipercayai sebagai proksi atau orang tengah memindahkan wang suapan bernilai RM60,000 melibatkan 300 transaksi sepanjang tahun lalu.

“Pegawai penjara Pokok Sena, Kedah tersebut pula ditahan di pejabat SPRM pada pukul 8.15 malam hari sama. Kedua mereka adalah kawan. Suapan tersebut adalah sebagai balasan untuk menyeludup barang-barang terlarang ke dalam penjara Pokok Sena,” katanya.

Menurutnya, proksi tersebut disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 manakala pegawai penjara itu disiasat di bawah Seksyen 17(a) akta yang sama.

Tambah sumber itu lagi, kes tersebut dipercayai melibatkan sindiket dan usaha mengesan ketua disebalik sindiket tersebut sedang dilakukan.

“Mungkin akan ada lagi tangkapan selepas ini melibatkan sindiket yang sama,” ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah SPRM negeri, Suzellyana Hashim ketika dihubungi mengesahkan penangkapan tersebut.

13.01.2022
Khamis
UTUSAN
MALAYSIA

Rosmah fail permohonan baharu gugur hakim bicara kes ubah wang haram

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Datin Seri Rosmah Mansor sekali lagi memfailkan permohonan untuk menggugurkan seorang hakim Mahkamah Tinggi daripada mendengar perbicaraan kes pengubahan wang haram (AMLA) dan gagal mengisytiharkan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang dihadapinya.

Isteri bekas Perdana Menteri itu juga akan mengemukakan permohonan untuk menggugurkan Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada pasukan pendakwaan dalam kes berkenaan.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan kedua-dua permohonan dan satu permohonan untuk menggantung prosiding perbicaraan kes AMLA, didengar oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 24 Januari ini.

Rosmah memohon kesemua prosiding dalam kes terlibat digantung sehingga rayuan berhubung keputusan Hakim Mohamed Zaini menolak permohonannya supaya beliau menarik diri, diputuskan oleh Mahkamah Rayuan.

Sehubungan itu, perbicaraan yang sepatutnya didengar semalam di hadapan hakim berkenaan ditangguhkan kerana permohonan

Rosmah untuk menggugurkan Hakim Mohamed Zaini difailkan kelmarin.

Hakim tersebut merupakan



ROSMAH Mansor hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam bagi perbicaraan kes pengubahan wang haram. - UTUSAN/ALIF AHMAD ZUBIR

hakim yang sama mendengar perbicaraan kes rasuah Rosmah berhubung projek solar hibrid dan yang mengarahkan wanita itu membela diri atas pertuduhan tersebut.

Ketika mahkamah mula bersidang, Sri Ram memaklumkan pihaknya membantah kesemua permohonan yang dikemukakan oleh Rosmah.

Sri Ram turut menarik perhatian mahkamah dengan mendakwa, Rosmah menyalahgunakan proses mahkamah kerana sekali lagi mempertikai-

kan pelantikannya secara fiat sebagai pendakwa raya dalam kes pengubahan wang haram.

Sri Ram menyatakan, permohonan tersebut menggunakan alasan yang sama sedangkan Hakim Mohamed Zaini sebelum ini telah menolak permohonannya pada 14 Disember 2021.

Pada 22 Disember 2021, Rosmah memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut dan kes ditetapkan untuk pengurusan kes di Mahkamah Rayuan pada 23 Mac ini.

Rosmah berdepan 12 pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM7,097,750, serta lima pertuduhan gagal menyerahkan penyata pendapatan kepada LHDN.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Affin Bank Berhad, Cawangan Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang di sini, antara 4 Disember 2013 dan 8 Jun 2017 dan di LHDN, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, di sini dari 1 Mei 2014 hingga 1 Mei 2018.

Ebit Lew: PDRM masih tunggu AGC

PETALING JAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menunggu maklum balas Pejabat Peguam Negara (AGC) berhubung kertas siasatan melibatkan pendakwah popular, Ebit Lew.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, pihaknya sedang menunggu maklum balas AGC untuk tindakan selanjutnya.

“Kita masih belum mendapat maklum balas daripada AGC,” katanya ringkas ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ditanya sama ada pihaknya mencadang untuk mendakwa atau sebaliknya beliau memaklumkan, bergantung kepada maklum balas AGC.

Pada 29 Disember lalu, PDRM berkata, kertas siasatan melibatkan pendakwah terkenal, Ebit Erawan Ibrahim Le, 37, telah lengkap.

Abd. Jalil dilaporkan berkata, pihaknya telah menyerahkan kepada AGC untuk tindakan susulan.

Siasatan terhadap Ebit dilakukan Ogos lalu selepas pihak polis menerima laporan daripada beberapa individu mendakwa pendakwah itu melakukan gangguan seksual.

Susulan laporan itu, polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan, Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 serta Seksyen 23 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

13.01.2022
Khamis
UTUSAN
MALAYSIA

Menyorok lima jam di mahkamah elak dirakam

Oleh DIYANATUL
ATIQAH ZAKARYA
utusannews@mediamulla.com.my

MELAKA: Hanya kerana RM320, seorang bekas penjawat awam bukan sahaja terpaksa membayar denda RM4,000, malah sanggup 'menyorok' hampir lima jam di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, gara-gara mahu mengelak dirinya dirakam petugas media.

Tertuduh, Fatihah Azmi, 34, diperintah Hakim Elesabet Paya Wan membayar denda tersebut selepas mengaku salah terhadap dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM320, lima tahun lalu.

Mengikut pertuduhan tersebut, tertuduh yang merupakan bekas Penolong Pegawai Perpaduan Daerah di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Melaka didapati menerima suapan sebanyak RM320.

Suapan itu diterimanya daripada Mohd. Yusri Jaafar yang mana tertuduh mengetahui ba-



FATIHAH Azmi menyorok hampir lima jam di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh. Melaka gara-gara mahu mengelak dirinya dirakam petugas media. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

hawa lelaki terbabit mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi.

Tindakan itu dilakukan tertuduh pada 5 dan 6 November 2017 masing-masing di Malayan

Banking Berhad di Kuala Lumpur dan Maybank Islamic Berhad dalam daerah Melaka Tengah.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara mak-

simum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, tertuduh yang diwakili Peguam Azrul Zulkipli Stork memohon hukuman ringan dengan alasan perlu menjaga empat orang anak yang masih kecil, selain ibu dan bapanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), A. Kalaivani bagaimanapun memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan masyarakat.

Selepas mendengar rayuan kedua pihak mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM4,000 bagi kedua-dua pertuduhan atau dua bulan penjara jika gagal bayar.

Tertuduh kemudian membayar denda tersebut dan dilihat keluar dari mahkamah selepas hampir lima jam hukuman dijatuhkan, sambil diiringi seorang lelaki dipercayai suaminya.

Dalam Negeri

Memalsukan sijil vaksin buat umrah ibarat solat guna telekung curi

Sah tapi dapat dosa - Mufti

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN
zareen.hs@mediamula.com.my

PETALING JAYA: "Perbuatan memalsukan sijil vaksin ini lebih kurang seperti solat menggunakan telekung curi."

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad berkata, pengambilan vaksin Covid-19 berkait rapat dengan isu diplomatik.

"Apabila ada individu yang memalsukan data seperti itu (vaksin), ia sebenarnya berkait rapat dengan isu diplomatik.

"Kita sedia maklum yang kerajaan Arab Saudi telah wajibkan vaksin jadi kita perlu turuti walaupun di Malaysia, vaksin itu tidak wajib.

"Sekarang yang menjadi persoalannya adalah tindakan mereka yang menipu dengan memalsukan sijil vaksinasi tetapi pergi buat ibadat (umrah). Mungkin ibadat itu sah namun dosa kerana menipu itu tetap ada," katanya di sini, semalam.



Selain itu, Mohd Yusof juga berpandangan supaya Malaysia boleh mengadakan perbincangan dengan kerajaan Arab Saudi berkenaan pelepasan jemaah yang tidak menerima vaksin.

"Perkara ini kita tidak tahu sejauh mana ia boleh dibincangkan, namun agak sukar jika Malaysia tidak mewajibkan vaksin tetapi untuk mereka yang hendak mengerjakan umrah perlu

“Apabila ada individu yang memalsukan data seperti itu (memalsukan vaksin), ia sebenarnya berkait rapat dengan isu diplomatik.”

MOHD. YUSOF AHMAD

mengambil vaksin.

"Kita tidak wajibkan tetapi banyak pula aktiviti yang tersekat jika tidak mengambil vaksin," katanya.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu membongkarkan kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad perijinan (temu janji) vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial yang membawa kepada penahanan suspek baru-baru ini.

Suspek dipercayai melakukan kegiatan itu sejak September tahun lalu selepas klinik berkenaan mendapat kebenaran mengendalikannya suntikan vaksinasi secara berbayar.

Dalam tempoh berkenaan, lebih 1,900 sijil vaksinasi Covid-19 diedarkan dengan kadar bayaran antara RM400 hingga RM600.

Malah, isu vaksin turut mendapat reaksi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad yang menyelar tindakan seorang muftawif yang didakwa membawa jemaah tidak divaksin menunaikan umrah.

Beliau melahirkan rasa kesal dengan tindakan yang didakwa dilakukan individu terbabit sedangkan syarat untuk menunaikan ibadah umrah adalah mesti mengambil vaksin.

KUALA TERENGGANU: Lima individu yang membeli sijil vaksinasi palsu di sebuah klinik swasta di Marang dekat sini bersedia menjadi saksi membantu siasatan polis.

Ketua Polis negeri, Datuk Rohaimi Md. Isa berkata, polis turut bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk membuat serbuan dalam aplikasi MySejahtera.

"Kesemua mereka menghubungi polis dan mengaku terlibat dalam pembelian sijil vaksinasi tanpa menerima suntikan.

"Jadi, kita minta lebih ramai individu tampil secara sukarela untuk membantu siasatan kes ini," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Polis Negeri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPO) Terengganu di sini, semalam.

Sabtu lalu, seorang doktor klinik swasta di Marang ditahan polis dipercayai menawarkan khidmat menjual sijil vaksinasi palsu termasuk kepada pelang-



gan dari Kuala Lumpur, Pahang, Kedah dan Johor dengan kadar bayaran antara RM400 hingga RM600 seorang.

Sementara itu, Rohaimi berkata, siasatan awal mendapati ada golongan tertentu yang mendapatkan sijil vaksinasi palsu daripada suspek, namun beliau tidak dapat mendedahkan lebih lanjut buat masa ini.

Katanya, suspek utama yang berusia 51 tahun akan dibebaskan dengan jaminan polis esok sementara menunggu arahan pihak pendakwa raya selepas tempoh reman berakhir.

"Kita akan menghantar barang-barang kes seperti komputer riba dan telefon bimbit ke Bahagian Forensik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK)

Bukit Aman esok untuk dianalisis di sana," katanya.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya tidak mahu melihat usaha dan langkah kerajaan melakukan pencegahan (Covid-19) terhalang oleh kerana mereka menggugat imej negara.

Malah, beliau tidak menolak kemungkinan sindiket sedemikian wujud di negeri-negeri lain.

"Saya telah mengarahkan ketua-ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) kontinjen negeri melalui Pengarah JSJ Bukit Aman (Datuk Seri Abd. Jalil Hassan) dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman (Datuk Mohd. Kamarudin Md Din) untuk menjalankan risikan.

"Ini bagi mengesan sama ada terdapat lagi perkara sama berlaku di tempat-tempat lain," katanya selepas hadir ke program pendidikan dan kemahiran awal murid autisme di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, semalam.

Lima individu sedia jadi saksi

13.01.2022

Khamis UTUSAN MALAYSIA

Enam ahli LPPR tutup mulut

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamajlis.com.my

PETALING JAYA: Keenam-enam ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) sepakat tutup mulut dan enggan memberikan komen berhubung penjelasan Pengerusi LPPR, Tan Sri Abu Zahar Ujang kelmarin dengan alasan tidak mahu mengesahkan keadaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli LPPR, Prof. Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff berkata, setakat ini tiada apa-apa penjelasan termasuk daripada anggota lembaga lain sehingga satu tempoh ditentukan kelak.

"Saya dan ahli-ahli lain

tidak mahu komen atau memberikan sebarang penjelasan. Kalau ditanya media, kami akan beri jawapan *no komen*," katanya.

Selain Mohammad Agus, LPPR dianggota lima wakil lain iaitu Tan Sri Ismail Omar, Datuk Seri Azman Ujang, Datuk Seri Akhbar Satar, Datuk Dr. Hamzah Kassim, Datuk David Chua Kok Tee dengan Abu Zahar sebagai Pengerusi.

Kelmarin Abu Zahar memaklumkan beliau kecewa dengan kenyataan media oleh enam ahli LPPR pada 8 Januari lalu dan percaya kenyataan mereka dilakukan atas dasar reaksi tidak popular daripada satu golongan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki dilanda kontroversi berhubung pemilikan saham di dua syarikat pada 2015.

Berdasarkan laporan tahunan Excel Force Bhd, 2015, Azam memiliki 2,156,000 waran dalam syarikat itu setakat 21 Mac 2016 ketika menaja di Pengarah Bahagian Siasatan SPRM.

Susulan itu, terketus gesaan agar Azam direhatkan daripada jawatan tertinggi agensi pencegahan rasuah negara sementara disiasat.

Bagaimanapun, Azam pada satu sidang media Rabu lalu, menafikan sekeras-kerasnya

tuduhan, beliau mempunyai kawalan ke atas banyak syarikat termasuk syarikat konglomerat seperti didakwa dan tular akhir-akhir ini.

Beliau memberi alasan akaun saham itu digunakan oleh adiknya, Datuk Nasir Baki dalam urusan niaga dan beliau tidak mempunyai kepentingan atau manfaat terhadap saham yang dibeli.

Abu Zahar yang turut hadir pada sidang media itu ditepit berkata, pihaknya berpuas hati dengan penjelasan Ketua Pesuruhjaya SPRM itu, bahawa beliau tiada kepentingan kewangan mahupun konflik kepentingan dalam pemerolehan saham berkenaan.

Parlimen bincang isu Azam 19 Januari

PETALING JAYA: Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan mesyuarat berhubung isu pemilikan saham syarikat membabitkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki pada 19 Januari ini.

Perkara itu dimaklumkan Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Chan Foong Hin yang memberitahu, beliau menerima surat jemputan menghadiri mesyuarat itu semalam.

Menurut beliau, mesyuarat akan berlangsung pukul 2 petang, 19 Januari di Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Blok Utama Parlimen.

"Isu yang akan bincang adalah isu pemilikan saham syarikat oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM," kata beliau dalam Facebook.

Terdahulu, Foong Hin memuat naik surat jemputan ditandatangani Setiausaha Dewan Rakyat, Dr. Nizam Mydin Bacha Mydin yang meminta ahli-ahli parlimen selaku anggota jawatankuasa itu untuk menjalani ujian sendiri Covid-19 RTK di samping mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Terdapat sembilan anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Men-



KONTROVERSI melibatkan Azam Baki akan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 19 Januari ini.

teri yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Kuala Krai, Abdul Latiff Abdul Rahman (Pas).

Selain Foong Hin (DAP), anggota lain adalah Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN); Ahli Parlimen Parit, Datuk Mohd Nizar Zakaria (BN); Ahli Parlimen Baram, Anyi Ngau (GPS); Ahli Parlimen Setiu, Shaharizukir-nain Abd. Kadir (Pas); Ahli Parlimen Selayang, William Leong Jee Keen (PKR); Ahli Parlimen Kota Melaka, Khoo Pay

Tiong (DAP) dan Ahli Parlimen Sepanggar, Datuk Mohd. Azis Jamman.

Azam sebelum ini dilanda kontroversi berhubung dakwaan pemilikan saham di dua syarikat pada 2015. Berdasarkan laporan tahunan Excel Force Bhd 2015, beliau memiliki 2,156,000 waran dalam syarikat itu setakat 21 Mac 2016 ketika menjadi Pengarah Bahagian Siasatan SPRM.

Sementara itu, dalam kenyataan terbaru Azam semalam,

beliau dilaporkan tidak akan tunduk dengan desakan mana-mana pihak untuk melepaskan jawatan sebagai KP SPRM.

Sebaliknya, Azam memberitahu, hanya Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan perkhidmatannya dalam SPRM.

Selain itu, Azam berkata, beliau tidak mahu ambil peduli dengan tuntutan yang mahu diperjuangkan oleh pihak-pihak tertentu dan percaya satu hari nanti semua orang akan mengetahui kebenarannya.

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 13 JANUARI 2022

Dalam Negeri

Dalam Negeri

**Minda
Pengarang**

NIZAM ABDUL HAMID



Apa faedahnya menipu sijil vaksin Covid-19

APABILA 1,306 daripada 11,108 jemaah umrah yang pulang dari Mekah positif Covid-19 dan sebahagian kecil pula didapati tidak mengambil vaksin, ramai yang menggeleng kepala dan berasa hairan.

Hairannya, bagaimana mereka boleh terlepas sempadan negara dan Arab Saudi sedangkan pengambilan dua dos vaksin antara syarat perlu dipatuhi.

Apa pun cara yang mereka guna untuk melepasi sempadan kedua negara tanpa memenuhi syarat vaksinasi, bolehlah dikatakan jemaah umrah terlibat melakukannya dengan cara yang tidak betul.

Mana mungkin mereka yang tidak mengambil vaksin Covid-19 mempunyai sijil vaksin. Amat malang jika jemaah terlibat memilih cara salah untuk memenuhi syarat vaksinasi tersebut. Ketika ini pun sudah terbukti ada pihak menjual sijil vaksin palsu dan memutar belit status kesihatan.

status kesihatan.

Mungkin jemaah terlibat fikir mereka sihat, kebal daripada Covid-19 dan percaya dengan pelbagai teori antivaksin, maka tidak perlu untuk mereka mengambil vaksin dan mengisytiharkan status kesihatan mereka menerusi aplikasi MySejahtera.

Aplikasi MySejahtera mungkin ada kelemahannya tetapi itu bukan alasan untuk memanipulasinya lebih-lebih lagi jika mahu ke tanah suci. Sebenarnya boleh sahaja pesakit Covid-19 menipu status kesihatan mereka seperti menafikan mengalami simptom tertentu. Ini kerana tiada siapa yang memantau mereka. Ia dilakukan secara sendiri. Malah klinik juga boleh membantu jika mereka mahu bersubhat dalam penipuan.

Mereka hanya 'tertangkap' apabila menjadi *contact* rapat dengan individu yang positif Covid-19 atau mereka sendiri dijangkiti virus itu. Status positif mungkin menakutkan sesetengah orang kerana kebebasan mereka akan terbatas seketika kerana perlu menjalani kuarantin termasuk yang tiada simptom.

Bagi yang sudah merancang perjalanan jauh seperti umrah, sudah pasti ada yang sanggup memanipulasi aplikasi MySejahtera. Segalanya kelihatan elok.

Tetapi apa faedahnya berbuat demikian kerana akhirnya jika tak bernasib baik, mereka atau ahli keluarga sendiri yang dijangkiti virus itu.

Jika ramai yang melakukan demikian, tak mustahil kes positif Covid-19 akan mencanak semula.

Ketika penawar mujarabnya belum ditemukan, mutasi varian baharu terus menular dan pergantungan kepada pemeriksaan secara sendiri diperluaskan, mampukah Covid-19 dapat ditangani dengan berkesan?

Mahu atau tidak, setiap orang perlu jujur dengan mengambil vaksin, jangan menipu status kesihatan dan peka sebarang perubahan pada diri sendiri.

Mungkin ramai yang tidak kisah dengan langkah membendung pandemik itu tetapi hormati hak orang lain yang mahu hidup sihat.

Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.

13.01.2022
Khamis
UTUSAN
MALAYSIA



FEBRUARI

2022

07.02.2022

Isnin

**HARIAN
METRO**

SPRM terima aduan isu integriti Mara

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan menerima satu laporan berhubung dakwaan isu integriti melibatkan beberapa pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang sedang disiasat secara dalaman oleh agensi itu.

SPRM dalam kenyataan kelmarin memaklumkan pihaknya memandang serius dakwaan itu dan siasatan dijalankan bermula Isnin ini dengan mengambil keterangan beberapa saksi Mara Corporation.

“Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 yang berkaitan dengan kesalahan mana-mana pegawai badan awam menggunakan jawatan atau kedudukannya

mendapatkan suapan,” menurut kenyataan itu.

Kelmarin Bernama melaporkan Pengerusi Mara Datuk Seri Azizah Mohd Dun berkata pihaknya memulakan siasatan lanjut di Mara Corporation dengan meneliti dokumen-dokumen berkaitan bagi memastikan pengurusan syarikat sentiasa berlandaskan tadbir urus yang baik.

“Sekiranya wujud sebarang salah laku dalam tadbir urus anak syarikat di bawah agensi ini, Mara sekali tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana individu yang terlibat atas prinsip menjunjung nilai integriti dalam melaksanakan amanah yang diberikan,” katanya.

lokal

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

11 PEGAWAI MASUKI BANGUNAN CARI BUKTI

SPRM serbu pejabat Mara

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu pejabat Majlis Amanah Rakyat (Mara), Mara Corporation dan pejabat Setiausaha Syarikat kepada Mara Corporation dalam serbuan serentak di ibu kota, semalam.

Seramai 11 pegawai SPRM dilihat memasuki bangunan Mara pada jam 10.30 pagi bagi mendapatkan maklumat berkaitan dakwaan isu integriti pegawai kanan agensi terbabit.

Difahamkan, serbuan dilakukan bagi mengumpul dokumen dan mengambil keterangan beberapa saksi daripada Mara Corporation.

Terdahulu, SPRM dilaporkan memandang serius dakwaan wujudnya isu integriti membabitkan beberapa pegawai kanan Mara yang sedang disiasat secara dalaman oleh agensi terbabit.

SPRM menerima satu aduan berkaitan isu berkenaan dan akan memulakan siasatan dengan mengambil keterangan beberapa saksi daripada Mara Corporation.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 yang berkaitan dengan kesalahan mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk mendapatkan su-



SERAMAI 11 pegawai SPRM dilihat memasuki bangunan Mara pada jam 10.30 pagi, semalam.

08.02.2022
Selasa
SINAR
HARIAN



Serbuhan dilakukan di tiga lokasi di ibu negara

Oleh MUTIAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

SPRM rampas dokumen untuk siasatan kes Mara

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti setiap dokumen yang dirampas sebelum memanggil lima pegawai Kanan Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk siasatan berhubung isu pembebanan elau.

Menurut sumber, laporan telah diterima pihak SPRM melibatkan isu elau.

"Antara dokumen yang dirampas ialah dokumen perjawatan, dokumen pembayaran dan lain-lain. Surat yang tular di media sosial itu juga diperlukan untuk SPRM siasat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Kata sumber, isu tersebut baru timbul dan SPRM memerlukan dokumen berkaitan untuk diteliti terlebih dahulu sebelum memanggil lima pegawai Mara dan saksi berkaitan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan sepasukan pegawai penyiasat suruhanjaya itu menjalankan pe-



AZAM BAKI



AZIZAH



meriksaan di tiga pejabat Majlis Amanah Rakyat (Mara) di ibu negara, pada Isnin.

Katanya, pemeriksaan dijalankan bermula jam 10.30 pagi sehingga jam 6.30 petang.


"Pegawai penyiasat telah mengambil beberapa dokumen berkaitan untuk diteliti. Tiada individu ditahan dan ditangkap hari ini."

"Dari segi keadilan, siasatan perlu dibuat dengan adil kepada semua. Usah memiasat secara semberono sahaja kerana siasatan akan dibuat dahulu sebelum memanggil individu atau saksi berkaitan," ujarnya.

Pada 5 Februari lalu, satu aduan diterima SPRM berhubung dakwaan wujudnya isu integriti



Seorang kakitangan sebuah syarikat membantu membawa keluar sebuah ketek dipercayai mengandungi dokumen berkaitan siasatan isu integriti melibatkan Mara semasa diteliti pegawai SPRM.



Kelihatan kakitangan sebuah syarikat keluar dan masuk dalam pejabat berkenaan ketika kehadiran dan pemeriksaan pegawai SPRM pada Isnin.

melibatkan beberapa pegawai kanan Mara yang sedang disiasat secara dalaman oleh agensi itu.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, pihaknya memandang serius dakwaan berkenaan dan akan memulakan siasatan di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.

Sebelum itu, sepucuk surat berhubung permohonan untuk melakukan siasatan terhadap lima pegawai tinggi Mara tular dalam laman sosial Twitter se-

lepas didedahkan oleh pemilik akaun @ES_EdisiKhas yang melampirkan enam helai surat tersebut berhubung integriti pegawai-pegawai Mara.

Surat yang bertarikh 30 Januari itu dihantar oleh Pengerusi Eksekutif Mara Corporation, Datuk Suhaili Abdul Rahman kepada Pengerusi Mara, Datuk Seri Azizah Mohd Dan.

Sementara itu, Azizah ber-

kerjasama kepada SPRM bagi memulakan siasatan ke atas pegawai Mara yang dikaitkan dengan dakwaan isu integriti. Beliau berkata, pihaknya menyerahkan sepenuhnya kes itu untuk siasatan pihak SPRM.

Katanya lagi, Mara sentiasa komited dalam memastikan integriti organisasi itu terpelihara dan tidak sesekali berkompromi dengan sebarang salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan kepentingan awam.

Polis sudah panggil tujuh individu siasat kes Mara

SHAH ALAM - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah merakam keterangan tujuh individu bagi melengkapkan Kertas Enkuari Polis (KEP) susulan laporan polis dibuat lima pegawai Majlis Amanah Rakyat (Mara) secara berasingan di Balai Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya, ketika dihubungi wartawan *Sinar Premium*, mengesahkan ketujuh-tujuh saksi berkenaan dipanggil memberi keterangan secara berasingan, pada Ahad dan Isnin.

"Setakat ini, kita sudah selesai merekodkan keterangan daripada tujuh individu termasuk lima daripadanya adalah pegawai Mara yang membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi, pada Ahad

lalu bagi menafikan pembabitannya mereka dalam salah laku syarikat Mara Corporation Satu Bhd (Mara Corp).

"Hari ini, kita panggil dua lagi saksi penting termasuk Pengarah Bahagian Undang-Undang Mara Corp dan Ketua Pengarah Mara bagi membantu siasatan kes terbabit."

"Ketua Pengarah Mara, direkodkan keterangannya selepas membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi, hari ini (Isnin) berhubung penyebaran dokumen syarikat terbabit," katanya.

Noor Dellhan berkata demikian ketika mengulas berhubung perkembangan terkini siasatan susulan tindakan polis



NOOR DELIHAN

membuka kertas KEP selepas laporan dibuat oleh lima pegawai Mara di Balai Polis Dang Wangi, pada pagi Ahad lalu.

"Terdahulu, lima pegawai Mara membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi, pada Ahad lalu bagi menafikan

dakwaan terbabit dalam perbuatan salah guna kuasa seperti yang dilaporkan dalam satu dokumen yang tular di media sosial, baru-baru ini.

Menurut sumber, mereka turut mendakwa individu yang menandatangani dokumen itu cuba mengalah perhati-

an Pengerusi Mara terhadap isu salah guna kuasa yang dilakukan salah seorang ahli lembaga Pengarah Mara Corp.

Mengulas lanjut, Noor Dellhan berkata, polis juga akan merakam keterangan seorang lagi pegawai Mara sebaik beliau tamat menjalani kuarantin akibat jangkitan Covid-19, pada Sabtu ini.

Beliau berkata, pihak polis kini sedang melengkapkan kertas KEP dan akan menyerahkannya kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya apabila ia siap kelak untuk tindakan selanjutnya.

Bagaimanapun, Noor Dellhan berkata, polis tidak menjalankan siasatan berhubung dakwaan penyalahgunaan kad kredit yang didakwa dilakukan oleh seorang Ahli Lembaga Pengarah Mara Corp kerana difahamkan

perkara itu sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekarang.

Berikutan itu, SPRM, pada pagi Isnin menyerbu sekurang-kurangnya tiga pejabat berkaitan Mara di ibu negara bagi membantu siasatan berhubung dakwaan isu integriti membabitkan beberapa pegawai kanan agensi berkenaan.

Beberapa pegawai SPRM hadir di pejabat berkenaan bermula kira-kira jam 10.30 pagi Isnin dipercayai untuk mengambil beberapa dokumen berkaitan yang boleh membantu siasatan.

Selain itu pejabat Mara di Jalan Mara, pegawai SPRM juga ke syarikat pelaburan Mara dan sebuah syarikat setiausaha korporat dan syarikat perkhidmatan penyumbangan korporat kepada agensi itu.

Kes lucut hak wang tunai, harta RM16 juta

Peguam Negara tolak representasi keluarga Azeez

Permohonan pendakwaan lucut hak harta didengar 21 Jun

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pejabat Peguam Negara menolak representasi dikemukakan ahli keluarga Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim dan syarikat mereka terhadap permohonan kerajaan melucut hak wang tunai dan harta bernilai RM16 juta didakwa hasil daripada aktiviti perubahan wang haram.

Dalam prosiding sebutan kes lucut hak harta itu semalam, Timbalan Pendakwa Raya, Nik Haslinie Hashim, memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi bahawa Pejabat Peguam Negara me-

mutuskan menolak representasi itu dan surat berhubung perkara itu sudah dihantar kepada peguam responden pada 4 Februari lalu.

Bellau berkata, pendakwaan menerima dua affidavit daripada responden dan akan meneliti serta mengkajinya sebelum mengambil tindakan lanjut.

Peguam Datuk Prem Ramachandran yang mewakili semua responden, mengesahkan sudah menerima surat makluman dan mengemukakan affidavit berhubung sumber dana yang sah kepada pendakwaan.

Peguam itu berkata, pihaknya juga berhasrat memasukkan hujahan baharu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin, menetapkan 21 Jun ini untuk mendengar permohonan pendakwaan melucut hak harta itu.

Dalam saman difail pada September 2019 itu, kerajaan permohonan untuk melucut hak hampir RM16 juta daripada akaun milik

isteri Abdul Azeez, Datin Seri Khadijah Mohd Noor, empat anak mereka termasuk satu lot kedai di Bandar Sunway milik syarikat mereka, Azeera Management Consultants (M) Sdn Bhd.

Pada 18 Disember tahun lalu, Mahkamah Tinggi menolak permohonan ahli keluarga Abdul Azeez untuk menangguhkan prosiding saman melucut hak sementara perbicaraan kes rasuah terhadap Abdul Azeez di Mahkamah Sesyen diputuskan.

Abdul Azeez, 54, kini dibicarakan atas tiga tuduhan menerima rasuah RM5.2 juta berkaitan projek jalan raya di Perak dan Kedah, serta 10 tuduhan pengambilan wang haram membabitkan hampir RM140 juta, yang didakwa diterima daripada syarikat Menuju Asas Sdn Bhd.

Perbicaraan itu bagaimanapun ditangguhkan sementara menunggu keputusan rayuan Abdul Azeez untuk membatalkan semua tuduhan di Mahkamah Rayuan.

09.02.2022

Rabu BERITA HARIAN

Dua penjawat awam kena reman

Shah Alam: Dua penjawat awam lelaki direman empat hari bermula semalam oleh Mahkamah Majistret di sini kerana disyaki meminta wang suapan RM20,000 sebagai balasan untuk menutup satu kes siasatan berkaitan dokumen palsu.

Perintah reman sehingga Jumaat ini dibenarkan Majistret Sabreena Bakar @ Bahari selepas permohonan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Sumber berkata, kedua-dua suspek yang berusia 36 dan 37 tahun itu dipercayai meminta

wang daripada seorang lelaki yang dikatakan menggunakan dokumen palsu dalam perjanjian sewaan rumah membabitkan wang berjumlah RM4,000.

Katanya, kedua-dua suspek ditahan pada jam 4 dan 6 petang kelmarin di sekitar kawasan Gombak dan kes akan disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, dalam kes berasingan, seorang juruwang kedai makan berusia 21 tahun direman empat hari bermula semalam kerana dipercayai menerima rasuah sebanyak RM15,000

yang dimasukkan ke dalam akaun miliknya.

Perintah reman sehingga Jumaat itu turut dikeluarkan Sabreena selepas permohonan dibuat SPRM Selangor, pagi semalam.

Sumber berkata, wang itu bagi bayaran memproses untuk mendapatkan kad pengenalan pemastautin tetap seorang lelaki warga Bangladesh.

Wanita terbabit ditahan pada jam 4 petang kelmarin di pejabat SPRM Selangor dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

09.02.2022

Rabu HARIAN METRO

Bernama

KES SHAHRIR GAGAL ISYTIHAR RM1 JUTA DITERIMA DARIPADA NAJIB

Kuala Lumpur

Perbicaraan kes bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Ab Samad yang didakwa gagal mengisytiharkan RM1 juta diterima daripada Datuk Seri Najib Razak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan bermula 26 Julai depan di Mahkamah Tinggi di sini, di hadapan hakim lain.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menetapkan tarikh itu semasa pengurusan kes terbabit, semalam.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd 'Afif Ali berkata, kes itu dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Jenayah 5 (MTJ 5) untuk didengar di hadapan Hakim Muhammad Jamil.

"Tarikh bicara sebelum ini ditetapkan di MTJ 5 (Hakim Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh)," katanya yang turut memaklumkan akan memanggil 19 saksi pada perbicaraan kes itu.

Hakim Muhammad Jamil berkata, tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh mahkamah sebelum ini terpaksa dijadualkan semula kerana beliau perlu mendengar beberapa kes lain dan menetapkan 26 hingga 28 Julai, 8 hingga 11 Ogos, 5 hingga 8 September dan 3 hingga 6 Oktober untuk perbicaraan.

Hakim Ahmad Shahrir yang dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Sivil mulai semalam, sebelum ini menetapkan perbicaraan bermula pada 6 April.

Shahrir, 72, yang diwakili peguam Syahrul

Mula bicara 26 Julai depan

19

Jumlah saksi yang akan dipanggil pada perbicaraan kes itu

yaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Syazwan Salehin hadir pada prosiding, semalam.

Shahrir didakwa terbabit dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam borang cukai pendapatan yang bertentangan dengan Seksyen 113 (1) (a) Akta Cukai Pendapatan 1967, iaitu tidak mengisytiharkan pendapatan diterima daripada Najib berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek yang kemudian dimasukkan ke dalam akaun bank milik tertuduh.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim di sini, pada 25 April 2014.

Pertuduhan mengikut Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan

Wang Haram dan Pencegahan Pembia-

SHAHIRIR hadir pada prosiding di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.



Kes dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Jenayah 5 (MTJ 5)

Tolak representasi keluarga Abdul Azeez

Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara (AGC) menolak representasi dikemukakan ahli keluarga bekas Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berhubung permohonan kerajaan untuk melucut hak harta membabitkan wang tunai dan aset bernilai RM16 juta yang didakwa hasil daripada aktiviti perubahan wang haram.

Timbalan Pendakwa Raya, Nik Haslinie Hashim berkata, surat makluman berhubung penolakan representasi itu sudah dihantar kepada peguam responden (ahli keluarga Abdul Azeez) pada 4 Februari lalu.

"Hari ini (semalam) ditetapkan untuk pengurusan kes bagi status representasi oleh pihak responden dan dukacita dimaklumkan bahawa representasi yang difailkan pada 16 November lalu ditolak oleh AGC," katanya ketika prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Peguam Datuk Prem Ramachandran yang mewakili keluarga Abdul Azeez mengesahkan sudah menerima surat makluman itu.

Mahkamah memerintahkan pihak-pihak memfailkan hujahan bertulis pada pertengahan Mei ini dan menetapkan 21 Jun untuk pendengaran kes lucut hak.

Pada September 2019, kerajaan memohon untuk melucut hak hampir RM16 juta daripada akaun milik isteri Abdul Azeez, Datin Seri Khadijah Mohd Noor, empat anak mereka iaitu Mohamed Khairul Anwar,



ABDUL Azeez

Mohamed Khairul Azman, Khaleeda Azwa, Khaleeda Azeera termasuk satu lot kedai di Bandar Sunway, milik syarikat mereka, Azeera Management Consultants (M) Sdn Bhd.

Pada 18 Disember 2020, Mahkamah Tinggi menolak permohonan ahli keluarga Abdul Azeez untuk menanggung prosiding melucut hak sementara perbicaraan kes rasuah terhadap Ahli Parlimen Baling itu yang sedang berjalan di Mahkamah Sesyen di sini, selesai.

Abdul Azeez, 55, kini dibicarakan atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5.2 juta berkaitan projek jalan raya di Perak dan Kedah serta 10 pertuduhan perubahan wang haram membabitkan hampir RM140 juta yang didakwa diterima daripada syarikat Me-nuju Asas Sdn Bhd.

Perbicaraan berkenaan, bagaimanapun ditangguhkan sementara menunggu keputusan rayuan berhubung pembatalan kesemua pertuduhan itu di Mahkamah Rayuan. - Bernama

09.02.2022

Rabu
HARIAN
METRO

09.02.2022

Rabu HARIAN METRO

Shah Alam: Dua lelaki yang juga penjawat awam direman empat hari bermula semalam, oleh Mahkamah Majistret, dekat sini, kerana disyaki meminta wang suapan RM20,000 sebagai balasan menutup satu kes siasatan berkaitan dokumen palsu.

Perintah reman hingga Jumaat ini dibenarkan Majistret Sabreena Bakar @ Bahari selepas permohonan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berusia 36 dan 37 tahun itu dipercayai meminta wang daripada seorang lelaki atas dakwaan menggunakan dokumen palsu dalam perjanjian sewaan rumah membabitkan wang RM4,000.

Sumber berkata, kedua-dua suspek ditahan

Tiga direman minta, terima suapan



DUA penjawat awam dan seorang juruwang kedai makan direman empat hari dipercayai terbabit rasuah.

jam 4 dan 6 petang semalam di sekitar Gombak.

Kes disiasat mengikut

Seksyen 17 (a), Akta SPRM 2009.

Sementara itu, dalam kes

berasingan seorang juruwang kedai makan berusia 21 tahun direman

empat hari bermula hari ini kerana dipercayai menerima rasuah RM15,000 ke da-

lam akaunnya.

Perintah reman hingga Jumaat itu turut dikeluarkan Majistret Sabreena Bakar@Bahari selepas permohonan dibuat SPRM Selangor, semalam.

Menurut sumber, wang itu bayaran memproses mendapatkan kad pengenalan pemastautin tetap seorang lelaki Bangladesh.

“Wang dipindahkan ke akaun juruwang wanita berkenaan adalah bayaran kepada dua lelaki tempatan kononnya sebahagian daripada wang itu akan diberikan kepada pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memudahkan proses kelulusan,” katanya.

Wanita terbabit ditahan jam 4 petang kelmarin di Pejabat SPRM Selangor dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a), Akta SPRM 2009.

Tommy Thomas nafi terima rasuah

Tiada laporan kaitan kes anak ahli perniagaan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis tidak menerima laporan berhubung dakwaan Tan Sri Tommy Thomas menerima rasuah dalam mengendalikan kes anak ahli perniagaan yang ditahan atas kesalahan dadah, ketika memegang jawatan Peguam Negara.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain, berkata tiada perkembangan lanjut berkaitan kes berkenaan yang dapat dimaklumkan kepada umum.

"Tiada laporan polis dibuat

membabitkan dakwaan itu dan saya boleh sahkan itu saja," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Tommy membidas dakwaan pengguna Twitter dikenali Edisi Khas kononnya beliau menerima rasuah ketika mengendalikan kes terbabit.

Bekas Peguam Negara itu menjelaskan, seperti kelaziman dalam hal jenayah, peguam kepada tertuduh menghantar representasi bertulis kepada Jabatan Peguam Negara bagi mempertimbang keputusan untuk membuat pertuduhan dan cadangan itu dibawa kepada perhatian beliau.

Selepas mengkaji representasi dan kertas siasatan, menyemak

peruntukan undang-undang berkaitan dan berbincang dengan semua Timbalan Pendakwa Raya, Tommy memutuskan untuk mengurangkan pertuduhan.

Penerimaan representasi daripada peguam dan tertuduh serta mengurangkan atau menggugurkan pertuduhan selepas itu, perkara biasa di Jabatan Peguam Negara.

Sebelum ini, akaun Twitter itu mendakwa, Tommy ketika bertugas sebagai Peguam Negara menutup kes anak jutawan terbabit yang ditahan pada 2019 kerana dikatakan memiliki dadah dalam kuantiti yang banyak dan didakwa mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya.



Tommy Thomas

21.02.2022

Isnin
BERITA
HARIAN

Palsu dokumen nak gaji tinggi

Bekas pembantu tadbir sekolah menengah agama mengaku bersalah atas 5 tuduhan didenda RM10k

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Bekas pembantu tadbir sebuah sekolah menengah agama didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas lima pertuduhan memalsukan dokumen bagi memperoleh gaji yang lebih tinggi daripada sepatutnya pada 2020.

Nur Suhada Saad, 32, menganggu faham dan membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Berdasarkan pertuduhan, Nur Suhada menggunakan borang permohonan, surat arahan dan senarai pembayaran gaji bertarikh 17 April, 11 Mei, 18 Jun, 20 Julai dan 21 Ogos 2020 palsu berkenaan jumlah kenaikan pembayaran gaji dengan jumlah keseluruhan RM1,214.75.

Tertuduh melakukan perbuatan itu di Bank Islam Cawangan Kangar di Kompleks Niaga Perbadanan Ke-



NUR Suhada keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kangar, semalam.

majuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Jalan Utan Aji dan Jalan PKENPs, Kangar pada 17 April, 13 Mei, 18 Jun, 13 Julai dan 5 Ogos 2020.

Oleh itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun yang jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilaksanakan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sew Ping manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Ikhwan Mohamad Nasir dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Mohamad Ikhwan memohon mahkamah memberikan hukuman denda yang paling minimum kepada anak guamnya memandangkan tertuduh kini tidak mempunyai pekerjaan tetap bagi menyara kehidupannya selepas dibuang kerja akibat perbuatannya itu.

Menurutnya, anak guamnya itu juga walaupun sudah berkahwin terpaksa menjalani kehidupan berumah-tangga secara jarak jauh disebabkan suaminya yang bertugas sebagai penjawat awam di Kuala Lumpur dengan gaji sekitar RM1,200 sebulan.

Di samping itu, tertuduh juga perlu menjaga tiga anaknya yang masih kecil berusia setahun, enam dan sembilan tahun yang masih bersekolah selain tinggal bersama keluarganya di Kangar.

Bagaimanapun pendakwaan memohon mahkamah memberikan satu hukuman setimpal atas kesalahan yang dilakukan memandangkan pemalsuan dokumen adalah satu kesalahan yang serius dan perlu mengambil kira kepentingan awam berbanding peribadi tertuduh.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM10,000 untuk kesemua pertuduhan dan tertuduh membayar denda yang dikemukakan mahkamah itu.



MAC

2022

Beri kontrak kepada syarikat isteri

Ketua Balai Bomba Peramu Pekan dijel 180 bulan, denda RM194,062.10

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Peramu di Pekan di-hukum penjara 180 bulan dan denda RM194,062.10 oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu selepas didapati bersalah atas 10 pertuduhan memberi kontrak pembekalan makanan bernilai RM36,279.69 kepada syarikat milik isterinya.

Tertuduh, Sheikh Hassan Sheikh Zainuddin, 57, diarahkan menjalani hukuman bermula tarikh sabitan setelah diputuskan

oleh Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain sejourus pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan tersebut.

Prosiding selama dua jam menetapkan kesemua hukuman penjara itu diperintahkan berjalan secara serentak menjadikan tempoh 18 bulan penjara dan boleh dihukum penjara lima tahun jika gagal membayar denda.

Bapa kepada tiga anak itu didapati bersalah menggunakan kedudukannya mencadangkan syarikat Puncak Cahaya Azam Enterprise, milik isterinya bagi pembelian dan penyediaan makanan untuk pelbagai program serta operasi melibatkan anggota bomba di balai tempat dia berkhidmat.

Kesalahan itu dilakukan antara Mac 2014 dan 3 Ogos 2015 dengan setiap satu kontrak bernilai RM1,075 hingga RM7,500.

Antara kontrak itu melibat-



Sheikh Hassan (tengah) dihukum penjara 180 bulan dan denda RM194,062.10 oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu selepas didapati bersalah atas 10 pertuduhan memberi kontrak pembekalan makanan bernilai RM36,279.69 kepada syarikat milik isterinya.

kan penyediaan makanan untuk anggota bomba yang terlibat dengan operasi pembinaan semula rumah terbakar, operasi memadam kebakaran hutan dan bencana banjir.

Tertuduh yang beralamat di Jalan Kampung Jawa, Kuantan

didapati bersalah mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum menerusi Seksyen 24 akta sama, iaitu boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda

nilai suapan, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Dalam penghakiman, Ahmad Zamzani berkata, keputusan sabitan dan hukuman dibuat selepas menilai keterangan 18 saksi pendakwaan dan tiga saksi mewakili pembelaan, bukti-bukti serta hujahan bertulis daripada kedua-dua pihak.

Pada prosiding itu, Ahmad Zamzani turut membenarkan permohonan peguam, G Ravishankar yang mewakili Sheikh Hassan untuk penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.

"Rayuan ini perlu difailkan dalam tempoh 14 hari oleh terduduh dan jaminan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000," tegasnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa raya SPRM, Siti Sarah Zainal Abidin dan Muhammad Asraf Mohamed Tahir.

18.03.2022
Jumaat
SINAR
HARIAN

Ketua balai tak mengaku salah minta rasuah

Dituduh terima suapan daripada pemilik pusat hiburan secara bulanan

Oleh NOR FARIHANA YAACOB

MELAKA

Seorang ketua balai polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas lima pertuduhan meminta dan menerima rasuah membabitkan nilai keseluruhan RM21,800 daripada pemilik pusat hiburan.

Tertuduh, Sub Inspektor Abdul Halim Alias, 59, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan dua pertuduhan di bawah Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dia didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai sebanyak RM8,000 dan RM1,000 secara bulanan.

Suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan, Restoran The Stage Music Lounge P1t, Hang Kah Joon di sini atas kesalahan melanggar pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



Tertuduh (dua dari kiri) ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Khamis.

Dalam prosiding sama, tertuduh turut berdepan tiga pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) iaitu secara rasuah bersetuju memperoleh wang tunai sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan itu atas kesalahan melanggar pematuhan PKPP.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Restoran The Stage Music Lounge P1t, Kota Shahbandar dan Balai Polis Tengkeri di sini antara tarikh 4 dan 11 Ogos 2020.

Kesemua kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM,

Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka.

Tertuduh yang diwakili Peguam Azrul Zulkifli Stork bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya SPRM.

Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat SPRM Melaka setiap bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 20 April sebagai sebutan semula kes.

Johor Bahru: Dua penjawat awam dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mengemukakan butiran sebut harga palsu bagi menuntut bayaran RM7,200 terhadap kursus yang tidak diadakan, enam tahun lalu.

Bagaimanapun, bekas Penolong Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Hafizah Ab Talib, 44, dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional di institut itu, Azarudin Asrap, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Hafizah yang kini bertugas di Kementerian Pertahanan didakwa memperdayakan prinsipalnya iaitu ILP dengan mengemukakan dokumen Kertas Kerja Bengkel Pemantapan Modal Insan ILP Tangkak Tahun 2016 dan Sebut Harga Perkhidmatan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif mengandungi butiran palsu.

Sebut harga itu bagi mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif atas nama Jati Selatan Services and Trading berjumlah RM7,200, sedangkan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif itu tidak diadakan.

Azarudin pula didakwa bersubahat dengan Hafizah atas kesalahan yang sama.

Hafizah didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 manakala Azarudin pula menjerusi Seksyen 28(1)(c) akta sama.



HAFIZAH (kiri) dan Azarudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Dua tak mengaku kemuka sebut harga palsu RM7,200



Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butiran yang palsu atau silap itu jika butiran yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesala-

han itu di ILP Tangkak di Kilometer 43, Jalan Segamat, Tangkak antara November hingga Disember 2016.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Ikhwan Ihsan Jalaludin dengan Hafizah diwakili MJ Pereira manakala Azarudin tidak diwakili peguam.

Dalam pada itu, Ikhwan menawarkan kedua tertuduh jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin selain pasport kedua tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, MJ Pereira yang mewakili Hafizah memohon hakim memper-timbangkan mengurangkan wang jaminan meman-

dangkan tertuduh mempunyai lima anak berusia empat hingga 17 tahun.

Sementara itu, Azarudin dalam rayuannya turut memohon wang jaminannya dikurangkan memandangkan dia mempunyai tiga orang anak yang berusia tiga hingga sembilan tahun.

Hakim kemudian menetapkan wang jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin sementara pasport mereka diserahkan kepada mahkamah.

Sebutan semula kes adalah pada 19 April ini untuk serahan dokumen dan memberi ruang bagi Azarudin untuk melantik peguam.

19.03.2022

Sabtu HARIAN METRO

Dua lelaki direman kes terima suapan RM40k

Shah Alam: Dua lelaki direman selama empat hari bermula semalam hingga 21 Mac depan bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kerja menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama di Selangor.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Majlis-tret Nur Falzah Abdul Sani selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan di Mahkamah Majistret 3, Shah Alam di sini, semalam.

Sumber berkata, lelaki berusia 58 dan 42 tahun itu ditahan di SPRM Selangor jam 7.30 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan.

Menurutnya, kedua-dua suspek adalah penyelia kanan dan penyelia sebuah jabatan agama.

Kata sumber, mereka menerima wang rasuah sebanyak RM40,000 seba-

gai balasan untuk mengesyorkan dan mendapatkan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama tahun 2020.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada 15 Mac lalu, dua pegawai perkhidmatan pendidikan masing-masing berusia 50 dan 46 tahun ditahan reman selama empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

Suspek lelaki berusia 50 tahun disambung reman selama tiga hari lagi bermula hari ini sehingga 20 Mac depan, manakala suspek wanita berusia 46 tahun pula dilepaskan reman dengan jaminan SPRM.



DUA lelaki direman selama empat hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kerja menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama di Selangor.

19.03.2022
Sabtu
HARIAN
METRO

Dua penyelia direman bantu siasatan kes rasuah naik taraf infrastruktur sekolah agama

SHAH ALAM - Dua penyelia direman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama pada Jumaat.

Perintah reman bermula Jumaat sehingga 21 Mac itu dikeluarkan oleh Majistret Nur Faizah Abdul Sani terhadap dua suspek lelaki tersebut, masing-masing berusia 58 tahun dan 42 tahun selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret 3, Shah Alam, Selangor.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berkenaan ditahan SPRM Selangor kira-kira jam 7.30 malam pada Khamis ketika hadir memberi keterangan.

"Kedua-dua suspek merupakan penyelia kanan dan penyelia daripada sebuah jabatan dipercayai masing-masing menerima wang rasuah sebanyak RM40,000.

"Ia dipercayai sebagai balasan untuk mengesyorkan dan mendapatkan kerja-kerja menaik taraf serta penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama bagi tahun 2020," menurut sumber.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan tersebut dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada Selasa, dua pegawai perkhidmatan pendidikan, masing-masing berusia 50 tahun dan 46 tahun ditahan reman selama empat hari oleh SPRM bagi membantu siasatan kes sama.

Suspek lelaki berusia 50 tahun disambung reman selama tiga hari sehingga 20 Mac, manakala suspek wanita yang berusia 46 tahun dilepaskan reman dengan jaminan SPRM.



Dua individu dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk permohonan reman pada Jumaat.

Rasuah: Bekas majistret dijel 58 tahun

Tertuduh turut didenda RM1.05 juta selepas didapati bersalah minta dan terima rasuah

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Bekas majistret dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Jumaat selepas didapati bersalah atas enam pertuduhan meminta dan menerima suapan daripada seorang peniaga, tiga tahun lalu.

Hukuman itu dijatuhkan terhadap Mohamad Amin Shahul Hamid, 40, yang sebelum ini berkhidmat di mahkamah di Lipis dan Raub oleh Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain selepas pihak pembelaan



Mohamad Amin (tengah) di hukum penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Jumaat selepas didapati bersalah atas enam pertuduhan meminta dan menerima suapan daripada seorang peniaga, tiga tahun lalu.

gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Bagaimanapun, tertuduh ha-

nya menjalani hukuman penjara 12 bulan bermula tarikh sabitan selepas mahkamah memerintah kesemua hukuman penjara ber-

jalan secara serentak.

Mohamad Amin, juga berdepan hukuman penjara tambahan 72 bulan, jika gagal membayar denda ditetapkan mahkamah.

Tertuduh didapati bersalah meminta suapan berjumlah RM100,000 dan menerima suapan bernilai RM110,000 daripada Hassan Basri Ahmad Sutan Modo di sekitar Lipis dan Raub antara 5 Julai hingga 22 Oktober 2019.

Suapan itu diminta sebagai dorongan untuk tertuduh hanya mengenakan denda dan tidak menjatuhkan hukuman penjara terhadap Hassan Basri yang didakwa memiliki rokok seludup semasa kes itu didengar di hadapan tertuduh.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a) (B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh di-hukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa

hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, Ahmad Zamzani turut membenarkan diikat jamin RM25,000 terhadap tertuduh bagi menanggukkan semua hukuman itu selepas pihak pembelaan mengemukakan permohonan untuk memfailkan keputusan berkenaan ke Mahkamah Tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, manakala tertuduh diwakili peguam, S Meheraj.

Pada 9 Ogos tahun lalu, mahkamah selepas mendengar keterangan 15 saksi pendakwaan memerintahkan tertuduh membela diri terhadap semua pertuduhan secara bersumpah tanpa mengemukakan saksi lain bagi menyokong pembelaannya.



JEL 58 TAHUN, DENDA RM1.05J

Bekas majistret bersalah atas enam pertuduhan minta dan terima suapan daripada peniaga

Kuantan

Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara berjumlah 58 tahun dan denda RM1.05 juta terhadap bekas majistret selepas didapati bersalah atas enam pertuduhan meminta dan menerima suapan daripada seorang peniaga, kira-kira dua tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain juga memerintahkan Mohamad Amin Shahul Hamid, 41, menjalani hukuman penjara tambahan 72 bulan jika tertuduh yang sebelum ini berkhidmat di Lipis dan Raub, gagal menjelaskan denda.

Bagaimanapun, Ahmad Zamzani membenarkan semua hukuman penjara berjalan serentak bermaksud tertuduh hanya perlu menjalani hukuman penjara selama 12 tahun selain membenarkan permohonannya untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara dan denda kerana ingin merayu ke Mahkamah Tinggi.

Bagi tujuan itu, mahkamah menetapkan jaminan RM25,000 dengan seorang



MOHAMAD Amin dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta oleh Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

RM110,000

Jumlah suapan yang diterima tertuduh.

penjamin terhadap tertuduh dinaikkan RM50,000 selain syarat tambahan menyerahkan

kan pasport antarabangsa kepada mahkamah dilanjutkan sehingga selesai rayuan.

Pada penghakimannya, Ahmad Zamzani berkata, pembelaan tertuduh yang diberikan secara bersumpah hanya berbentuk pemikiran semula dan penafian kosong yang gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap semua pertuduhan.

Mahkamah, menurut be-

liu selepas meneliti keterangan dan hujahan pihak terbabit memutuskan keterangan 15 saksi pendakwaan terutamanya saksi terakhir iaitu peniaga Hassan Basri Ahmad Sutan Modo (SP15) yang didakwa memberi suapan itu sebagai saksi boleh dipercayai dan utuh.

"Keterangan tertuduh bahawa dia berada dekat dengan kedai SP15 pada 22 Oktober 2019 untuk membeli air adalah kali pertama didengari mahkamah di peringkat pembelaan. Perkara ini tidak pernah dicadangkan atau dibangkitkan pada mana-mana saksi pendakwaan.

"Keterangan kecederaan dialami tertuduh juga tidak pernah dibangkitkan atau dicadangkan kepada pegawai penyiasat. Mahkamah juga dapati hujahan pembelaan bahawa keterangan lisan tertuduh tidak pernah bersetuju meminta atau menerima rasuah adalah tidak berasas, tidak munasabah dan tidak diterima," katanya.

Tertuduh didakwa meminta suapan berjumlah RM100,000 dan menerima suapan bernilai RM110,000 daripada Hassan Basri di sekitar Lipis dan Raub antara 5 Julai hingga 22 Oktober 2019, yang didakwa sebagai dorongan untuk hanya mengenakan hukuman denda dan bukan penjara terhadap lelaki itu yang didakwa memiliki rokok seludup.

23.03.2022 **Rabu**

UTUSAN MALAYSIA

6

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 23 MAC 2022

Dalam Negeri

Rasuah RM650 juta: 3 pengarah syarikat kejuruteraan direman

PUTRAJAYA: Tiga individu direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan projek pembinaan transit aliran massa (MRT) bernilai lebih RM650 juta.

Mereka yang ditahan reman ialah tiga pengarah syarikat kejuruteraan termasuk seorang wanita berusia antara 43 hingga 52 tahun.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Tuan Shah Wira Abdul

Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagaimanapun, dua lagi suspek lelaki berusia 54 dan 63 tahun yang juga bekas pengarah syarikat kejuruteraan tidak direman atas faktor kesihatan.

Namun begitu, kedua-dua mereka akan diperintah hadir ke Pejabat SPRM setiap hari bagi

membantu siasatan.

Sumber berkata, dua bekas pengarah syarikat kejuruteraan tersebut termasuk seorang bergelar Datuk dipercayai menerima rasuah kira-kira RM27 juta daripada sebuah syarikat kejuruteraan lain sebagai balasan melantik syarikat terbabit sebagai perunding membabitkan projek berkenaan pada 2017.

Kesemua mereka ditahan di bawah Seksyen 16 ASPRM 2009.

Bekas Presiden JCorp didakwa tipu pelaburan RM9.4 juta

Tertuduh mengaku tidak bersalah perdaya Ahli Lembaga Pengarah syarikat luluskan dana

Oleh **Mary Victoria Dass**
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim semalam didakwa atas tuduhan memperdayakan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) JCorp membabitkan pelaburan RM9.4 juta di dua syarikat, tiga tahun lalu.

Dia yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini bagaimanapun mengaku tidak bersalah

selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Kamaruzzaman didakwa melakukan perbuatan itu pada jam 9.30 pagi hingga 1.45 petang 8 Julai 2019 di Bilik Mesyuarat ALP JCorp di tingkat 25, Menara Komtar di Johor Bahru, Johor.

Dia dituduh sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp menipu dengan memperdaya ALP JCorp dengan tidak memaklumkan kedudukan syarikat World Logistic Council Limited yang tidak mampu meneruskan operasi.

Kamaruzzaman didakwa secara tidak jujur mendorong ALP JCorp bersetuju dengan pembentangannya, iaitu dana sementara AS\$5 juta (kira-kira RM21juta) diluluskan yang akhirnya menyebabkan wang AD\$1,000,000 (kira-kira RM4.21juta) daripada dana sementara dilabur dalam syarikat World Logistic Council Limited.



Kamaruzzaman dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

Selain itu, AS\$1,250,000 (kira-kira RM5.26 juta) dilabur dalam syarikat World Logistic Council Americas LLC yang mana ALP JCorp tidak akan berbuat demikian sekiranya mereka tidak diperdayakan.

Dia didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum penjara antara satu tahun hingga 10 tahun dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan. Timbalan Pendakwa Raya,

Zander Lim Wai Keong mencadangkan mahkamah menetapkan wang jaminan RM200,000, namun peguam tertuduh, K Ragunath memohon ikat jamin RM50,000 dengan alasan tertuduh tidak bekerja sejak tiga tahun lalu dan memberi kerjasama sepanjang siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ragunath juga menyatakan anak guamnya bakal mengerjakan umrah dan akan pulang pada 18 April depan dengan pasport tertuduh juga dalam simpanan ejen pelancongan bagi tujuan berkenaan.

Wan Mohd Norisham membenarkan Kamaruzzaman diikat jamin RM150,000 bersama syarat tambahan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah pada 23 April depan, melapor diri kepada SPRM sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi sebelum menetapkan 25 Mei untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.



APRIL

2022

06.04.2022

Rabu SINAR HARIAN

Bekas pegawai polis tidak mengaku
terima suapan RM500



Mohamad Hilmi ketika memasuki Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa bagi mendengar pertuduhan ke atasnya.

ALOR SETAR - Seorang bekas pegawai polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa atas tuduhan menerima suapan sebanyak RM500, tujuh tahun lalu.

Pengakuan tersebut dibuat oleh Mohamad Hilmi Abd Hamid, 38, selepas pertuduhan dibacakan kepadanya oleh jurubahasa di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh semasa kejadian sebagai inspektor polis dan bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Jenayah Narkotik di Ibu Pejabat Polis Daerah Baling telah secara rasuah menerima suapan RM500 daripada seorang lelaki di dalam kenderaan jenis Honda Civic di hadapan Kedai Cili Merah, Kampung Ceruk Bemban, Kupang Baling.

Kejadian pada 17 April 2015 itu iaitu jam lebih kurang 3.45 petang dilakukan sebagai satu dorongan melakukan perbuatan berhubung hal ehwal prinsipal tertuduh, iaitu membantu seorang lelaki lain yang didapati positif morfin dalam ujian saringan awal menjalani hukuman pengawasan dan tidak dihantar ke pusat serenti.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang

mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, Mohd Zulfadli Azharudin meminta mahkamah menetapkan wang jaminan RM20,000 dan tertuduh perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM terdekat setiap bulan sepanjang perbicaraan kes berlangsung.

Namun, peguam, S Parameswaran yang mewakili Mohamad Hilmi memohon mahkamah menetapkan wang jaminan sebanyak RM10,000 kerana tertuduh telah memberikan kerjasama baik sejak tujuh tahun lalu kepada SPRM dengan melaporkan diri sebanyak 52 kali sehingga tahun 2020.

Menurutnya, Mohamad Hilmi juga telah meletak jawatan sebagai pegawai polis pada 2017 dan kini bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan pendapatan RM3,000 sebulan sejak 2019 di Pulau Pinang.

"Tertuduh masih perlu menyara isteri dan dua anaknya yang masih bersekolah termasuk membantu menjaga ibu kandung dan ibu mertuanya," jelas beliau.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan sebanyak RM12,000 berserta seorang penjamin kepada tertuduh termasuk menyerahkan pasport dan melapor diri di Pejabat SPRM Sungai Petani setiap dua bulan sekali.

Hakim Harmi turut menetapkan tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen pada 22 Mei ini.

Mohamad Hilmi membayar wang jaminan di kaunter Kompleks Mahkamah Alor Setar.

Bekas Inspektor nafi rasuah RM500

Alor Setar: Bekas pegawai polis berpangkat Inspektor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah berjumlah RM500 pada 2015 lalu.

Tertuduh, Mohamad Hilmi Abd Hamid, 38, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ju-rubahasa di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling secara rasuah menerima wang RM500 sebagai dorongan bagi membantu Zulkifli Ahmad, 46, yang positif morfin hanya menjalani hukuman pengawasan dan tidak dihantar ke pusat serenti.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan kedai makan Cili Merah,

Kampung Ceruk Bemban, Kupang pada jam 3.45 petang, 17 April 2015.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda lima kali ganda suapan atau RM10,000.

Pertuduhan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili S Parameswaran.

Mohd Zulfadli kemudiannya meminta mahkamah menetapkan wang jaminan ditetapkan sebanyak RM20,000 dan tertuduh perlu melapor diri di Pejabat SPRM terdekat setiap bulan sepanjang perbicaraan kes.

06.04.2022

Rabu
HARIAN
METRO

Padah minta rasuah RM3,500

Pegawai JPJ dihukum
penjara 14 hari, denda
RM17,500

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Perbuatan seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) meminta rasuah sebanyak RM3,500 dari sebuah syarikat agar tidak mengambil tindakan pengukuasaan ke atas kesalahan dilakukan membawa padah apabila dijatuhi hukuman penjara 14 hari dan denda RM17,500 oleh Mahkamah Sesyen, di sini pada Rabu.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Mohd Najmi Zakaria, 38, mengaku bersalah atas pertuduhan terhadap

nya yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara tiga bulan jika tertuduh gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Najmi yang ketika kejadian bertugas sebagai Pegawai Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29 JPJ Negeri Sembilan didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai RM3,500 daripada pemilik sebuah syarikat di Lukut.

Wang itu sebagai dorongan bagi dirinya yang merupakan pegawai badan awam untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan berkaitan lapan buah kenderaan yang tidak mematuhi notis di bawah Seksyen 61(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan itu dilakukan di sekitar Seremban antara 13 Februari 2018 hingga 31 Mei 2019.

Tertuduh didakwa di bawah



Mohd Najmi (tengah) diliringi pegawai SPRM ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban pada Rabu.

Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara maksimum 20

tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah bagaimanapun melepas dan membebaskan tertuduh bagi satu pertuduhan lain

di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah tertuduh.

Ia juga mengambil kira persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk menggunakan pakai TIC (Take Into Consideration).

Peguam Asmawi Ismail yang mewakili tertuduh memohon hukuman paling minimum dikenakan ke atas anak guamnya yang menanggung isteri dan dua anak yang masih bersekolah.

"Tertuduh telah 14 tahun berkhidmat dalam JPJ, dia juga menjaga ibu bapa yang sudah tua.

"Kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah yang pertama dan sebagai penjawat awam pengakuan bersalah itu akan menjejaskan pekerjaannya serta dia akan hilang pendapatan untuk menanggung keluarga," katanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali,

RASUAH
BUSTERS

Beberapa individu yang terlibat akan dipanggil bantu siasatan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

SPRM mulakan siasatan isu jual tanah lapangan terbang

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak telah memulakan siasatan berhubung penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd Fauzi Mohamad berkata, siasatan tersebut dibuat selepas pihaknya menerima aduan rasmi yang dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manjoi, Datuk Asmuni Awi pada Selasa.

Menurutnya, beberapa individu yang terlibat berkaitan isu tersebut akan di-

panggil dalam masa terdekat bagi membantu siasatan.

“Siasatan ini dibuat bagi mengenal pasti sama ada wujud sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

“Individu-individu yang terlibat akan dipanggil untuk membantu SPRM dalam masa terdekat,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Mohd Fauzi bagaimanapun tidak mendedahkan individu yang akan dipanggil oleh SPRM bagi membantu siasatan tersebut.

Pada Selasa, Asmuni bersama tiga lagi bekas exco kerajaan negeri ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) iaitu ADUN Sungai Rapat, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin; ADUN Pasir Pinji, Howard Lee Chuan How dan ADUN Simpang

Pulai, Tan Kar Hing hadir ke Pejabat SPRM Perak bagi mengemukakan aduan rasmi berhubung isu tersebut.

Howard Lee dalam sidang akhbar selepas itu menjelaskan tindakan tersebut dibuat bagi meminta siasatan lengkap dibuat terhadap isu tersebut memandangkan penjualan tanah dibuat tanpa melalui mesyuarat Exco seterusnya membersihkan nama PH.

Pada Isnin Pemuda PH Perak membuat laporan polis bagi menggesa siasatan segera dilakukan ke atas penjualan tanah yang dicadang dibangunkan sebagai lapangan terbang antarabangsa di Seri Iskandar.

Ketua Pemuda PH negeri, Mohamad Hairul Amir Sabri berkata, siasatan secara menyeluruh perlu agar mereka yang ber-

tanggungjawab dapat dibawa ke muka pengadilan.

Dalam laporan media sebelum ini, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad mengalukan mana-mana pihak yang ingin membuat laporan polis berhubung perkara itu dan memberi jaminan kerajaan negeri akan menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat.

Isu penjualan tanah lapangan terbang terbabit timbul selepas ADUN Aulong, Nga Kor Ming mendakwa tanah berkenaan sudah dijual tanpa kebenaran kerajaan negeri.

Bagaimanapun Saarani memaklumkan penjualan tanah itu dilakukan ketika di bawah pentadbiran PH kepada syarikat swasta bagi tujuan pembangunan bercampur di kawasan terbabit.



MOHD
FAUZI

07.04.2022

Khamis HARIAN METRO

lokal



MOHD Najmi (tengah) diiringi pegawai SPRM di pekarangan Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan mengaku bersalah di hadapan Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas dakwaan meminta rasuah daripada pemilik sebuah syarikat.

Ia sebagai dorongan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap lapan kenderaan sejak Februari 2018 hingga Mei 2019.

Tertuduh, Mohd Najmi Zakaria, 38, dijatuhi hukuman penjara 14 hari bermula dari tarikh ditangkap dan didenda RM17,500 selepas membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Ruslan Lutfi Mohamed sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Menurut pertuduhan, tertuduh meminta suapan RM3,500 daripada pemilik syarikat itu sebagai dorongan tiada tindakan penguatkuasaan diambil berkaitan lapan kenderaan yang tidak mematuhi notis di bawah Seksyen 61(1) Akta

MENGAKU MINTA RASUAH RM3,500

Pegawai JPJ kena denda RM17,500

Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan dilakukan dari 13 Februari 2018 hingga 31 Mei 2019 di sekitar daerah Seremban.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.

Dalam prosiding kes, tertuduh diwakili peguam,

Asmawi Ismail memohon hukuman paling minimum dikenakan ke atas anak guamnya yang mempunyai seorang isteri dan dua anak yang masih bersekolah.

Tertuduh sudah 14 tahun berkhidmat dalam JPJ. Dia juga menjaga ibu bapa yang sudah tua yang mana ayahnya baru menjalani pembedahan jantung dan dalam proses untuk sembuh.

Kesalahan yang dilakukan tertuduh yang pertama dihadapi. Sebagai penjawat

Tertuduh minta suapan RM3,500 sebagai dorongan tak ambil tindakan penguatkuasaan

awam, pengakuan bersalah itu akan menjen-

jaskan pekerjaannya serta dia akan hilang pendapatan untuk menanggung keluarga," katanya.

Pihak pendakwaan meminta mahkamah supaya menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kepentingan awam.

Dalam pada itu, mahkamah bagaimanapun melepas dan membebaskan tertuduh bagi satu pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah serta persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk mengguna pakai TIC (take into consideration).

SPRM panggil individu terbabit isu jual tanah bina lapangan terbang

Seri Iskandar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil beberapa individu bagi membantu siasatan isu penjualan tanah untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Seri Iskandar di sini.

Bagaimanapun, Pengarah SPRM Perak, Datuk Mohd Fauzi Mohamad ketika dihubungi tidak mendedahkan individu itu termasuk berapa ramai yang dipanggil kelak.

Menurut Mohd Fauzi, pihaknya juga sudah memulakan siasatan selepas menerima aduan rasmi yang dibuat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Manjoi, Datuk Asmuni Awi, kelmarin.

"Siasatan dibuat bagi me-

ngenal pasti sama ada wujud sebarang kesalahan mengikut Akta SPRM 2009.

"Individu terbabit akan dipanggil bantu SPRM dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah, Mohd Syukri Azari ketika dihubungi berkata, setakat ini kerja secara fizikal di kawasan itu belum dimulakan.

Menurutnya, pihak berkenaan belum menghantar pelan kerja tanah serta pelan jalan dan perparitan untuk kelulusan.

"Mereka perlu dapat kelulusan pelan itu yang dikeluarkan pihak kaminamun setakat ini pihak berkenaan masih belum hantarnya," kata

Juruukur disyaki terima rasuah RM3,000 direman

Sogokan sebagai balasan lulus ubah suai rumah tanpa prosedur sah

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Seorang kakitangan awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan di rumahnya di Taman Ampangan, di sini, jam 3.30 petang kelmarin, kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM3,000.

Lelaki berusia 40 tahun yang bertugas sebagai juruukur di sebuah agensi kerajaan disyaki meminta dan menerima sogokan itu daripada seorang lelaki, seba-

gai balasan meluluskan pengubahsuaian rumah tanpa prosedur yang sah.

Suspek direman selama tujuh hari bermula semalam hingga 13 April depan selepas permohonan reman dibuat di Mahkamah Majistret Seremban, di sini, semalam.

Permohonan reman dibuat Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Khairi Abdul Karim di hadapan Majistret Intan Syafinaz Ros'lin.

Menurut sumber, suspek disyaki meminta wang RM3,000 daripada seorang lelaki, bagi membantu meluluskan permohonan pelan pengubahsuaian rumah pada 19 Ogos 2019.

Lelaki berkenaan dipercayai memindahkan wang terbabit ke akaun milik suspek sebagai balasan mempercepatkan permohonan pelan ubah suai rumah tanpa prosedur sah daripada pihak berkuasa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan, boleh



Kakitangan awam disyaki terbabit rasuah dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban, semalam.
(Foto Azrul Edham/BH)

dipenjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi mengikut Seksyen 24 akta sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail, mengesahkan penahanan terbabit.

Bekas eksekutif didenda RM8,000

Shah Alam: Bekas eksekutif niaga tani Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Klang didenda RM8,000 atau penjara enam bulan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana tidak melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis berhubung suapan cek tunai bernilai RM5,000 pada Julai 2015.

Tertuduh, Mohd Jazid Md Jani, 52, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Jazid yang bertugas sebagai eksekutif niaga tani ketika itu diberikan suapan iaitu cek berjumlah RM5,000 yang telah ditunaikannya dari seorang individu sebagai dorongan membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja pembekalan baja cecair organik bagi input pertanian PPK kawasan Klang bernilai RM143,100.

Justeru, tertuduh melanggar peruntukan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 (Akta 694) iaitu gagal melaporkan pemberian suapan itu kepada pihak SPRM atau pegawai polis yang paling hampir.

08.04.2022

Jumaat HARIAN METRO

Oleh Norzamira Che
Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

“Harap muhasabah diri, itu (perbuatan rasuah) tetap kesalahan walaupun insiden pada 2015. Ingat, rasuah ini jenayah akhir zaman.”

Pesan itu dititipkan Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Hakim Rozilah Salleh terhadap bekas eksekutif niaga tani Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Klang yang didapati bersalah tidak melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis berhubung suapan cek tunai berjumlah RM5,000 diterimanya pada Julai 2015.

Terdahulu, tertuduh, Mohd Jazid Md Jani, 52, mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Rozilah.

Dia kemudiannya didenda RM8,000 atau penjara enam bulan jika gagal melunaskan denda terbabit.

Rozilah dalam penghakimannya memaklumkan pengakuan salah diharapkan akan menimbulkan insaf dan tertuduh tidak mengulangi kesalahan sama.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Jazid yang bertugas sebagai eksekutif niaga tani ketika itu diberikan suapan iaitu cek berjumlah RM5,000 yang ditunaikannya daripada seorang individu.

Ia sebagai dorongan membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja pembekalan baja cecair organik bagi input pertanian

‘Rasuah jenayah akhir zaman’

Bekas eksekutif niaga tani PPK Klang didenda RM8k gagal lapor suapan cek bernilai RM5,000

PPK kawasan Klang berjumlah RM143,100.

Justeru, tertuduh melanggar peruntukan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 (Akta 694) iaitu gagal melaporkan pemberian suapan tersebut kepada pihak SPRM atau pegawai polis yang paling hampir.

Tertuduh juga melanggar Seksyen 25 (1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 25 (2) akta sama iaitu jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Mohd Jazid melakuan kesalahan itu di Jalan Kemboja 4B/2, Bukit Sentosa, Rawang pada 21 Julai 2015.

Terdahulu, Mohd Jazid yang tidak diwakili peguam merayu kepada mahkamah untuk mengurangkan denda yang dikenakan atas alasan dia sudah bertaubat.

Dia juga menguruskan ibunya yang berusia 80 tahun serta tiga anak termasuk dua yang sedang melanjutkan pengaji-

an di universiti selepas kematian isteri pada 2020.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya SPRM

Fadhli Ab Wahab memohon hukuman setimpal kerana ia kesalahan serius dan kepentingan awam perlu diambil kira melebihi kepentingan tertuduh.



**Tertuduh berdepan
penjara enam bulan
jika gagal melunaskan
denda yang dikenakan**

**MOHD Jazid dibawa
ke Mahkamah Sesyen
Shah Alam, semalam.**

RM3k untuk lulus apa yang dilarang!

Seremban: Kerja sebagai juruukur dengan gaji memuaskan masih tidak cukup buat seorang kakitangan kerajaan, malah dipercayai masih meminta suapan RM3,000 sebagai balasan untuk meluluskan pengubahsuaian rumah tanpa mengikut prosedur.

Hasil 'usaha kerasnya' itu, kakitangan awam terbabit ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan di rumahnya di Taman Ampangan di sini, jam 3.30 petang kelmarin.

Sumber berkata, lelaki berusia 40 tahun kini direman sehingga 13 April ini selepas permohonan reman dibuat di Mahkamah Majistret Seremban di sini, semalam.


Permohonan reman dibuat Pegawai Pendakwa SPRM Mohd Khairi Abdul Karim di hadapan Majistret Intan Syafinaz Ros'lin.

Sumber berkata, lelaki itu disyaki meminta wang RM3,000 daripada seorang lelaki bagi membantu meluluskan permohonan pelan pengubahsuaian rumah pada 19 Ogos 2019.

Lelaki berkenaan dipercayai memindahkan RM3,000 ke akaun bank juruukur terbabit sebagai balasan mempercepatkan permohonan pelan ubah suai rumahnya tanpa melalui prosedur sah pihak berkuasa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 atau yang mana-mana yang lebih tinggi mengikut Seksyen 24 akta sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail mengesahkan penahanan terbabit.



SUSPEK diringi pihak berkuasa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk permohonan reman semalam.

08.04.2022

Jumaat
HARIAN
METRO

Pegawai PPD tak mengaku salah terima RM5,000

Tawau: Seorang pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, semalam atas tuduhan menerima wang tunai RM5,000 daripada seorang kontraktor, kira-kira dua tahun lalu.

Tertuduh, Abdul Samad Amara, 44, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai RM5,000 daripada pemilik sebuah syarikat dalam kereta Perodua Myvi di Taman Univila di sini, pada 11 September 2020.

Tertuduh mengetahui lelaki itu mempunyai hubungan dengan kerja rasminya selaku Ketua Unit Infrastruktur Dan Pembangunan PPD Tawau bagi Kerja-Kerja Baik Pulih dan Penyelenggaraan di Sekolah Kebangsaan Baling, Tawau berjumlah RM223,247 yang dianugerahkan kepada syarikat individu terbabit.

Berikutan itu, tertuduh

didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Nurul Izzati Sapifee.

Pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM5,000 sebelum tertuduh merayu jaminan rendah kerana sedang 'cuti belajar' selain menanggung isteri dan tiga anak berusia dua hingga 16 tahun.

Mahkamah menetapkan tertuduh diikat jamin RM5,000 (deposit RM3,000) dengan seorang penjamin tempatan, menyerahkan pasport, melapor diri ke SPRM dan dilarang mendekati saksi-saksi pendakwaan.

Abu Bakar kemudian menetapkan 3 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.



ABDUL Samad (kiri) diringt di Mahkamah Khas Rasuah Tawau.
 - Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING

09.04.2022

Sabtu

HARIAN METRO

Lapan ditahan bantu siasatan kes rasuah projek GLC RM2.3b

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman lapan individu bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion.

Permohonan reman terhadap kesemua suspek berusia antara 35 hingga 45 tahun itu masing-masing dibuat di Mahkamah Majistret Putrajaya dan Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak semalam.

Di Putrajaya, permohonan reman selama empat

hari terhadap dua individu dan lima hari terhadap empat individu dibenarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim.

Sementara itu, di **Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak,** permohonan reman selama lima hari dan dua hari terhadap dua individu dibenarkan oleh Majistret Zubaidah Sharkawi.

Menurut sumber, kesemua suspek yang terdiri daripada jawatan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat terbabit dipercayai

terbabit dalam perlakuan rasuah dalam projek milik sebuah GLC dengan anggaran nilai kontrak keseluruhan melebihi RM2.3 bilion antara 2017 hingga 2021.

Katanya, kesemuanya ditahan di Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Sarawak antara 1.30 petang hingga 12.30 tengah malam semalam ketika hadir memberi keterangan.

Tambahnya, susulan daripada penahanan itu beberapa sitaan dilakukan antaranya membabitkan 10 kenderaan mewah pelbagai

jenama, pelbagai mata wang tunai melebihi RM27,000, lebih 50 barang kemas pelbagai jenis termasuk jongkong emas.

Barangan lain yang disita adalah 15 jam tangan mewah pelbagai jenama, 13 beg tangan mewah pelbagai jenama serta membekukan 12 akaun syarikat dan individu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishammuddin Hashim mengesahkan penahanan tersebut dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

8 direman kes rasuah projek milik GLC bernilai lebih RM2.3 bilion

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan pegawai kanan sebuah syarikat bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion.

Lapan suspek terbabit yang berjawatan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat itu ditahan secara berasingan di Ibu Pejabat SPRM di sini dan SPRM Sarawak antara jam 1.30 tengah hari kelmarin hingga 12.30 tengah malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan.

Sumber berkata, ia dipercayai membabitkan projek penyelenggaraan dengan sebuah syarikat GLC

dalam bidang minyak dan gas.

SPRM dalam kenyataan semalam memaklumkan, reman terhadap semua suspek berusia antara 35 hingga 45 tahun itu masing-masing dibuat di Mahkamah Majistret Putrajaya dan Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak.

Di Putrajaya, Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan reman selama empat hari terhadap dua individu dan lima hari terhadap empat yang lain.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret Kuching, Majistret Zubaidah Sharkawi membenarkan permohonan reman masing-masing selama lima hari dan dua hari terhadap dua individu.

RASUAH MELEBIHI RM20K

Kakitangan kerajaan ditahan empat hari

Johor Bahru: Seorang pembantu pegawai sebuah jabatan kerajaan ditahan reman selama empat hari mulai semalam bagi membantu siasatan berkaitan kes meminta dan menerima rasuah melebihi RM20,000.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Melody Woon Sze Mun selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Terdahulu media melaporkan SPRM Johor dilaporkan menahan suspek berusia 32 tahun itu tengah hari

kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Johor.

Difahamkan, pada 2020 hingga tahun lalu, lelaki berkenaan sebelum ini bertugas sebagai pegawai tadbir di sebuah jabatan meminta dan menerima rasuah daripada dua perunding projek.

Difahamkan ia sebagai balasan membantu membocorkan maklumat berkaitan projek yang hendak dipohon oleh kedua-dua individu itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

09.04.2022
Sabtu
HARIAN
METRO

Isu penjualan tanah lapangan terbang antarabangsa di Seri Iskandar

SPRM sudah dapatkan dokumen penjualan

Teliti bukti diperoleh pelbagai agensi, belum ada individu dipanggil

Oleh **Noor Hidayah Tanzizi** dan **Balqis Jazimah Zahari**
bhnews@bh.com.my

Seri Iskandar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mendapatkan dokumen berhubung penjualan tanah untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Seri

Iskandar daripada beberapa jabatan berkaitan.

Pengarah SPRM Perak, Datuk Mohd Fauzi Mohamad, berkata setakat ini, pihaknya belum membuat sebarang penahanan atau memanggil mana-mana individu berhubung perkara itu.

"Belum panggil lagi dan setakat ini, belum ada dibuat apa-apa penahanan. Kami sedang mengkaji dokumen yang diperoleh daripada beberapa jabatan berkaitan.

"Pengumpulan bukti dan keterangan sedang dilaksanakan. Siasatan lebih menjurus kepada Seksyen 23 Akta SPRM 2009," katanya ringkas ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, empat bekas EXCO kera-

jaan Perak sewaktu pentadbiran Pakatan Harapan (PH) tampil meminta SPRM membuat siasatan berhubung isu penjualan tanah untuk tapak cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Seri Iskandar.

Isu penjualan tanah lapangan



terbang berkenaan timbul selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Aulong, Nga Kor Ming, mendakwa tanah itu sudah dijual tanpa kebenaran kerajaan negeri.

Sementara itu, Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid, berkata polis menyerahkan sepenuhnya siasatan berhubung perkara itu kepada SPRM.

"Polis menerima laporan polis daripada seorang individu berhubung isu itu.


"Kita sudah merujuk laporan berkenaan kepada SPRM sebab ia lebih kepada siasatan membabitkan pasukan berkenaan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak, di sini, semalam.

● Pengumpulan bukti dan keterangan sedang dilaksanakan. Siasatan lebih menjurus kepada Seksyen 23 Akta SPRM 2009 ●



Mohd Fauzi Mohamad,
Pengarah
SPRM Perak

● Kita sudah merujuk laporan berkenaan kepada SPRM sebab ia lebih kepada siasatan membabitkan pasukan berkenaan ●



Mior Faridalathrash Wahid,
Ketua Polis Perak

Lapan direman rasuah RM2.3 bilion syarikat GLC

Suspek ditahan ketika hadir
beri keterangan di Ibu
Pejabat SPRM pada Khamis

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Lapan individu direman di dua mahkamah berasingan bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan projek milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion.

Enam daripadanya menjalani prosiding permohonan tahanan reman di hadapan Majistret Putrajaya, Shah Wira Abdul Halim pada Jumaat.

Menurut sumber, suspek ditahan

ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara 1.30 petang sehingga 12 tengah malam Khamis.

“Dua individu direman selama empat hari manakala empat orang lagi direman lima hari,” katanya.

Sementara itu, di Kuching, Majistret Zubaidah Sharkawi membenarkan permohonan reman SPRM terhadap dua individu masing-masing direman selama lima dan dua hari.

Kesemua suspek yang terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat terbabit dipercayai terlibat dalam perlakuan rasuah projek-projek milik sebuah GLC antara tahun 2017 hingga 2021.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.



Suspek diiringi pegawai SPRM ketika hadir ke mahkamah bagi prosiding permohonan reman.

Pembantu pegawai agensi
bocor maklumat ditahan

JOHOR BAHRU - Seorang pembantu pegawai di sebuah agensi direman empat hari bermula Jumaat bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah berjumlah lebih RM20,000 sejak tahun 2020 sehingga 2021.

Perintah reman itu yang berakhir Isnin ini, dikeluarkan Majistret Johor Bahru Melody Woon Sze Mui selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan tersebut.

Semalam, pembantu pegawai berusia 32 tahun itu dilaporkan ditahan di pejabat SPRM Johor Bahru kira-kira jam 12.30 tengah hari, selepas hadir memberikan keterangan bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah berjumlah lebih RM20,000 membabitkan pembocoran maklumat.

Menurut sumber, pada 2020 sehingga tahun lepas, lelaki berkenaan yang sebelum ini bertugas sebagai pegawai tadbir di sebuah agensi, telah meminta dan menerima rasuah daripada dua perunding projek sebagai balasan membantu membocorkan maklumat berkaitan projek yang hendak dipohon oleh kedua-dua individu tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009. - *Bernama*

09.04.2022

Sabtu SINAR HARIAN

Pegawai pendidikan tidak mengaku salah terima suapan

TAWAU - Seorang pegawai jabatan kerajaan mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan menerima suapan membabitkan kontrak bernilai RM223,247 di Mahkamah Khas Rasuah Tawau, pada Jumaat.

Tertuduh, Abdul Samad Amara, 44, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Menurut pertuduhan, tertuduh pada 11 September 2020 di dalam sebuah kenderaan di kawasan Taman Univita, di sini, sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 bertugas sebagai Ketua Unit Infrastruktur dan Pembangunan Pejabat Pendidikan Daerah Tawau telah menerima sesuatu yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai RM5,000 daripada seorang pemilik syarikat.

Tertuduh mengetahui bahawa pemilik

syarikat terbabit mungkin ada berkaitan dengan kerja-kerja rasminya iaitu memiliki syarikat terbabit untuk kerja membaiki pulih dan penyelenggaraan Sekolah Kebangsaan (SK) Balung dengan nilai RM223,247.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan deposit sebanyak RM3,000 bersama seorang penjamin tempatan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap dua bulan, pasport perlu diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh dilarang mendekati saksi.

Mahkamah menetapkan 3 Jun depan sebagai tarikh sebutan untuk pengurusan kes. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Izzati Sapifee manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Polis rujuk SPRM laporan jual tanah lapangan terbang

IPOH - Polis sudah merujuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan satu laporan penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar yang dibuat oleh seorang individu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, setakat ini pihaknya hanya menerima satu laporan sahaja.

"Saya boleh mengesahkan satu laporan diterima daripada seorang individu

tentang isu ini. SPRM akan siasat kerana ia melibatkan bidang kuasa agensi itu," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini pada Jumaat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Datuk Mohd Fauzi Mohamad ketika dihubungi memaklumkan belum melakukan sebarang tangkapan atau memanggil individu yang disyaki terbabit kes berkenaan.



MEI

2022

11.05.2022

Rabu SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • RABU 11 MEI 2022

MAHKAMAH & JENAYAH



Zizie mengaku terima RM2.8 juta

Pengakuannya dirakam
SPRM ketika bantu
siasatan kes melibatkan
Bung Moktar

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR

Penguasa Kanan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) memberitahu Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa bahawa Datin Seri Zizie Izzette A Samad pernah memaklumkan ada menerima wang RM2.8 juta kerana bertindak sebagai 'orang memperkenalkan' (introducer) berhubung pelaburan Felcra dalam unit amanah Public Mutual. Saksi pendakwaan ke-27, Mohd Haris Ibrahim, 42, berkata

demikian ketika perbicaraan kes rasuah pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual, yang dihadapi Ahli Parlimen Kinabatangan dan isterinya itu di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mohd Haris berkata, isteri Ahli Parlimen Kinabatangan mendedahkan perkara itu ketika merakam percakapannya bagi membantu siasatan kes rasuah suaminya, Datuk Seri Bung Moktar Radin pada Julai 2016.

Menurutnya, wang berkenaan diterima daripada saksi pendakwaan ke-25, ejen pelaburan, Norhaili Ahmad Mokhtar.

"Saya tidak tahu sama ada Norhaili dan seorang lagi ejen pelaburan, Madhi Abdul Hamid berada dalam tekanan ketika memberi percakapan bagi membantu siasatan.

"Tetapi saya tahu mereka dipanggil sebagai saksi pendakwaan dalam perbicaraan kes rasuah



Bung Moktar dan Zizie Izzette.

ini," katanya.

Ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Law Chin How, saksi itu berkata, percakapan Norhaili dan Madhi dirakam sebanyak enam kali.

Jelas beliau, merakam per-

cakapan pasangan suami isteri itu dibuat mengikut Seksyen 30(3) Akta SPRM 2009 kerana pada 2017 tiada sebarang tangkapan dibuat.

Pada 3 Mei 2019, Bung Moktar mengaku tidak bersalah

atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2.2 juta dan RM262,500, sebagai dorongan mendapatkan kelulusan Felcra untuk membuat pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Bung Moktar, 64, yang merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra ketika itu, didakwa menerima rasuah daripada Madhi menerusi Zizie Izzette, 44, di Public Bank cawangan Taman Melawati di sini antara jam 12.30 tengah hari dan jam 5 petang 12 Jun 2015.

Beliau juga mengaku tidak bersalah menerima suapan wang tunai sebanyak RM335,500 daripada Norhaili di bawah nama Zizie Izzette, atas sebab sama dan di tempat sama pada 19 Jun 2015.

Zizie Izzette pula mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara itu di tempat, tarikh dan masa yang sama.



Dua rakan tertuduh masing-masing turut didenda RM45,000

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

ALOR SETAR

Tiga kontraktor mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa atas dakwaan memalsukan dokumen untuk mendapatkan tender pembersihan daripada sebuah syarikat swasta pada tahun 2019.

Tertuduh, Suhaimi Mohd, 47, dijatuhi hukuman denda RM80,000 atas dua pertuduhan manakala Syafizawati Shafie, 48, dan Arman Yani Anuar, 51, pula masing-masing didenda RM45,000 atas satu pertuduhan.

Hukuman tersebut dijatuhkan Hakim Harmi Thamri Mohamad selepas semua pemilik syarikat itu mengaku bersalah atas kesemua pertuduhan yang dibacakan jurubahasa kepada mereka.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, Suhaimi telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulin iaitu penyata akaun Maybank Islamic palsu milik

Kontraktor palsukan dokumen didenda RM80,000



Dari kiri: Arman Yani, Suhaimi dan Syafizawati dibawa pegawai SPRM ke kaunter bayaran Mahkamah Alor Setar pada Selasa untuk membayar denda.

syarikat Bumi Emas Prestige Sdn Bhd bagi bulan Oktober hingga Disember 2018.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh juga telah melakukan per-

kara yang sama dengan mengemukakan penyata akaun Affin Bank Berhad palsu milik syarikat Cahaya Ventures Enterprise dan kedua-duanya di-

lakukan di Wisma Idaman, Environment Idaman Kedah dan Perlis, Alor Setar pada 19 Januari 2019.

Hakim menetapkan denda sebanyak RM40,000 bagi setiap pertuduhan yang dihadapi oleh Suhaimi atau berdepan enam bulan penjara jika gagal membayarnya.

Tertuduh kedua, Syafizawati didakwa menggunakan penyata Bank CIMB palsu milik Syarikat ADF Teguh Sdn Bhd sebagai dokumen tulin dan melakukannya antara 14 dan 20 Januari 2019 di Wisma Idaman, Environment Idaman Kedah dan Perlis.

Arman Yani pula didakwa mengemukakan penyata akaun palsu Bank CIMB milik Syarikat Perniagaan Nafas Abadi bagi bulan Oktober hingga 2019 dan dilakukan antara 15 dan 17 Januari 2019 di lokasi yang sama.

Syafizawati dan Arman Yani masing-masing dikenakan denda RM45,000 dan mereka berdepan

enam bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksamaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun yang sama.

Mengikut fakta kes, tindakan ketiga-tiga pemilik syarikat itu memalsukan dokumen membolehkan mereka memenangi tender berkaitan penswastaan pengutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam di wilayah utara tanah air.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rehab Abdul Shukur bersama Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Zulfadli Azharudin.

Suhaimi diwakili peguam. Khoo Wai Tuck manakala dua lagi tertuduh tidak diwakili peguam.

Semua tertuduh telah membayar denda tersebut di kaunter bayaran Mahkamah Alor Setar.

19.05.2022

Khamis HARIAN METRO

Suapan RM80,000: Lelaki direman 4 hari

Shah Alam: Seorang penolong jurutera sebuah jabatan kerajaan direman empat hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes meminta suapan berjumlah kira-kira RM80,000.

Perintah reman sehingga Sabtu ini dibenarkan Majistret Fatina Amyra Abdul Jalil selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Shah Alam.

Kelmarin, lelaki berusia 35 tahun itu ditahan pegawai SPRM Selangor selepas menerima wang tu-

nal RM10,000 daripada seorang individu lain di sebuah restoran sekitar Bangi, kira-kira jam 4 petang.

Sumber berkata, lelaki berkenaan dipercayai meminta suapan bagi membantu mendapatkan kerja-kerja pembaikan sebuah sekolah di sebuah daerah di negeri ini.

Menurut sumber, individu yang ditahan itu adalah pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan projek terbabit.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Cadangan pembaharuan governans, integriti dan antirasuah akan dibentangkan ke Jawatankuasa Khas Kabinet

Oleh FARAH SHIAZWANI ALI

KUALA LUMPUR

Cadangan pembaharuan berkaitan governans, integriti dan antirasuah akan dibentangkan untuk pertimbangan kerajaan melibatkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dan seterusnya dibawa ke mesyuarat jemaah menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, cadangan itu meliputi tiga pembaharuan iaitu hala tuju dasar berhubung penggabulan Rang Undang-Undang (RUU) Sumbangan Politik, status terkini pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 serta cadangan pembangunan Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance).



Wan Junaidi (kanan) mengadakan pertemuan dengan Mohd Sallehuddin serta pegawai-pegawai GIACC dan Biro Pengaduan Awam (BPA) pada Rabu.

Menurut Wan Junaidi, beliau telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan dan Biro Pengaduan Awam (BPA).

"Melalui pertemuan tersebut, GIACC telah membentangkan cadangan pembaharuan berkaitan governans, integriti dan antirasuah untuk pertimbangan kerajaan.

"Ketiga-tiga cadangan itu akan dibentangkan di jawatan-

kuasa khas akan datang dan seterusnya ke mesyuarat jemaah menteri," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, antara perkara lain yang turut dibincangkan adalah status terkini RUU Ombudsman yang

Hebahan berhubung usaha membanteras rasuah juga perlu dipertingkatkan oleh semua agensi kerajaan bagi membentuk persepsi positif terhadap keseriusan kerajaan dalam membendung rasuah."

dicadangkan untuk dibentangkan kepada kerajaan pada tahun ini.

Jelasnya, penelitian harus diberikan kepada aspek dasar penubuhan Ombudsman bagi memastikan keberkesanan undang-undang berkaitan dengannya kelak.

"Hebahan usaha membanteras rasuah juga perlu dipertingkatkan oleh semua agensi kerajaan bagi membentuk persepsi positif terhadap keseriusan kerajaan dalam membendung rasuah, sekali gus meningkatkan prestasi negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun akan datang," tegas beliau.

19.05.2022
Khamis
SINAR
HARIAN

19.05.2022

Khamis SINAR HARIAN


Pegawai kanan, pesara kerajaan ditahan SPRM

KOTA KINABALU - Seorang pegawai kanan di sebuah jabatan kerajaan negeri dan seorang pesara kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah selepas disyaki terlibat menerima rasuah kira-kira RM700,000.

Kedua-dua suspek berusia 43 dan 68 tahun itu ditahan kira-kira jam 11 pagi Rabu ketika hadir di pejabat SPRM Sabah.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan selepas dipercayai meminta dan menerima wang suapan daripada sebuah syarikat kilang sawit sebagai balasan untuk melindungi aktiviti pemalsuan pengisytiharan cukai jualan minyak sawit mentah setiap bulan kepada Kementerian Kewangan Sabah (MOF).

Tindakan kedua-dua suspek itu telah menyebabkan kerugian



SPRM menahan dua suspek berkaitan wang suapan sebanyak RM700,000.

berjuta-juta ringgit kepada kerajaan Sabah.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy yang mengesahkan tangkapan itu berkata, kes sedang disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Kedua-dua suspek ditahan selama 24 jam untuk

siasatan lanjut dan jangka permohonan reman akan dibuat di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu esok (Khamis)," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

S Karunanithy memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan beberapa lagi tangkapan susulan akan dilakukan oleh SPRM Sabah.

Perasuah ambil kesempatan kelompongan dalam sistem pentadbiran

SHAH ALAM - Kemahuan untuk memiliki harta kekayaan dengan cepat dan mudah mendorong masyarakat terlibat dengan gejala rasuah.

Pengerusi Gerakan Mahasiswa Perak (GMPK), Dr Ahmad Zaid Ismail berkata, kebanyakan mereka yang bersifat tamak cenderung mengambil jalan mudah untuk memperoleh harta atau pangkat dengan menerima rasuah.

"Keinginan seseorang untuk hidup mewah dengan cara yang mudah menyebabkan mereka sering leka sehingga sanggup terlibat dengan rasuah semata-mata untuk memenuhi kehendak sendiri.

"Selain itu, rasuah juga boleh berlaku dalam kalangan masyarakat yang kurang didikan agama dan moral," katanya kepada Sinar Harian, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berpendapat, sistem pentadbiran kerajaan yang tidak telus juga menyebabkan terjadinya rasuah dalam negara.



AHMAD ZAID

Menurut Ahmad Zaid, kelemahan dan kelompongan yang wujud dalam sistem pentadbiran negara telah memberi kesempatan kepada perasuah untuk mengaut keuntungan.

"Undang-undang yang lemah juga menyumbang kepada penularan gejala rasuah dalam negara sekali gus menimbulkan pandangan nega-

tif terhadap keupayaan sistem kehakiman negara kita untuk menangani isu ini," tegas beliau.

Tambahnya, gejala rasuah seolah-olah sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat di negara ini dan seperti tiada penghujungnya.

"Ia berlaku di setiap peringkat masyarakat, baik pemimpin tertinggi negara mahupun peringkat bawahan, semuanya tidak terkecuali.

"Buktinya, setiap hari, ada sahaja kes-kes baharu rasuah yang akan dipaparkan di surat khabar mahupun televisyen," katanya.

19.05.2022

Khamis
SINAR
HARIAN

Penolong jurutera direman
disyaki minta suapan RM80,000



Pegawai SPRM membawa penolong jurutera sebuah agensi kerajaan ke Mahkamah Majistret Shah Alam bagi mendapatkan perintah tahanan reman selama empat hari.

SHAH ALAM - Seorang penolong jurutera di sebuah agensi kerajaan direman empat hari bermula pada Rabu bagi membantu siasatan berhubung kes meminta suapan berjumlah kira-kira RM80,000.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 35 tahun itu dikeluarkan Majistret Fatina Amyra Abdul Jalil mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Lelaki itu disyaki telah meminta suapan bagi membantu untuk mendapatkan kerja-kerja pembaikan sebuah sekolah di satu daerah di negeri Selangor.

Suspek ditahan oleh sepasukan pegawai SPRM Selangor setelah menerima wang tunai RM10,000 daripada seorang individu lain di sebuah restoran di Bangi, kira-kira jam 4 petang semalam (Selasa).- *Bername*

19.05.2022

Khamis
SINAR
HARIAN

22.05.2022

Ahad SINAR HARIAN

SPRM selesai siasat kes Hakim Mohd Nazlan

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai melakukan siasatan kes melibatkan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Menurut SPRM, kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 18 Mei 2022 lalu untuk kajian dan arahan selanjutnya.

“Siasatan yang bermula sejak Mac lalu telah dilengkapkan dengan mengumpulkan bukti-bukti berkaitan mengikut panduan dan prosedur yang ditetapkan.

“Sehubungan itu, kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 18 Mei 2022 lalu untuk kajian dan arahan selanjutnya,” menurut SPRM dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Siasatan terhadap Mohd Nazlan dimulakan berhubung dakwaan wang yang tidak dapat dijelaskan dalam akaunnya.

Hakim Mohd Nazlan telah membuat satu laporan polis pada 21 April berhubung artikel berita disiarkan portal berita yang mendakwa beliau sedang disiasat berhubung pemindahan wang yang tidak dapat dijelaskan ke dalam akaun banknya.

Staf Maik, imam masjid bebas rasuah

Amalan integriti yang tinggi diterapkan ke dalam diri masing-masing

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) sehingga kini berjaya mengekalkan imej bersih dengan bebas daripada sebarang gejala salah laku rasuah dalam kalangan kakitangan dan petugas di bawah seliaan majlis itu termasuk imam-imam masjid.

Yang Dipertua Maik, Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, kejayaan itu diperoleh hasil daripada amalan integriti yang tinggi diterapkan sekian lama ke dalam diri setiap kakitangan dan petugas di bawah seliaan majlis agama tersebut.



Kakitangan Maik melafazkan Ikrar Bebas Rasuah pada Isnin.

Katanya, mereka sebagai barisan kepimpinan dalam bidang agama terutama golongan imam masjid mendapat pengiktirafan sebagai *role model* dalam kalangan masyarakat setempat.

“Dalam Islam sekali-pun, hukumnya haram untuk mengambil atau memberi rasuah dan Maik terapkan amalan integriti yang tinggi dalam kalangan kakitangan termasuk kepada imam

masjid yang mana di kampung-kampung mereka menjadi contoh diteladani,” katanya selepas merasmikan Majlis Ikrar Bebas Rasuah dan Pengurniaan Tauliah Pelantikan Pegawai Masjid Mukim Tahun 2022 di Kompleks Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, Rosli



Tengku Mohamad Rizam (tengah) menyampaikan tauliah kepada Imam Muda Masjid Mukim Gual Tinggi, Rantau Panjang, Abdul Karim Makhtar.

Husain dan Timbalan Yang Dipertua Maik, Zulkifli Ab Rahman.

Mengulas lanjut, Tengku Mohamad Rizam berkata, peringatan supaya masyarakat menjauhi jenayah rasuah turut ditekankan di dalam bacaan khutbah Jumaat di setiap 608 masjid di seluruh negeri itu.

“Pada hari ini, 600 kakitangan MAIK dan 107 imam melafazkan

Ikrar Bebas Rasuah sebagai tanda komitmen mereka dalam mengekang atau tidak terlibat dengan gejala ini,” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Maik dalam perbincangan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk memberi peluang kepada pegawai masjid mukim menyambung pengajian dalam tempoh perkhidmatan.

Palsu dokumen, enam kontraktor didenda RM50,000

ALOR SETAR - Enam kontraktor didenda RM50,000 di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memalsukan penyata akaun bank syarikat untuk melayakkan mereka mendapatkan tender pembersihan awam pada 2019.

Hakim Harmi Thamri Mohamad menjatuhkan hukuman itu terhadap Zulhilmi Abdul Jabar, 43; Mohd Yusrizal Ismail, 43; Muhamad Hairi Md Ismail, 38; Ranzi Halim, 51; Muhammad Amir Che Azid, 36 dan Badaruddin Mohamad, 40.

Mereka juga diperintahkan menjalani hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda terbabit.

Mengikut kertas pertuduhan, mereka didakwa dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulin iaitu penyata akaun bagi bulan Oktober, November dan Disember 2018, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Kesemua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu dalam tempoh bermula 1 hingga 22 Januari 2019 di Wisma Idaman Sdn Bhd, Bandar Baru Stargate Jalan BSG 4, Lebuhraya Sultanah Bahiyah di sini.

Keenam-enam mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama iaitu memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rehab Abdul Shukur.

Muhammad Amir, Mohd Yusrizal dan Zulhilmi diwakili peguam Intan Nursyafina Baharudin manakala Muhamad Hairi, Ranzi dan Badaruddin diwakili Syed Fakhruzzaman Syed Mansor.

Kesemua tertuduh dimaklumkan membayar denda masing-masing.



Kesemua tertuduh berjalan keluar dari Mahkamah Sesyen Alor Setar selepas mendengar keputusan kes mereka pada Selasa.

25.05.2022

**Rabu
SINAR
HARIAN**

25.05.2022

Rabu SINAR HARIAN

Adham sedia beri kerjasama kepada SPRM

Berhubung dakwaan berlaku penyelewengan dalam perolehan berkaitan Covid-19

SERDANG

Bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba sedia memberikan kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) berikutan dakwaan berlaku isu rasuah dan penyelewengan berhubung perolehan berkaitan Covid-19.

Beliau yang memegang portfolio itu semasa Covid-19 mula melanda negara mengakui pernah menerima sendiri aduan mengenai perkara berkenaan, sekali gus menjelaskan perkara itu berlaku di peringkat pentadbiran.

Menurutnya, sewaktu keadaan pandemik, banyak proses pemerolehan tidak melalui prosedur biasa dan terdapat kekeliruan dalam melaksanakan perkara itu.

"Kita gunakan perolehan kecemasan jadi keperluan mendesak banyak benda

yang dilakukan nak cepat, ada yang terpaksa pesan dahulu dan ada juga yang perlukan deposit. Ini semua tidak melalui proses-proses seperti biasa. Ada perkara-perkara yang saya sedar dan saya sebagai menteri pada ketika itu menasihati mereka.

"Saya sebagai menteri, saya menjaga dasar dan pelaksanaan dilakukan oleh pihak pentadbiran, saya menyenaraikan semua keperluan pelaksanaan oleh mereka. Saya bersedia untuk beri kerjasama kepada SPRM tidak ada keraguan kerana ini penggunaan kecemasan pertama kali," katanya.

Dr Adham berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara National Institute of Biotechnology Malaysia, Solution Biologics Sdn Bhd dan



ADHAM BABA

Cansino Biologics Inc (CanSino).

Pada Selasa, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan terhadap perolehan berkaitan Covid-19 melibatkan rasuah dan penyelewengan selain turut melihat kepada penyalahgunaan kuasa.

Berkenaan majlis itu, Dr Adham yang juga Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata, MoU yang telah ditandatangani oleh tiga pihak itu bertujuan memupuk kerjasama jangka panjang dalam pembangunan, penyelidikan dan pengkomersialan vaksin manusia. - Bernama



Keratan akhbar Sinar Harian pada Rabu.

25.05.2022 Rabu

SINAR HARIAN

Pendapatan tidak berbaloi antara faktor rasuah - Harmit Singh

SHAH ALAM - Pendapatan atau gaji yang tidak berbaloi dengan kerja yang dilakukan antara faktor gejala rasuah berlaku dalam kalangan pekerja.

Naib Presiden Gerakan Belia Sepunjabi Malaysia, Harmit Singh berkata, gaji diterima seseorang pekerja seharusnya seimbang dengan pekerjaan yang dilakukan.

“Apa yang saya lihat di negara ini, kerja yang mereka buat berat (banyak), namun terima gaji yang sedikit. Ini menyebabkan rasuah boleh berlaku.

“Lebih menyedihkan, ada yang bersusah payah kerja, gaji sama dengan mereka yang kurang buat kerja.

“Ada di kalangan mereka yang terpaksa melakukan perbuatan itu (rasuah) demi kelangsungan hidup mereka. Kalau tidak susah untuk sara diri,” katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga perlu telus dengan sistem pentadbiran kerana sistem yang digunakan dianggap tidak adil dan memberikan pelbagai kelebihan

kepada golongan yang mampu.

“Saya lihat, ada golongan M40 malah T20 menerima bantuan. Ataupun lulus permohonan untuk beli rumah yang sepatutnya milik B40. Ini juga sama bagi kemasukan ke universiti. Ada anak orang kaya yang masuk ke universiti awam.

“Perkara ini tidak boleh berlaku. Ini menyebabkan golongan B40 berkemungkinan menerima rasuah untuk menyara hidup mereka. Negara jadi makin rosak kalau begini,” ujarnya.

25.05.2022

Rabu SINAR HARIAN

Enam pengarah, pemilik syarikat ditahan kemuka dokumen palsu



ALOR SETAR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam pengarah dan pemilik syarikat pada Selasa bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan penyata akaun bank syarikat yang mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat pembersihan di utara.

Sumber SPRM memberitahu, seorang ditahan di Pejabat SPRM Kedah dan lima lagi ditahan di SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur antara jam 10.28 pagi hingga 5.24 petang.

Menurutnya, kesemua yang ditahan adalah lelaki yang berusia 38 hingga 49 tahun.

“Tindakan telah diambil oleh SPRM antaranya merakamkan percakapan saksi-saksi yang terlibat dan juga orang kena tuduh, (OKT). Suruhanjaya juga turut mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan.

“Semua OKT akan dilepaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 hingga RM15,000 serta penjamin,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shahrarom Nizam Abd Manap ketika dihubungi pemberita mengesahkan penahanan tersebut.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut kerana kes masih lagi dalam siasatan dan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

25.05.2022 **Rabu**
SINAR HARIAN

Disyaki terdapat unsur rasuah dan penyelewengan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang melakukan siasatan terhadap perolehan berkaitan Covid-19 yang didakwa mempunyai unsur rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, terdapat pihak yang cuba mengambil kesempatan dalam keadaan negara sedang bergelut dengan pandemik Covid-19.

"Ia menyedihkan. Negara berada dalam pandemik dan

darurat (sebelum ini) namun beberapa perolehan terpalit rasuah," katanya dalam ucapan pada Forum Anti Rasuah Malaysia di sini pada Selasa.

Menurutnya, siasatan yang sedang dilakukan adalah termasuk aktiviti rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa mengalihkan bantuan dan pakej rangsangan, penipuan berkaitan peralatan perubatan dan sebagai-




AZAM

terdapat pihak yang mengambil kesempatan menikmati wang haram hasil daripada 'kesakitan' atau kemalangan orang lain.

nya. "Penipuan berkaitan perubatan merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati palsu atau berkualiti rendah," ujarnya.

Katanya, perbuatan tidak bertanggungjawab itu jelas menunjukkan masih



Penipuan berkaitan perubatan didakwa merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati palsu atau berkualiti rendah.

"Saya memberi jaminan kepada semua orang bahawa SPRM bekerja sepanjang masa untuk

memastikan rasuah sentiasa disemak dengan baik di Malaysia," kata beliau.

25.05.2022

Rabu SINAR HARIAN

415 tangkapan berkaitan rasuah dibuat dalam tempoh 4 bulan

PUTRAJAYA - Sebanyak 376 kertas siasatan membabitkan 415 tangkapan berkaitan rasuah, perubahan wang haram dan kanun seksaan direkodkan sepanjang empat bulan pertama tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, suku pertama tahun ini turut menyaksikan sebanyak RM12.58 juta aset dirampas dan RM59 juta dilucut hak.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 829 kertas siasatan dibuka dan 851 tangkapan dibuat manakala RM162 juta nilai aset dirampas serta RM5.13 bilion dilucut hak," katanya di sini

pada Selasa.

Menurutnya, SPRM terus akan mempergiatkan fungsi terasnya dalam membanteras aktiviti rasuah dan penyelewengan.

"SPRM juga perlu mencari pelbagai cara untuk memerangi rasuah yang merumitkan dalam tipologi dan modus operandi," katanya.

Beliau berkata, sebagai contoh SPRM telah menumpaskan sindiket yang menggodam sistem Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk mengeluarkan pas pelayat palsu dan pas pekerjaan sementara.



"Dalam operasi tersebut, seramai 12 orang termasuk pegawai imigresen telah ditahan dalam operasi secara besar-besaran di 22 lokasi di Kuala Lumpur.

"Sepanjang operasi, sejumlah 147 akaun bank dengan baki ber-

jumlah RM10 juta dibekukan, hartanah bernilai RM11.87 juta dan 66 kenderaan bernilai RM13 juta dirampas," katanya.

Azam berkata, kegiatan rasuah ini telah berlarutan sejak lima tahun lalu dan telah menyebabkan kerajaan kehilangan kutipan hasil maksimum.

25.05.2022

Rabu SINAR HARIAN

Usaha bawa pulang dana 1MDB belum selesai

PUTRAJAYA - Usaha untuk membawa pulang setiap sen dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diseleweng masih belum selesai.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pada tahun 2020, sejumlah RM14 bilion berjaya dituntut melalui kompaun dan penyelesaian daripada pelbagai pihak, manakala RM5.11 bilion lagi diperolehi pada tahun lalu.

“Kerja (tuntutan) belum selesai. Rakyat mesti menuntut setiap sen wang yang dilaburkan oleh 1MDB,” katanya di sini pada Selasa.

Menurutnya, sejak tahun 2018, kerajaan mempergiat pelbagai usaha untuk mengembalikan aset 1MDB termasuklah melakukan pendakwaan terhadap beberapa individu.



“SPRM juga bekerjasama dengan beberapa badan antarabangsa dan agensi penguatkuasaan asing bagi mendapatkan semua dana yang diseleweng,” katanya.

Beliau berkata, pengalaman Malaysia mengendalikan dan memulihkan sejumlah besar aset seperti itu secara berterusan mendapat pujian daripada badan-badan antarabangsa.

“SPRM berkongsi pengalaman yang tidak ternilai ini dalam pelbagai platform peringkat antarabangsa khususnya dalam menguruskan siasatan yang merentasi banyak benua dan pelbagai jenis aset,” ujar beliau.

Pada 19 November lalu, media melaporkan SPRM dengan kerjasama agensi penguat kuasa asing berjaya memulangkan lebih RM20.53 bilion kepada kerajaan.

Usaha pemulihan aset dana 1MDB itu giat diteruskan di dalam dan luar negara termasuk Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Taiwan dan Singapura.

Tugas **belum** selesai

SPRM tekad peroleh kembali semua aset membabitkan IMDB

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sepanjang 2020 hingga tahun lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sudah memperoleh kembali kira-kira RM19.11 bilion aset membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan menganggap tugas mendapatkan kembali aset 1MDB itu masih belum selesai.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, bagi 2021, RM5.11 bilion sudah diperoleh oleh pihaknya.

Beliau berkata, pada 2020 pula, pihaknya memperoleh kembali RM1.4 bilion aset 1MDB yang diperoleh daripada pelbagai pihak melalui kompaun dan penyelesaian, termasuk penghantaran pulang hasil jenayah.

"Kerja (untuk menuntut aset) belum selesai. Rakyat Malaysia mesti menuntut kerana terdapat akauntabiliti dalam setiap sen wang yang dilaburkan dalam 1MDB.

"Diharapkan orang ramai yang berada di dalam bilik ini turut menyertai sersuan untuk menuntut bahawa pelaku jenayah ini perlu membayar atas segala tindakan jahat mereka," katanya pada ucapan pada Forum Anti Rasuah Malaysia kali ketiga di sini, semalam.

Tambahnya, sejak 2018, kerajaan mempergiat pelbagai usaha untuk mengembalikan aset 1MDB termasuk melakukan pendakwaan terhadap beberapa individu.

Katanya, SPRM bekerjasama dengan beberapa badan antarabangsa dan agensi penguatkuasaan asing bagi mendapatkan semua dana yang diseleweng.

Beliau berkata, dalam banyak forum antarabangsa yang dihadiri, pengalaman Malaysia mengendalikan dan memulihkan sejumlah besar aset 1MDB secara berterusan mendapat pujian daripada pelbagai pihak.

"Ramai pegawai kami berkongsi pengalaman yang tidak ternilai ini di pelbagai peringkat antarabangsa," katanya.

Pada November lalu,

SPRM pada kenyataan memaklumkan, kerjasamanya dengan agensi penguat kuasa antarabangsa sudah mengembalikan lebih RM70.53 bilion aset 1MDB kepada kerajaan Malaysia.

SPRM memaklumkan, pihaknya kini giat meneruskan pemulihan aset dana 1MDB dalam dan luar negara termasuk di Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Taiwan dan Singapura.

Pada 12 Mei 2021, Kementerian Kewangan memak-

lumkan, kira-kira RM1.9 bilion (AS\$452.36 juta) sudah didepositkan ke dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat dan wang berkenaan adalah sebahagian daripada dana 1MDB yang disita.

Sehingga kini, Akaun Amanah tersebut yang berada di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara menerima RM16.05 bilion dana berkaitan 1MDB yang disita serta dipulangkan.



Buka 376 kertas siasatan, 415 tangkapan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) membuka sebanyak 376 kertas siasatan membabitkan 415 tangkapan berkaitan jenayah rasuah, perubahan wang haram dan Kanun Keseksaan dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pada suku pertama tahun ini juga turut menyaksikan sebanyak RM12.58 juta aset dirampas, manakala RM59 juta lagi dilucut hak.

Menurutnya, sepanjang tahun lalu sebanyak 829 kertas siasatan dibuka oleh pihaknya dan daripada jumlah itu sejumlah 851 tangkapan dibuat dengan nilai aset dirampas adalah sebanyak RM162 juta, manakala RM5.13 bilion dilucut hak.

"SPRM akan terus mempergiatkan fungsi suruhanjaya ini untuk membanteras aktiviti rasuah dan penyelewengan malah kita mencari pelbagai cara untuk memerangi rasuah yang kini semakin rumit kerana tipologi dan modus operandinya

kini dipertingkatkan.

"Sebagai contoh, sebelum ini SPRM perlu mendapatkan bantuan Jabatan Imigresen untuk menumpaskan sindiket yang menggodam sistem imigresen bagi mengeluarkan pas pelawat palsu dan pas pekerja sementara.

"Dalam operasi berkenaan, seramai 12 individu termasuk pegawai imigresen ditahan dalam operasi secara besar-besaran di 22 lokasi di Kuala Lumpur termasuk 147 akaun bank dengan baki berjumlah RM10

juta dibekukan, hartanah bernilai RM11.87 juta dan 66 kenderaan bernilai RM13

juta dirampas," katanya ketika ucapan pada Forum Anti Rasuah Malaysia Kali Ke-3 di sini, semalam.

Azam berkata, kegiatan rasuah itu sudah berlarutan sejak lima tahun lalu sehingga menyebabkan kerajaan kehilangan kutipan hasil yang maksimum.

Dalam pada itu, Azam berkata, walaupun pandemik Covid-19 melanda negara namun masih terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang memalitkan beberapa pembelian dalam sektor kesihatan dengan rasuah.

"Banyak negara menghulurkan bantuan ekonomi dan membuat pembelian perubahan peralatan atau perubahan melalui tabung kece-

masan. Namun sangat menyedihkan, walaupun pandemik dan negara dalam keadaan kecemasan, beberapa pembelian ini terpalit dengan rasuah.

"Ini menunjukkan terdapat individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk membuat wang haram daripada kesakitan dan kemalangan orang ramai.

"Siasatan yang dilakukan SPRM berhubung Covid-19 termasuklah rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan; penyalahgunaan kuasa dalam mengalihkan bantuan bantuan dan pakej rangsangan.

"Selain itu, ia turut membabitkan penipuan yang berkaitan dengan peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan (pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain) dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah serta rasuah pegawai penguat kuasa dalam barisan penguatkuasaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.



"
SPRM akan terus mempergiatkan fungsi suruhanjaya ini
Azam

26.05.2022

**Khamis
BERITA
HARIAN**

SPRM tahan enam pengarah, pemilik syarikat

Alor Setar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam lelaki bagi membantu siasatan kes mengemukakan penyata akaun bank syarikat yang mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat pembersihan di negeri ini pada 2019.

Menurut sumber SPRM, kesemua mereka berusia 38 hingga 49 tahun itu yang juga pengarah dan pemilik syarikat, ditahan di Kedah serta Kuala Lumpur, semalam.

"Seorang daripada mereka ditahan di Pejabat SPRM Kedah, manakala lima lagi di SPRM Kuala Lumpur antara jam 10.28 pagi hingga 5.24 petang," katanya.

Kesemua suspek itu disyaki menggunakan penyata akaun

bank syarikat yang palsu dalam permohonan tender Penswastaaan Pengumpulan Sisa Pepejal dan Pengurusan Pembersihan Awam di Wilayah Utara.

Susulan itu, sumber berkata, SPRM merekodkan percakapan mereka dan saksi, selain mendapatkan dokumen yang relevan dalam kes berkenaan.

"Kesemuanya akan dilepaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 hingga RM15,000 serta penjamin," katanya.

Sementara itu Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, mengesahkan tangkapan berkenaan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. **BERNAMA**

SPRM diminta segera bawa pulang dana 1MDB

Kuala Lumpur: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mengambil tindakan pantas membawa pulang setiap sen dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya, ini kerana isu itu berkait rapat dengan sikap individu terhadap rasuah dan penyelewengan dana awam oleh penguasa.

“Sikap tegas kita terhadap rasuah dan salah guna kuasa adalah cerminan integriti masyarakat yang tinggi dan tidak harus ada kompromi sama sekali dalam hal membabitkan integriti.

“Saya menyambut baik kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki terkait usaha untuk membawa pulang setiap sen dana syarikat 1MDB,” katanya dalam kenyataan di Twitternya, semalam.

Kelmarin, Azam dilaporkan berkata, usaha untuk membawa pulangan setiap sen dana syarikat 1MDB yang diseleweng masih belum selesai.

Katanya lagi, pada 2020, sejumlah RM14 bilion berjaya dituntut melalui kompaun dan penyelesaian daripada pelbagai pihak, manakala RM5.11

bilion lagi diperoleh pada tahun lalu.

Sepanjang tahun lalu sahaja, sebanyak RM5.11 bilion sudah diperoleh, manakala pada 2020 sebanyak RM14 bilion diperoleh daripada pelbagai pihak, sama ada melalui kompaun dan penyelesaian termasuk penghantaran pulang hasil jenayah.

Azam berkata, sejak 2018, kerajaan sudah meningkatkan pelbagai usaha untuk mendapatkan kembali aset 1MDB, termasuk melakukan pendakwaan terhadap pegawai kanan kerajaan dan tokoh politik.

SPRM turut bekerjasama dengan beberapa badan antarabangsa dan agensi penguat kuasa asing bagi mendapatkan semula hasil serta aset yang diperoleh secara jenayah.

November tahun lalu, suruhanjaya itu memaklumkan, kerjasamanya dengan agensi penguat kuasa antarabangsa berjaya memulangkan aset 1MDB lebih RM20.53 bilion kepada kerajaan Malaysia.


Agensi itu masih giat meneruskan pemulihan aset 1MDB dalam dan luar negara termasuk di Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Taiwan dan Singapura.

26.05.2022

**Khamis
BERITA
HARIAN**

26.05.2022 Khamis BERITA HARIAN

Harian Metro | Khamis 26.05.2022



KEMUKA PENYATA AKAUN BANK PALSU

Enam pengarah, pemilik syarikat ditahan

Alor Setar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam lelaki bagi membantu siasatan kes mengemukakan penyata akaun bank syarikat yang mengandungi butiran palsu kepada syarikat pembersihan di negeri ini pada 2019.

Menurut sumber SPRM, semua mereka yang berusia

38 hingga 49 tahun adalah pengarah serta pemilik syarikat ditahan di negeri ini serta Kuala Lumpur kelmarin.

“Seorang daripada mereka ditahan di Pejabat SPRM Kedah manakala lima lagi ditahan di SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur antara jam 10.28 pagi hingga jam 5.24 petang,” katanya.

Semua mereka dipercayai menggunakan penyata akaun banyak syarikat palsu dalam permohonan tender Penswastaaan Pengumpulan Sisa Pepejal dan Pengurusan Pembersihan Awam di Wilayah Utara.

Sumber berkata, SPRM merekodkan percakapan mereka selain saksi serta mendapatkan dokumen

berkaitan.

“Semua dibebaskan dengan jaminan SPRM berjumlah RM10,000 hingga RM15,000,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah Datuk Shaharom Nizam Abd Manap mengesahkan tangkapan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. - Bernama

27.05.2022 Jumaat SINAR HARIAN



S Vijaiyan (tengah) di Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Penyelia Rela dipenjara 14 hari buat tuntutan palsu

SEREMBAN - Seorang penyelia Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dihukum penjara 14 hari dan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan membuat tuntutan penugasan palsu daripada jabatan berkenaan, tahun lalu.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, S Vijaiyan, 56, selepas dia membuat pengakuan bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara lima bulan jika gagal membayar denda terbabit.

Mengikut pertuduhan, S. Vijaiyan sebagai penyelia Rela Seremban telah mengemukakan

Borang Tuntutan Elaun Penugasan Rela bagi penugasan di sebuah pusat kuarantin Covid-19 atas nama seorang wanita bagi bulan November 2021 berjumlah RM960, walhal wanita itu tidak hadir bertugas pada masa dan tarikh yang dicatatkan.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Rela Daerah Seremban pada Disember 2021. Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Selain itu, mahkamah melepas dan membebaskan tertuduh bagi enam pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun

Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah serta persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk mengguna pakai TIC (*Take Into Consideration*).

Sebelum itu, peguam R Subash memohon hukuman paling minimum untuk anak guamnya yang perlu menanggung seorang isteri dan 12 orang anak selain pengakuan salah tertuduh juga dapat menjimatkan masa mahkamah.

"Tertuduh sudah berkhidmat dengan Jabatan Rela selama 16 tahun dan mempunyai rekod yang cemerlang. Ini kesalahan pertamanya jadi pihak pembelaan merayu satu hukuman penjara paling minimum," katanya.

27.05.2022
Jumaat
HARIAN
METRO

KES RASUAH AHMAD ZAHID

RM6j bukan rasuah

Oleh Ahmad Johari
 Mohd Ali
 am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam dua keping cek yang diterimanya daripada syarikat Sarana Kencana Sdn Bhd berjumlah RM6 juta bukan rasuah, sebaliknya ia sumbangan politik ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Ahmad Zahid berkata, tuduhan terhadapnya cek itu upah sebagai Menteri Dalam Negeri kerana melantik syarikat Datasonic Technologies Sdn Bhd (DTSB) bagi melaksanakan Perolehan Pembekalan Cip Pasport (kontrak polikarbonat) untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak benar sama sekali.

Presiden Umno itu menegaskan tuduhan terhadapnya satu fitnah kerana cek berkenaan merupakan sumbangan politik yang juga sebahagian daripada amal jariah untuk Yayasan Akalbudi yang diasaskannya.


Memutusnya, keterangan dua bekas pengurusan tertinggi DTSB di mahkamah, tidak pernah pada bila-bila masa menyatakan cek berkenaan satu upah atau rasuah daripada DTSB bagi dilantik untuk melaksanakan kontrak polikarbonat.

"Saya ingin menegaskan keputusan melantik DTSB bukan keputusan daripada saya. Saya tidak ada kuasa membuat keputusan akhir kerana ia di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

"Saya juga ingin menegaskan berdasarkan proses yang dijalankan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM, penganugerahan projek kontrak polikarbonat kepada DTSB teratur dan menurut prosedur yang ditetapkan.

"Saya menyatakan semua prosedur sudah dijalankan dengan sempurna oleh pegawai saya di KDN dan diakui oleh Kementerian Kewangan sebelum kontrak terbit diamanahkan kepada DTSB," katanya.

Ahmad Zahid berkata, tuduhan ke atasnya menya-



AHMAD Zahid meninggalkan mahkamah selepas perbicaraan tuduhan rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta.
 - Gambar NTF/PAZ/UDIN SAAD

takan, Sarana Kencana mengeluarkan cek itu yang diterimanya daripada bekas Timbalan Pengarah Urusan DTSB Chew Ben Ben sebagai upah kerana beliau melantik DTSB melaksanakan kontrak polikarbonat.

Menurut Ahmad Zahid, selangannya ketika menjawat jawatan Menteri Dalam Negeri, Jeneral (Bersara) Tan Sri Dr Mohamed Hashim Mohd Ali (bekas Pengarah DTSB) ada mengemukakan surat Permohonan Untuk Membekalkan Cip Pasport Selama 5 Tahun Atau 12.5 Juta Cip Yang Akan Dimasukkan Ke Dalam Halaman Biodata Polycarbonate Pasport Malaysia Kepada Kerajaan Secara Rundingan Terus.

Beliau berkata, Sarana Kencana adalah milik Mohamed Hashim dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Datasonic Group Berhad serta bekas Pengarah DTSB Datuk Abu Hanifah Noordin.

Ketika menjawab soalan peguamnya, Datuk Ahmad Zaidi Zainal, Ahmad Zahid berkata, Mohamed Hashim yang ketika itu Panglima Tentera Darat sudah dikenalnya lebih 20 tahun ketika beliau menjadi Setiausaha Politik Menteri Perumahan dan ia bukan kerana pembabitannya dalam perniagaan.

Beliau berkata, kontrak secara rundingan terus membatalkan Arahan Per-

olehan dalam KDN di mana Kementerian Kewangan yang akan menentukan rundingan terus diamanahkan kepada mana-mana syarikat yang membuat permohonan.

Katanya, perkara itu perlu diputuskan di peringkat Kementerian Kewangan dan bukannya di peringkat Perolehan KDN.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, Ben Ben yang juga saksi kes 54 pendakwaan dalam keterangannya, tidak pernah pada bila-bila masa menyatakan cek berkenaan satu upah atau rasuah daripada DTSB bagi dilantik untuk melaksanakan kontrak polikarbonat.

Beliau berkata, cek itu diberikan kepada Tessa Lewis & Co dan dimasukkan ke dalam akaun pelanggan firma guaman terbabit yang mana ia sumbangan politik kepadanya.

“Semua prosedur dijalankan dengan sempurna oleh pegawai saya di KDN”
 Ahmad Zahid

Koperal mengaku tidak bersalah terima suapan RM16,000 tutup kes

SHAH ALAM - Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas dua tuduhan utama dan pilihan menerima rasuah berjumlah RM16,000 Februari lalu.

Azrol Khalil, 37, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah menerima wang berjumlah RM16,000 daripada seorang lelaki berusia 50 tahun.

Ia sebagai dorongan untuknya selaku anggota polis menutup kes jenayah komersial terhadap individu yang sedang disiasat oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

Dia yang kini bertugas di bahagian pentadbiran didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Taman Prima, Sri

Gombak di sini pada 7 Februari lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh di hukum mengikut Seksyen 24 (1) Akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara pertuduhan pilihan, Azrol didakwa sebagai penjawat awam menerima suatu barang berharga atau wang tunai dengan jumlah yang sama pada tarikh dan lokasi sama tanpa sebarang balasan.

Bagi pertuduhan itu, dia dituduh mengikut Seksyen 165



AZROL KHALIL

Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Noryusriza Zulkifli mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak

RM10,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan iaitu melaporkan diri ke pejabat SPRM serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, hakim Rozilah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 dan melaporkan diri ke Pejabat SPRM Selangor setiap bulan. Mahkamah kemudiannya menetapkan 28 Jun depan untuk sebutan semula kes.

28.05.2022

**Sabtu
SINAR
HARIAN**

28.05.2022
Sabtu
BERITA
HARIAN

Kes pengubahan wang haram RM1.33 juta

Pengarah syarikat mengaku tak salah 14 pertuduhan

Tertuduh didakwa pindah RM1.33j daripada akaun syarikat hasil aktiviti haram

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pengarah sebuah syarikat yang menjalankan urusan jual beli sarung tangan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 14 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai lebih RM1 juta, dua tahun lalu.

Tertuduh Mazne Che Mohd Amin, 32, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Helina Sulaiman.

Menurut pertuduhan, Mazne selaku pengarah syarikat memindahkan wang berjumlah kira-kira RM1.33 juta daripada akaun bank syarikatnya menerusi 14 transaksi yang merupakan hasil daripada aktiviti haram kepada sembilan akaun bank milik syarikat lain serta lima akaun perseorangan termasuk dua miliknya.



Mazne mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Shah Alam atas 14 pertuduhan pengubahan wang haram. (Foto Anuar Faiz/BH)

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di cawangan sebuah bank tempatan di Sungai Besi, Petaling dekat sini antara 9 September hingga 17 Oktober 2020.

Dia melakukan kesalahan mengikut perenggan 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan dibaca bersama subseksyen 87 (1), yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4 (1) akta sama dan dibaca bersama perenggan 87 (1) (a) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dipenja-

ra sehingga 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noor Zalizan Lazarus menawarkan jaminan RM50,000 bersama seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Hakim kemudian menetapkan jaminan RM20,000 bersama seorang penjamin serta pasport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melaporkan diri ke balai polis setiap bulan.

28.05.2022 Sabtu BERITA HARIAN

Anggota polis didakwa terima rasuah RM16,000

Shah Alam: Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM16,000, Februari lalu.

Azrol Khalil, 37, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan, termasuk satu pertuduhan pilihan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Azrol didakwa secara rasuah menerima wang tunai RM16,000 daripada seorang lelaki berusia 50 tahun sebagai dorongan untuknya selaku anggota polis menutup kes jenayah komersial terhadap individu yang sedang disiasat oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

Dia yang kini bertugas di bahagian pentadbiran didakwa melakukan kesalahan itu di se-

buah restoran di Taman Prima, Sri Gombak, Batu Caves pada 7 Februari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh di hukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan, tertuduh sebagai penjawat awam didakwa menerima suatu barang berharga atau wang tunai dengan jumlah sama pada tarikh dan lokasi sama tanpa sebarang balasan dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kamun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, boleh

dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Noryusriza Zulkipli menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam yang mewakili tertuduh, PG Cyril memohon wang jaminan dikurangkan kepada RM5,000 dengan alasan anak guamnya bergantung kepada pendapatan isteri untuk menyara keluarga.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM Selangor pada awal setiap bulan sebelum menetapkan sebutan semula kes pada 28 Jun depan.



Azrol mengaku tidak bersalah tuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen, Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Kes rasuah projek solar hibrid

Rosmah gagal lagi singkir Sri Ram

Mahkamah Persekutuan tolak permohonan gugur ketua pendakwaan, batalkan kes

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Putrajaya: Usaha Datin Seri Rosmah Mansor menyingkirkan Datuk Seri Gopal Sri Ram sebagai Ketua Pendakwaan prosiding kes rasuah projek solar hibrid yang sedang dihadapinya, berakhir apabila permohonannya ditolak Mahkamah Persekutuan, semalam.

Panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Datuk Seri Mohd Zawawi Salleh, yang bersidang bersama Datuk Vernon Ong Lam Kiat dan Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah, sebulat suara menolak permohonan berkenaan.

Mohd Zawawi berkata, pihaknya sependapat dengan Mahkamah Rayuan sebelum ini yang memaklumkan mahkamah jenayah tidak mempunyai bidang kuasa membatalkan kes itu dan menggugurkan ketua pendakwaan itu.

Beliau berkata, apa yang dimohon Rosmah mesti tertakluk mengikut perkara dibenarkan Kanun Acara Jenayah (CPC).

"Mahkamah jenayah tidak diberi kuasa untuk memberi perintah berbentuk deklarasi. Ada undang-undang bertulis seperti Akta Mahkamah Kehakiman serta Perintah 15 dan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi yang memberi kuasa kepada mahkamah sivil.

"CPC pula undang-undang me-



Rosmah ketika hadir di Mahkamah Persekutuan, semalam. (Foto BERNAMA)

nyeluruh dan komprehensif berkaitan prosedur prosiding mahkamah jenayah. Maka, persoalan mengenai mahkamah jenayah mempunyai kuasa untuk menerima apa yang dimohon (Rosmah) tidak boleh dibangkitkan," katanya.

Rosmah diwakili peguam, Datuk Akberdin Abdul Kader dan Datuk Jagjit Singh, manakala pihak pendakwaan selaku responden diwakili Sri Ram.

Pada 6 Disember lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Rosmah berkaitan perkara sama.

Panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Hanipah Farikullah yang bersidang bersama Datuk M Gunalan dan Datuk Hashim Hamzah sebulat suara menolak rayuan berkenaan selepas membenarkan bantahan awal pendakwa raya yang dinamakan sebagai responden.

Pada 24 September lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mohamed Zaini Mazlan menolak permohonan Rosmah untuk membatalkan pelantikan Sri Ram daripada mengetahui perbic-

araan kes rasuahnya.

Dalam keputusannya, Mohamed Zaini berkata, pelantikan Sri Ram oleh Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Tommy Thomas adalah sah, selain tiada keperluan untuk membahaskan isu kesahihan berhubung surat pelantikan.

Keputusan, sama ada Rosmah didapati bersalah atau bebas daripada pertuduhan rasuah membatalkan projek solar hibrid untuk 369 sekolah luar bandar di Sarawak, akan diketahui pada 7 Julai ini.

Mengikut pertuduhan, Rosmah didakwa meminta suapan RM187.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, melalui pembantunya ketika itu, Rizal Mansor, sebagai dorongan untuk membantu syarikat mendapatkan projek solar menerusi rundingan terus dengan Kementerian Pendidikan.

Beliau turut didakwa menerima rasuah berjumlah RM6.5 juta daripada Saidi antara 2016 dan 2017.

28.05.2022
Sabtu
BERITA
HARIAN

Kes rasuah Lim Guan Eng

Nilai tanah ditukar lebih rendah banding kos kerja: Saksi

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen di sini, semalam dimaklumkan bahawa nilai dua bidang tanah kerajaan negeri yang dipindah milik kepada syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd (Consortium Zenith) sebagai 'balasan' kerja berkaitan projek pembinaan jalan utama dan terowong di Pulau Pinang, lebih rendah daripada kos kerja kajian kebolehlaksanaan projek berkenaan.

Perkara itu dicadangkan peguam Haijan Omar ketika menyoal dua saksi bekas Pegawai Penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Georgetown, pada perbicaraan kes rasuah dihadapi bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Kedua-saksi terbabit adalah Zakariya Nayan yang kini bertugas sebagai pegawai penilaian di Jabatan Insolvency dan Nurul Asshima Aminullah, yang melakukan kerja penilaian ke atas tanah berkenaan.

Mereka yang membacakan pernyataan saksi masing-masing berkata, nilai dua bidang tanah di Lot 702 dan Lot 713 Bandar Tanjung Pinang masing-masing adalah RM50 juta dan RM30 juta.

Zakariya Nayan, 55, berkata beliau membuat penilaian ke atas Lot 702 berdasarkan nilai pasaran RM3,360 satu meter persegi pada Disember 2014, manakala Nurul Asshima, 33, memaklumkan menilai Lot 713 pada RM30 juta pada 2016.

Zakariya bersetuju dengan cadangan Haijan bahawa nilai tanah itu jauh lebih rendah berbanding kos kerja yang dilakukan syarikat pemaju yang dianggarkan pada RM138 juta.

Nurul Asshima juga bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa nilai Lot 713 adalah kurang daripada RM73 juta yang dibelanjakan pemaju untuk projek berkenaan.

Kedua-dua saksi bersetuju bahawa berdasarkan perkara berkenaan, kerajaan negeri mendapat manfaat yang besar dan tidak mengalami sebarang kerugian melalui perjanjian pertukaran tanah itu.

Bagaimanapun, saksi ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib ketika pemeriksaan semula berkata, mereka tidak mengetahui apakah bentuk kerja yang dilaksanakan oleh pemaju.

Dalam perbicaraan sebelum ini, bekas EXCO Pulau Pinang, Datuk Lim Hock Seng, 73, berkata measyuarat yang dipengerusikan Guan Eng pada 11 Disember 2014 meluluskan pemberi milikan Lot 702 di Bandar Tanjung Pinang di Daerah Timur Laut di negeri itu kepada Consortium Zenith.

Guan Eng didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang untuk menerima suapan wang berjumlah RM3.3 juta, dengan membantu syarikat milik Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkipli dilantik bagi melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang bernilai RM6.3 juta.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, Ahli Parlimen Bagan itu dituduh meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul sebagai upah, bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Guan Eng juga berdepan dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri Pulau Pinang bernilai RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri berkenaan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung 7 Jun depan.

Rosmah gagal batalan kes rasuah

Mahkamah turut tolak rayuannya untuk gugurkan Sri Ram sebagai pendakwa

PUTRAJAYA

Datin Seri Rosmah Mansor gagal dalam usaha terakhir untuk membatalkan perbicaraan kes rasuahnya berkaitan projek solar hibrid bernilai lebih RM1.25 bilion di Sarawak dan untuk menggugurkan Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada menjadi ketua pasukan pendakwaan dalam kes tersebut.

Panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Datuk Seri Mohd Zawawi Salleh, semasa menolak rayuan Rosmah berkata, mahkamah jenayah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberi pengisytiharan yang dimohon.

"Kami bersetuju dengan alasan yang dikemukakan oleh Mahkamah Rayuan. Kami berpendapat bahawa tiada bidang kuasa sedia ada mahkamah jenayah untuk memberikan pengisytiharan relief," katanya.

Dalam keputusan sebulat suara itu, Mohd Zawawi berkata, terdapat undang-undang bertulis seperti Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hanya memberikan kuasa sedia ada kepada mahkamah sivil.

Jelas beliau, Kanun Tatacara Jenayah adalah undang-undang yang lengkap dan menyeluruh berkaitan prosedur dalam prosiding jenayah.

"Oleh itu, persoalan bahawa mahkamah jenayah mempunyai kuasa untuk memberikan relief itu tidak timbul sama sekali. Rayuan ditolak," kata Mohd Zawawi.

Dua lagi hakim yang bersidang ialah Datuk Vernon Ong Lam Kiat dan Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah.

Panel itu membuat keputusan tersebut selepas mendengar hujah oleh Sri Ram serta peguam Datuk Jagjit Singh dan Datuk Akberdin Abdul Kader yang mewakili Rosmah.

Terdahulu, mahkamah tertinggi itu turut menolak bantahan awal Rosmah sama ada wajar bagi Sri Ram mewakili pihak pendakwaan dalam prosiding hari ini (Jumaat).

"Mahkamah tidak menemui sebarang bukti konflik kepentingan jika Sri Ram mewakili pihak pendakwaan. Oleh itu, tiada sebab mengapa beliau tidak boleh mengemukakan atau meneruskan



ROSMAH



SRI RAM

(dalam kes itu) atas kapasitinya sebagai timbalan pendakwa rayu kanan. Bantahan awal ditolak," kata Mohd Zawawi.

Rosmah, 70, isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 6 Disember lepas yang menolak permohonannya untuk membatalkan keseluruhan perbicaraan kes beliau dalam usaha bebas daripada ketiga-tiga pertuduhan dan menggugurkan Sri Ram daripada menjadi ketua pendakwa dalam kes itu.

Pada 24 September tahun lepas, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan menolak permohonan Rosmah atas alasan kebenaran yang diberikan oleh Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Tommy Thomas kepada Sri Ram untuk menjalankan pendakwaan jenayah dalam kes Rosmah adalah sah di bawah Seksyen 376 (3) Kanun Tatacara Jenayah atas kapasitinya sebagai Pendakwa Raya. - *Bernama*

28.05.2022

Sabtu
**SINAR
HARIAN**

28.05.2022

Sabtu SINAR HARIAN



Mazne mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Jumaat atas 14 pertuduhan perubahan wang haram lebih RM1 juta, dua tahun lepas.

Pengarah didakwa perubahan wang haram RM1.33 juta

SHAH ALAM - Seorang pengarah syarikat jual beli sarung tangan, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas 14 pertuduhan perubahan wang haram melibatkan jumlah RM1.33 juta, dua tahun lalu.

Mazne Che Mohd Amin, 32, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Helina Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa memindahkan RM1.33 juta daripada akaun RHB Bank Berhad milik syarikat tertuduh ke bank lain menerusi 14 transaksi iaitu dua akaun tertuduh, sembilan bank syarikat lain dan tiga milik tiga individu lain.

Kesalahan dilaporkan berlaku di RHB Bank Berhad, cawangan The Trillium Lake Fields, Sungai Besi di sini pada 9 September hingga 17 Oktober 2020.

Dia sebagai pengarah syarikat pada masa kesalahan itu dilakukan adalah didakwa telah melakukan kesalahan peng-

ubahan wang haram di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1) dan dibaca bersama perenggan 87(1)(a) Akta yang sama.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Noor Zalizan Lazarous mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin untuk kesemua pertuduhan.

Bagaimanapun, peguam Luqman Mazlan yang mewakili tertuduh merayu agar anak guamnya diberi ikat jamin pada kadar rendah.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Hakim Helina membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Jun depan untuk sebutan semula kes tersebut.

28.05.2022 Sabtu SINAR HARIAN

SPRM akan siasat penglibatan dua penjawat awam dalam kes seludup etnik Rohingya



Maritim Kedah patahkan cubaan menyeludup masuk 119 etnik Rohingya selain tangkapan empat warga tempatan di perairan Sungai Kedah, Selasa lalu.

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengambil tindakan sekiranya mengesan sebarang bukti rasuah membabitkan empat lelaki tempatan termasuk dua penjawat awam yang disyaki terlibat nenyeludup masuk 119 etnik Rohingya di perairan Sungai Kedah, Kedah baru-baru ini.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap berkata, tindakan awal SPRM adalah mengenal pasti kesalahan yang berlaku dalam bidang kuasa pihaknya.

"SPRM akan mengambil tindakan sekiranya ada bukti-bukti berlaku perbuatan rasuah.

"Kita amat memandang serius

perlakuan terbabit dan mana-mana pihak perlu diberi amaran kerana tali barut penyeludup manusia ini boleh menggugat keselamatan negara," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Tambahnya, orang ramai juga disarankan untuk salurkan kepada SPRM sekiranya mempunyai maklumat.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan cubaan empat lelaki tempatan menyeludup masuk 119 etnik Rohingya di perairan Sungai Kedah gagal apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah, pada Selasa.

Ketua Polis Kedah, Komisioner Wan Hassan Wan Ahmad berkata,

sepasukan anggota Maritim Malaysia yang membuat rondaan Operasi Aman telah mengesan dan menahan sebuah bot nelayan tempatan di kawasan perairan tersebut.

Hasil pemeriksaan menjumpai 119 etnik Rohingya iaitu 47 lelaki, 32 wanita, 23 kanak-kanak perempuan dan 17 kanak-kanak lelaki yang kesemuanya berumur lima hingga 38 tahun sedang bersembunyi di ruangan bawah lantai bot berkenaan.

Warga tempatan terbabit disiasat di bawah Seksyen 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 manakala warga asing diambil tindakan mengikut Akta Imigresen 1959/63.

28.05.2022

Sabtu BERITA HARIAN



Dua pembantu kesihatan direman lima hari bermula hari ini di Mahkamah Majistret, Shah Alam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

2 pembantu kesihatan disyaki rasuah

Shah Alam: Dua pembantu kesihatan di sebuah hospital kerajaan di sini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima suapan kira RM15,000 seorang bagi urusan berkaitan kerja pengurusan jenazah sejak empat tahun lalu.

Dua lelaki masing-masing berusia 40 dan 42 tahun itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor

sekitar jam 4.45 petang kelmarin.

Sumber memaklumkan, mereka dipercayai meminta dan menerima wang suapan RM300 daripada individu tertentu bagi setiap jenazah diuruskan, difahamkan sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja-kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan

penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

“Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk mendapatkan perintah tahanan reman,” katanya semalam.

Majistret Nur Faizah Abdul Sani membenarkan kedua-dua suspek direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes berkenaan selepas mendengar permohonan SPRM.



ANGGOTA SPRM mengiringi kedua-dua suspek untuk direman di Mahkamah Majistret Shah Alam. - Gambar NSTI/FAIZ ANUAR

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Dapat duit haram RM300 bagi setiap mayat diuruskan di hospital kerajaan. Itu tindakan dua pembantu kesihatan yang diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin. Mereka diberkas selepas disyaki meminta dan menerima suapan berjumlah kira-kira RM15,000 setiap seorang sejak empat tahun lalu bagi urusan berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Menurut sumber, dua suspek lelaki masing-masing

SATU JENAZAH DAPAT RM300

Dua pembantu kesihatan di hospital kerajaan disyaki terima suapan RM15k setiap seorang

berusia 42 dan 40 tahun itu ditahan sekitar jam 4.45 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di SPRM Selangor.

Katanya, kedua-dua suspek yang berkhidmat di salah sebuah hospital di negeri ini dipercayai meminta dan menerima wang suapan se-

banyak RM300 bagi setiap pengurusan jenazah daripada individu tertentu.

Difahamkan ia sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja-kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Katanya, kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

Nafi rasuah tutup kes jenayah komersial

Shah Alam: Seorang anggota polis berpangkat kopersal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM16,000 pada Februari lalu.

Tertuduh, Azrol Khalil, 37, membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan termasuk satu pertuduhan pilihan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Azrol didakwa secara rasuah menerima wang tunai RM16,000 daripada seorang lelaki berusia 50 sebagai dorongan menutup kes jenayah komersial terhadap individu yang disiasat Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

Dia yang kini bertugas di bahagian pentadbiran didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Taman Prima, Sri Gombak, Batu Caves pada 7 Februari lalu.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen

16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), dan boleh di hukum mengikut Seksyen 24 (1) Akta yang sama.

Jika didapati bersalah tertuduh boleh dipenjarakan melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan, tertuduh sebagai penjawat awam didakwa menerima suatu barang berharga atau wang tunai dengan jumlah sama pada tarikh dan lokasi sama tanpa balasan dan dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Jika didapati bersalah, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Noryusriza Zulkifli menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang

penjamin serta syarat tambahan iaitu melapor diri ke pejabat SPRM serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam mewakili tertuduh, PG Cyril memohon wang jaminan dikurangkan kepada RM5,000 dengan alasan anak guamnya bergantung kepada pendapatan isteri untuk menyara keluarga.

Katanya, tertuduh kini menerima gaji RM1,700 dan menanggung isteri serta tiga anak tiri yang tinggal di kuarters kakitangan awam di Hospital Serdang.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dan melaporkan diri ke Pejabat SPRM Selangor awal setiap bulan sebelum menetapkan sebutan semula kes pada 28 Jun depan.



AZROL mengaku tidak bersalah atas pertuduhan di Mahkamah Sesyen di Shah Alam.

29.05.2022 Ahad BERITA HARIAN

Kes beri projek bekal alat sukan

Guru hadapi 2 pertuduhan terima suapan RM3,000

Butterworth: Seorang guru wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, atas dua pertuduhan mendapatkan suapan hampir RM3,000 membatalkan pembelian beberapa peralatan sukan daripada sebuah syarikat pengurusan acara pada lima tahun lalu.

Tertuduh, Hazlina Kasah, 46, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Zulhazmi Abdullah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Pegawai Pendidikan Siswazah Gred 48 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pokok Sena, didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan untuk membeli pelbagai peralatan sukan bernilai RM2,353.66 daripada syarikat Hazwan Event Management

yang juga adalah syarikat miliknya pada 17 Oktober 2017.

Bagi pertuduhan kedua pula, guru yang ketika ini Penolong Kanan Hal Ehwal Murid itu, didakwa menggunakan syarikat sama untuk membeli kelengkapan sukan bernilai RM522.66 pada 19 Oktober 2017.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Azlan Basri manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, Mohamad Azlan memohon mahkamah mengenakan jaminan RM10,000

bagi kedua-dua pertuduhan memandangkan kesalahan yang dilakukan adalah serius.

Bagaimanapun, tertuduh merayu supaya jaminan dapat dikurangkan kerana dia perlu menyara lima anak berusia antara sembilan dan 20 tahun yang masih bersekolah, selain perlu menanggung ibunya.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh dikenakan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin, selain mengarahkan tertuduh menyerahkan dokumen perjalanan, melapor diri di pejabat SPRM sebulan sekali dan tidak dibenarkan mengganggu saksi kes.

Mahkamah menetapkan 27 Jun depan untuk sebutan semula kes dan lantikan peguam.



Hazlina Kasah



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

Penolong jurutera direman kes rasuah

Shah Alam: Seorang penolong jurutera sebuah jabatan kerajaan direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes meminta suapan berjumlah kira-kira RM80,000 untuk mendapatkan kerja pembaikan sebuah sekolah di daerah ini.

Perintah reman sehingga Sabtu ini dibenarkan Majistret Fatina Amyra Abdul Jalil selepas permohonan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Shah Alam, di sini.

Kelmarin, suspek berusia 35

tahun ditahan sepasukan anggota SPRM Selangor selepas menerima wang tunai RM10,000 daripada seorang individu lain di sebuah restoran di sekitar Bangi, kira-kira jam 4 petang.

Sumber berkata, lelaki itu dipercayai meminta suapan bagi membantu mendapatkan kerja pembaikan sebuah sekolah di satu daerah di negeri ini.

Beliau berkata, individu yang ditahan adalah pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan projek berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



JUN

2022

03.06.2022 Jumaat
SINAR HARIAN

SPRM siasat 25 kes perolehan Covid-19

Beberapa individu akan dipanggil termasuk bekas menteri bagi membantu siasatan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka 25 kertas siasatan terhadap perolehan berkaitan Covid-19 yang didakwa mempunyai unsur rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri

Azam Baki berkata, pihaknya akan memanggil beberapa individu dalam tempoh terdekat.

"Kita sedang menyiasat pelbagai isu berkaitan (pembelian dalam sektor kesihatan negara) khususnya berkaitan pengurusan Covid-19 ketika tempoh wabak itu berlaku hingga sekarang.

"Kita tengok siapa yang terlibat termasuk keperluan untuk memanggil bekas Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr Adham Baba) bagi membantu siasatan," katanya dalam Program Pemantapan Wartawan bersama SPRM di sini pada Khamis.



AZAM BAKI

Pada 24 Mei lalu, media laporkan siasatan yang sedang dilakukan SPRM adalah termasuk aktiviti rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa mengalihkan bantuan dan pakej rangsangan, penipuan berkaitan peralatan perubatan dan sebagainya.

Penipuan berkaitan perubatan merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati

palsu atau berkualiti rendah.

Dalam kenyataan Adham sebelum ini menegaskan beliau sedia memberi kerjasama kepada SPRM jika diperlukan.

03.06.2022 Jumaat SINAR HARIAN

Isu rasuah MRT: SPRM buka dua kertas siasatan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka dua kertas siasatan projek pembinaan infrastruktur pengangkutan awam membabitkan Transit Aliran Massa (MRT).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya sudah memulakan siasatan sejak Mac lalu iaitu sebelum laporan mengenai pihak berkuasa Perancis menyiasat dakwaan penipuan dan rasuah membabitkan projek MRT bernilai RM692 juta yang berlaku beberapa tahun lalu.

“Dalam siasatan terbabit, kita juga sudah membuka dua kertas siasatan.

“Skop siasatan kita adalah berkenaan isu rasuah yang sudah berlaku dan sudah dibayar kepada pihak tertentu,” katanya pada Khamis.

Pada Selasa, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pihaknya sentiasa terbuka untuk di-

siasat berhubung dakwaan terdapat elemen pemberian rasuah dalam projek pembinaan infrastruktur pengangkutan awam membabitkan MRT.

Media sebelum ini melaporkan pihak berkuasa Perancis sedang menyiasat dakwaan penipuan dan rasuah membabitkan projek MRT bernilai RM692 juta yang berlaku beberapa tahun lalu.

Sementara itu, mengulas berhubung kes membabitkan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, Azam berkata, pihaknya masih menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara.

“Kita sudah melengkapkan siasatan berhubung dakwaan yang timbul dan kertas siasatan juga telah disiasat kepada Jabatan Peguam Negara,” katanya.

Azam enggan memberi sebarang kenyataan lagi dalam isu tersebut ke-

rana siasatan sudah dilengkapkan.

“Kita sudah lengkapkan dan sudah serahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan setakat ini kita menunggu arahan selanjutnya,” katanya.

SPRM sebelum ini dilaporkan membuka kertas siasatan terhadap Mohd Nazlan, yang mana Azam berkata, siasatan itu adalah prosedur biasa selepas pihaknya menerima laporan secara rasmi.

Mohd Nazlan membuat laporan polis menafikan tuduhan dibuat penulis blog, Raja Petra Kamarudin mengenai dakwaan ada sejumlah wang yang tak dapat ditentukan punca dalam akaunnya.

SPRM melalui kenyataan berkata, kertas siasatan itu diserahkan pada 18 Mei lalu selepas pihaknya melengkapkan siasatan mengenai dakwaan sumber kekayaan yang tidak dijelaskan membabitkan Mohd Nazlan.

Isu Hakim Mahkamah Rayuan

SPRM tunggu arahan lanjut Jabatan Peguam Negara

**Suruhanjaya
sudah lengkap
siasatan tuduhan
penulis blog**

Oleh **Ilah Hafiz Azizil**
lahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara berhubung kes membabitkan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki, berkata SPRM sudah melengkapkan siasatan berhu-

bung dakwaan yang timbul dan kertas siasatan juga sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

“Bagaimanapun, saya enggan memberi sebarang kenyataan lagi dalam isu ini kerana siasatan sudah kami lengkapkan.

“Kita sudah lengkapkan dan sudah serahkan semuanya kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti, setakat ini kita menunggu arahan selanjutnya,” katanya selepas merasmikan Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM, di sini semalam.

SPRM sebelum ini dilapor membuka kertas siasatan terhadap Mohd Nazlan dan Azam ketika itu berkata siasatan berkenaan adalah prosedur biasa selepas pihaknya menerima laporan secara rasmi.

Terdahulu, Mohd Nazlan membuat laporan polis menafikan tuduhan dibuat penulis blog, Raja Petra Kamarudin mengenai dakwaan ada sejumlah wang yang tidak dapat ditentukan punca dalam akaunnya.

SPRM melalui kenyataan berkata, kertas siasatan itu diserahkan pada 18 Mei lalu.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata, SPRM memberi tumpuan kepada pembayaran berunsur rasuah dalam siasatan projek pembinaan Transit Aliran Massa (MRT).

Katanya, pihaknya sudah memulakan siasatan sejak Mac lalu iaitu sebelum laporan mengenai pihak berkuasa Perancis menyiasat dakwaan penipuan dan rasuah membabitkan projek MRT bernilai RM692 juta yang berlaku beberapa tahun lalu.

Beliau berkata, dalam siasatan terbabit, SPRM juga sudah membuka dua kertas siasatan.

“Skop siasatan kita adalah berkenaan isu rasuah yang sudah berlaku dan sudah dibayar kepada pihak tertentu. Ia menjadi tumpuan kami dan setakat ini dua kertas siasatan dibuka,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata pihaknya terbuka untuk disiasat berhubung dakwaan terdapat elemen rasuah dalam projek MRT.

Mengulas lanjut, Azam berkata, pihaknya sudah menerima permohonan daripada kerajaan Perancis melalui Jabatan Peguam Negara untuk mendapat bantuan.

“Pihak negara terbabit mengatakan mereka sedang me-

nyiasat syarikat tertentu di Malaysia dan Perancis berkaitan amalan korupsi oleh penjawat awam. Nama-nama yang terbabit bagaimanapun tidak boleh didedahkan.

“Setakat ini kita sedang meneliti permohonan mereka, namun kita harus ingat, sebarang keterangan untuk diberikan kepada negara luar lain perlu melalui Jabatan Peguam Negara dan perkara itu sedang diteliti.

“Sudah tentu kita akan bantu, secara timbal balik, sekiranya kita mahu mendapat bantuan dari Perancis kerana kita sudah membuka siasatan ini lebih kurang dua bulan lalu iaitu pada Mac. Kita membuka siasatan terhadap perkara sama, malah lebih awam menyiasat perkara ini,” katanya.

06.06.2022
Isnin
SINAR
HARIAN

SPRM tahan eksekutif kanan syarikat GLC, isteri

Disyaki minta rasuah lebih RM600,000 bagi kerja pelantikan syarikat pengangkutan

PUTRAJAYA

Seorang eksekutif kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan isterinya ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai meminta dan menerima rasuah lebih RM600,000 bagi kerja-kerja pelantikan syarikat pengangkutan.

Menurut sumber SPRM, suami isteri yang masing-masing berusia 50-an dan 40-an itu ditahan pada kira-kira jam 7 malam Sabtu di kediaman mereka di Petaling Jaya, Selangor.

Sumber SPRM itu berkata, lelaki berkenaan disyaki meminta 'habuan bulanan' kira-kira RM20,000 sebagai balasan melantik sebuah syarikat pengangkutan bagi penghantaran produk berasaskan minyak ke seluruh negara untuk tempoh antara Julai 2019 hingga April tahun ini.

Isterinya pula dipercayai bersubahat



Eksekutif kanan sebuah syarikat GLC dan isterinya ditahan oleh SPRM kerana disyaki meminta dan menerima rasuah lebih RM600,000.

untuk meminta dan menerima bagi pihak suaminya.

Menurut sumber SPRM itu, isteri eksekutif kanan tersebut juga dipercayai mempunyai kawalan ke atas kad debit milik syarikat pengangkutan terbabit di mana pemilik syarikat berkenaan terlibat dalam urusan rasmi dengan suaminya.

Pasangan itu direman enam hari bermula Ahad sehingga 10 Jun selepas perintah reman terhadap mereka di-

keluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas mendengar permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Ahad.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan pasangan suami isteri tersebut bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009. - *Bernama*

Suami isteri minta, terima rasuah RM600,000 direman

Suspek ditahan
bantu siasatan
berhubung kerja
pelantikan
syarikat untuk GLC

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Sepasang suami isteri direman enam hari, bermula semalam, bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima suapan lebih RM600,000 berhubung kerja pelantikan syarikat pengangkutan untuk sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).
Majistret Shah Wira Abdul

Halim membenarkan kedua-dua suspek berusia 50-an dan 40-an itu direman hingga 10 Jun ini selepas mendengar permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pagi semalam.

Sumber berkata, pasangan itu ditahan di rumah mereka di Petaling Jaya, Selangor, kira-kira jam 7 malam kelmarin.

Katanya, suspek lelaki yang berkhidmat sebagai eksekutif kanan di sebuah GLC disyaki meminta 'habuan bulanan' kira-kira RM20,000 sebagai balasan melantik sebuah syarikat pengangkutan bagi penghantaran produk berasaskan minyak ke seluruh negara untuk tempoh antara Julai 2019 hingga April 2022.

Difahamkan, isteri suspek turut ditahan kerana dipercayai

bersubahat dengan suaminya untuk meminta dan menerima suapan bagi pihak lelaki itu.

"Isteri suspek juga dipercayai mempunyai kawalan ke atas kad debit milik syarikat pengangkutan berkenaan, dan pemilik syarikat itu terbabit dalam urusan rasmi dengan suami suspek," katanya.

Menurut sumber itu lagi, eksekutif kanan terbabit sudah digantung tugas di syarikat berkenaan.

Sementara itu Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan penahanan pasangan suami isteri terbabit.

Beliau berkata, kedua-dua mereka ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



Sepasang suami isteri direman enam hari bagi membantu siasatan kes minta dan terima rasuah RM600,000 di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto ihsan SPRM)

06.06.2022

Isnin

BERITA
HARIAN

Kursus Integriti dan Antirasuah diwajibkan di IPT

Kuala Lumpur: Kursus Integriti dan Antirasuah akan diwajibkan di semua institusi pengajian tinggi (IPT), mulai tahun depan, bagi meningkatkan kefahaman serta memberi pendedahan secara sistematik dan berstruktur kepada pelajar mengenai kesan negatif rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Norazlan Mohd Razali, berkata perkara itu diputuskan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 19 April tahun lalu.

Ketika ini, beliau berkata, sebanyak 19 IPT termasuk tujuh institusi swasta, telah menawarkan kursus berkenaan secara elektif kepada pelajar.

"Ia adalah inisiatif SPRM dengan kerjasama agensi peneraju lain, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institut Integriti Malaysia yang menyediakan modul kursus berkenaan," katanya pada Program Konvensyen Mahasiswa Antirasuah (KoMawAr) 2022 dan Pertandingan Akhir 'Speak Up' di Universiti Malaya (UM), di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Norazlan memaklumkan, seramai 275 belia termasuk pelajar IPT dan kakitangan awam, ditahan SPRM sejak 2020 berhubung kes ra-



Norazlan menyampaikan hadiah kepada juara pertandingan Speak Up, Madiha Syahidah-Mohd Rohani, sempena Konvensyen Mahasiswa Antirasuah di Universiti Malaya, kelmarin.
(Foto Fathil Asri/BH)

suah. Daripada jumlah itu, katanya, 21 belia terbabit berusia antara 18 hingga 23 tahun, manakala 254 lagi berumur antara 24 hingga 30 tahun.

Beliau berkata, seramai 70 daripada belia berkenaan ditahan kerana disyaki memberi rasuah, menerima rasuah (123) dan bakinya atas kesalahan lain berkaitan rasuah.

"Sepanjang tempoh sama, seramai 151 belia yang ditahan sudah dituduh di mahkamah membabitkan 11 berusia antara 18 hingga 23 tahun dan 140 berumur antara 24 hingga 30 tahun. Seramai 85 belia terbabit telah selesai perbicaraan dan didapati bersalah," katanya.

Norazlan menegaskan, walaupun jumlah itu tidak membimbangkan, data berkenaan wa-

jar dijadikan peringatan kepada pelajar kerana ada dalam kalangan belia terbabit adalah penuntut IPT.

Beliau berkata, ia jelas menunjukkan kewujudan godaan rasuah, sama ada memberi atau menerimanya, terutama apabila pelajar memasuki alam pekerjaan kelak.

"Justeru, diharapkan segala pendedahan serta pengetahuan

mengenai rasuah dapat dijadikan ingatan sebagai benteng daripada terperangkap godaan dan gejala rasuah.

"Akan sia-sia sajalah segala penat lelah bertungkus-lumus menimba ilmu bagi mendapatkan segulung sijil, diploma atau ijazah, namun tidak dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya," katanya.

Seterusnya, Norazlan berkata, usaha membanteras jenayah rasuah tidak boleh bergantung tindakan penguatkuasaan oleh SPRM semata-mata, kerana ia adalah tanggungjawab bersama.

Beliau berkata, SPRM tidak boleh dibiar menunaikan tanggungjawab itu secara sendiri, sedangkan masyarakat berharap Malaysia bebas rasuah.

"Malaysia hanya boleh menghapuskan rasuah sekiranya semua pihak berkepentingan sama-sama berfikir, berusaha, bertindak dan terbabit secara langsung dalam usaha pencegahan rasuah.

"Oleh itu, SPRM sentiasa mengalu-alukan kerjasama pelajar, khususnya pemimpin mahasiswa, untuk membantu SPRM menyebarkan luas mesej dan panduan antirasuah kepada pelajar lain melalui inisiatif pendidikan antirasuah yang boleh dirangka serta dilaksanakan melalui bimbingan dan kerjasama SPRM serta lain-lain pihak," katanya.

Mahu tunjuk kemewahan akhirnya terjebak rasuah

Teruja pameran hasil kejayaan dalam kerjaya kepada rakan, masyarakat

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Keterujaan mempamerkan hasil kejayaan dalam bidang kerjaya kepada rakan dan masyarakat sekeliling antara faktor golongan anak muda mudah terjebak dengan perbuatan rasuah.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Razim Mohd Noor berkata, perasaan mahu menunjuk-nunjuk pencapaian dalam kerjaya mengheret golongan belia terlibat dengan rasuah bagi menampung perbelanjaan mewah dan aktiviti sosial masing-masing.

Menurut beliau, darah muda yang tidak sabar mahu menunjukkan kemewahan hidup sebelum tiba masa sebenar menjadikan mereka mudah terjebak dengan amalan rasuah.

"Golongan belia dan anak-anak muda ini sangat tidak sabar mahu menunjukkan kejayaan biarpun sebenarnya mereka masih belum benar-benar berjaya dalam kerjaya masing-masing.

"Sekiranya mahu memiliki telefon bimbit, mereka mahukan yang terkini dan mahal. Sebenarnya hanya mampu membeli rumah apartmen, namun beli rumah jenis kondominium mewah. Kenderaan juga mahu yang berjenama mewah.

"Bagi menampung gaya hidup mewah, boros berbelanja dan suka berfoya-

foya yang tidak kena dengan gaji bulanan diterima, maka akhirnya terjebaklah mereka dengan perbuatan rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Razim berkata, menerusi kedudukan dan jawatan yang dipegang, peluang menerima rasuah boleh dicipta dengan menggunakan kreativiti masing-masing.

Beliau memberitahu, bekerja di sektor swasta dilihat memudahkannya lagi golongan belia dan anak muda mencipta peluang terlibat dengan rasuah berbanding berkhidmat dalam kerajaan.

Jelasnya, *standard of procedure* (SOP) tugas yang ketat di dalam jabatan kerajaan dan pengesahan pemilikan harta antara 'jalan sukar' untuk penjawat awam hidup bermewah-mewah dengan hasil rasuah.

Namun katanya, petugas di sektor swasta mungkin lebih mudah menerima rasuah ekoran pemantauan kurang daripada pihak majikan.

"Semuanya bergantung pada diri sendiri. Kekurangan jati diri sebenarnya mengundang seseorang itu terlibat dengan rasuah, sama ada menerima atau memberi rasuah.

"Sekiranya dapat mengawal hawa nafsu dan tahu mana yang benar atau batil, seseorang itu biar apa jua jawatannya, dia pasti tidak akan terlibat dengan amalan rasuah," ujarnya.

Tambahnya lagi, golongan belia dan anak muda yang terlibat rasuah adalah mereka yang gopoh dan tidak berfikir panjang tentang masa hadapan.



RAZIM



NASIM

Tegas beliau, sekiranya tertangkap oleh pihak berkuasa, masa hadapan akan musnah dan segala kerjaya yang dibina akan hancur.

"Ini bukan salah didikan kerana ibu bapa dan guru telah memberi

tahu agar tidak mengambil hak orang lain.

"Namun akibat nafsu mengatasi segalanya, maka semua nasihat dilupakan. Kemewahan sementara dikejar dan melupakan balasan yang bakal diterima di kemudian hari," katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pemuda Gema (Gema), Nasim Ralim turut bersetuju bahawa gaya hidup mewah tanpa mengukur badan sendiri menjadi faktor utama belia terjebak dengan rasuah.

Katanya, gaji bulanan yang tidak mencukupi mendorong kumpulan tersebut berjinak-jinak dengan rasuah, seterusnya menjadi amalan atau rutin hidup.

Menurutnya, peluang terbuka untuk disogok dengan imbuhan lumayan menyebabkan anak muda hilang prinsip hidup biarpun merupakan graduan lepasan universiti atau kolej ternama yang menerapkan nilai budi tinggi.

"Semua ini disebabkan jati diri yang lemah, nafsu menguasai diri dan tamak mengejar kemewahan hidup.

"Gaya hidup bebas dan mewah dalam kalangan anak muda mendorong mereka memperoleh pendapatan tambahan menerusi jalan yang salah," katanya.

08.06.2022

Rabu
SINAR
HARIAN

08.06.2022 Rabu SINAR HARIAN

Penolong akauntan majlis daerah didakwa kes minta suapan

KUALA TERENGGANU - Seorang penolong akauntan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan meminta suapan berkaitan perbekalan alat-alat pejabat pada tahun lalu.

Tertuduh, Sazawati Salleh, 49 bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Tertuduh yang merupakan kakitangan di Majlis Daerah Marang (MDM) didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan

suapan pada 12 Januari 2021.

Tertuduh didakwa mengambil tindakan dengan mencadangkan sebut harga untuk menjalankan kerja memasang karpit di ruang pejabat dan bilik pegawai bahagian kewangan majlis daerah terbabit bernilai RM10,640 yang secara tidak langsung mempunyai kepentingan dengan suaminya.

Dengan itu tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh di-

hukum di bawah Seksyen 24 (1) Akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali nilai suapan mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 oleh seorang penjamin berserta syarat tambahan menyerahkan pasport dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 17 Julai ini.



Sazawati (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Selasa.

Campur tangan orang politik cemari usaha perangi rasuah

• Rasuah berlaku dalam tabdir urus kerajaan akibat pembabitkan ahli politik dan peluang terbuka luas kepada penjawat awam

• Kontroversi dan kegagalan menangkap 'jerung' serta pembabitkan 'orang dalam' menenggelamkan kejayaan SPRM perangi rasuah

• Mekanisme dan inisiatif diwujudkan belum mampu mengekang rasuah besar membabitkan politik



Oleh Nasli Aziz
bhrencana@bh.com.my

Penyelaras, Pusat
Tadbir Urus Lulusan,
Institut Oseanografi
Dan Sekitaran
merangkap
Pensyarah Kanan
Politik dan Kajian
Dasar, Fakulti
Perdagangan, Ekonomi
dan Pembangunan
Sosial, Universiti
Malaysia Terengganu
(UMT)

Penerapan prinsip integriti dalam tabdir urus kerajaan bukan suatu yang baharu. Evolusi ini dipupuk secara proaktif menerusi pelbagai dasar baharu dilaksanakan, terutama pada 1980-an sehingga terbentuk Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 2004.

Secara umumnya, banyak negara mempunyai agensi antirasuah gagal mencegah rasuah secara berkesan, termasuk Malaysia. Rasuah dilihat terus menjadi amalan dalam tabdir urus kerajaan.

Bermakna, usaha membanteras rasuah perlu menjadi jihad berterusan bagi mencegah berakar umbi, dibudayakan dan dinormalisasi dalam masyarakat.

Dalam aspek membanteras amalan rasuah, Hong Kong antara contoh terbaik kerajaannya melaksanakan tindakan proaktif mencegah rasuah sejak 1980-an.

Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah (ICAC) Hong Kong ditubuhkan pada 1974 adalah litzam pemerintahnya untuk mencegah rasuah menyelubungi dan endemik dalam tabdir urus Hong Kong terutama pada 1960-an.

Kini, ICAC dikira dunia sebagai berkesan membersihkan Hong Kong daripada amalan rasuah.

Berbeza dengan agensi antirasuah negara lain, ICAC menggunakan dua pendekatan untuk mencegah rasuah. Pertama, pendekatan berasaskan nilai menekankan kepercayaan, kejujuran, ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Kedua, pendekatan berasaskan pematuhan menekankan kesan pencegahan menerusi undang-undang dan peraturan. Kebanyakan agensi antirasuah di dunia memberi penekanan kepada pendekatan kedua.

Di Malaysia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi entiti paling elit dalam usaha membanteras rasuah di negara ini. SPRM agensi paling berkuasa dan penting dalam pencegahan rasuah dengan menjadikan ICAC sebagai model.

Bidang kuasa SPRM dilembangkan secara berperingkat bagi meningkatkan keberkesanannya. Lembaga penasihat bebas, antaranya seperti Jawatankuasa Khas Parlimen dan Jawatankuasa Aduan dibentuk untuk memantau aktiviti SPRM.

Namun, kontroversi dan kegagalan menangkap 'jerung' serta pembabitkan 'orang dalam' meningkatkan persepsi kegagalan penguatkuasaan membabitkan individu berpengaruh dan menenggelamkan kejayaan SPRM.

Selain itu, terdapat beberapa institusi turut berperanan dalam menepung rasuah seperti Biro Aduan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Integriti Awam.

Dalam kalangan negara sedang membangun, Malaysia boleh bertangga menjadi penanda aras kepada negara lain dalam usaha meningkatkan integriti sektor awam.

Namun, penginstitutionan integriti berbeza dengan pematuhan prinsip integriti. Sama ada realiti atau persepsi, situasi dan cara pengendalian isu rasuah di Malaysia seperti tidak mengembara rakyat.

Persepsi integriti banyak dipengaruhi pematuhan



“Kedinamikan dan kelestarian integriti perlu dinilai dari semasa ke semasa seiring inovasi teknologi dan sains pentadbiran”

kepada undang-undang tidak konsisten pihak berkuasa dan ketirisan dalam pentadbiran.

Amalan rasuah berlaku dalam tabdir urus kerajaan kerana tidak dinafikan ahli politik dan pekerja sektor awam terdedah dengan peluang serta kuasa.

Sementara itu, skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak asing lagi dalam sejarah rasuah di Malaysia.

Yang membezakan 1MDB dengan skandal lain ialah skala jaringan rasuah secara transnasional berlaku dalam kes ini sehingga ke Amerika Syarikat (AS, Switzerland dan Singapura serta bekas Perdana Menteri disabitkan secara langsung dalam kes berkenaan.

1MDB adalah skandal kewangan terbesar dalam sejarah Malaysia sejak merdeka membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak masih dalam proses pengadilan di mahkamah. Skandal 1MDB meletakkan Malaysia di peta rasuah global menjadi tajuk berita utama dari hemisfera selatan ke hemisfera utara.

Delam pada itu, isu rasuah dan integriti dikaitkan dengan pengurusan projek awam seperti proses pengenalpastian, penentuan, pelaksanaan, pembiayaan, pemantauan, penilaian dan penghasilan sesuatu projek.

Isu ini kekal mendominasi realiti dan persepsi semasa di Malaysia sehingga kini. Namun, gaya pemikiran semasa rakyat mencapah kepada sesuatu lebih spesifik, terkini dan global dalam memperolehi integriti tabdir urus kerajaan seperti pengendalian bencana, isu pembalakan, banjir

kilat dan sebagainya.

Pengalaman tabdir urus yang baik akan terganggu sekiranya tabdir urus kerajaan tidak mengambil kira aspek halangan, kekangan dan gangguan.

Dalam situasi semasa, peningkatan persepsi negatif terhadap integriti tabdir urus kerajaan disumbangkan secara tidak langsung menerusi perubahan pelbagai Kementerian dan agensi.

Sering kali berlaku persaingan dan pertindihan kuasa serta tugasan antara Kementerian, termasuk agensi. Situasi ini menyumbang kepada kekeliruan berkaitan bertanggungjawab agensi kerajaan dalam pembuatan keputusan seperti dalam isu banjir pada 2021.

Justeru, integriti adalah prinsip wajib diterapkan bagi memastikan tabdir urus kerajaan berdaya tahan. Kedinamikan dan kelestarian integriti perlu dinilai dari semasa ke semasa seiring inovasi teknologi dan sains pentadbiran.

Prinsip integriti juga perlu diterapkan secara berterusan merentas ideologi politik dan ahli politik. Malaysia mampu dijadikan contoh dari sudut kewujudan undang-undang, dasar dan institusi yang mendasari pencegahan rasuah dan penguatkuasaan integriti.

Malangnya, mekanisme dan inisiatif diwujudkan belum mampu mencapai matlamat ditetapkan, terutama dalam mengekang rasuah besar membabitkan politik.

Umumnya, kegagalan ini boleh disandarkan kepada kelemahan institusi dan penguatkuasaan undang-undang.

Kebanyakan kes rasuah berskala besar dikait rapat dengan pertalian antara politik dan perniagaan, kronisme serta politik wang dalam sistem socio-ekonomi negara.

Selain itu, usaha pencegahan rasuah diganggu dengan persekitaran dan campur tangan politik serta manipulasi.

Ahli politik dan pegawai kanan kerajaan disabitkan kes di mahkamah ketika memegang jawatan pentadbiran antara contoh ketara masalah serta cabaran perlu dihadapi institusi terabit dalam usaha pencegahan rasuah.

Maka, bukan suatu menghairankan apabila persepsi negatif terhadap SPRM dan kerajaan dalam menangani isu rasuah ini terus meningkat.

09.06.2022
Khamis
BERITA
HARIAN

Shah Alam: Bekas pengarah Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam bahawa bantuan kewangan yang diberikannya kepada Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bertujuan mengukuhkan kedudukan syarikat berkenaan sebagai kontraktor Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah berjaya mendapat sokongan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Wan Quoris Shah Wan Abdul Ghani, 42, berkata, selain mendapat sokongan Ahmad Zahid, pihaknya turut dapat mengurangkan gangguan daripada pesaing lain yang menjalankan perniagaan sama.

"Memandangkan Datuk Seri Zahid (Ahmad Zahid) meminta bantuan, kami bantu sahaja. Bagi kami yang utama adalah untuk memastikan perniagaan kami tidak diganggu memandangkan ketika itu ada beberapa syarikat lain yang cuba melobi kerja yang kami jalankan," katanya ketika membacakan pernyataan saksinya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin.

KES RASUAH AHMAD ZAHID

'Semuanya guna dolar Singapura'

Wan Quoris Shah berkata, tanpa pertolongan dan bantuan Ahmad Zahid, syarikatnya tidak mungkin berjaya mengekalkan dan melanjutkan kontrak berkaitan Visa Luar Negara (VLN) selain mengakui bahawa beliau pernah beberapa kali menyerahkan wang tunai kepada Ahmad Zahid.

"Wang tunai ini diberikan kepada Datuk Seri (Ahmad Zahid) selepas beliau meminta tolong UKSB untuk menghulur bantuan sebagai sumbangan politik kepada parti Umno. Datuk Seri (Ahmad Zahid) tidak minta secara terang-terangan, tetapi daripada percakapannya, saya faham yang beliau mengharapkan sumbangan wang daripada UKSB.

"Wang yang UKSB serah setiap bulan adalah berbentuk wang tunai, semuanya menggunakan dolar Singapura. Ini adalah permintaan Datuk Seri (Ahmad Zahid) kepada kami," katanya.

Sebelum ini, saksi pendakwaan ke-15, Harry Lee Vui Khun (Harry Lee) yang juga bekas pengarah UKSB memberitahu mahkamah bahawa syarikatnya menghantar wang tunai setiap bulan dalam Dolar Singapura kepada Ahmad Zahid daripada 2014 hingga 2018 berhubung kontrak Sistem Visa Luar Negara (VLN).

Selain itu, saksi pendakwaan ke-16 itu juga berkata, sudah menjadi resmi (kebiasaan) orang perniagaan cuba mencari

peluang di mana-mana Kementerian atau agensi kerajaan untuk mendapatkan kontrak.

"Bagi syarikat UKSB, keperluan kami untuk berjumpa Datuk Seri Zahid (Ahmad Zahid) pada ketika itu adalah untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai kontraktor pembekal sistem pemprosesan visa tunggal untuk KDN supaya tiada orang lain yang boleh ganggu perniagaan UKSB.

"Harry Lee ada meminta bantuan saya kerana pada ketika itu, UKSB tidak ada orang dalam yang boleh bercakap dengan Ahmad Zahid. Atas sebab dia (Harry Lee) tahu saya kenal dengan Ahmad Zahid, maka dia minta saya untuk cuba berhubung terus dengan Ahmad Zahid. Tujuan kami adalah untuk menerangkan mengenai perniagaan syarikat UKSB,"

katanya.

Ahmad Zahid, 69, berdepan 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah S\$13.56 juta daripada UKSB untuk dirinya selaku Menteri Dalam Negeri bagi melanjutkan kontrak syarikat itu sebagai pengendali perkhidmatan pusat sehenti (OSC) di China dan Sistem VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN. - Ber-

nama



AHMAD Zahid berdepan 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah S\$13.56 juta daripada UKSB untuk dirinya selaku Menteri Dalam Negeri.

Wang UKSB serah setiap bulan semuanya menggunakan dolar Singapura

15.06.2022
Rabu
BERITA
HARIAN

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka 25 kertas siasatan berhubung isu rasuah dan penyelewengan perolehan berkaitan pengurusan Covid-19 ketika tempoh darurat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pegawainya akan memanggil beberapa individu tertentu dalam tempoh terdekat termasuk kemungkinan kenamaan bertaraf menteri.

"Kita siasat pelbagai isu perolehan berkaitan Covid-19, setiap satu kes kertas siasatan berbeza antaranya pembekalan pelitup muka.

"Kita tengok siapa yang terbabit akan dipanggil bantu siasatan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Pemantapan Wartawan bersama SPRM, di sini, semalam.

Azam berkata, setakat ini pihaknya juga sedang menilai agensi tertentu yang mempunyai kaitan dengan pengurusan Covid-19 dalam tempoh berkenaan.

Pada 24 Mei lalu, media melaporkan siasatan yang sedang dilakukan SPRM adalah termasuk aktiviti rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa mengalihkan bantuan dan pakej rangsangan serta penipuan berkaitan peralatan perubatan.

Penipuan berkaitan perubatan merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati palsu atau berkualiti rendah.

Bekas Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba dilaporkan berkata, beliau sedia memberikan kerjasama



AZAM ditemui pemberita semasa Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM.

RASUAH PENGURUSAN COVID-19

SPRM mungkin panggil menteri

ma kepada SPRM jika diperlukan.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata, SPRM memberi tumpuan kepada pembayaran berunsur rasuah dalam siasatan projek pembinaan infrastruktur pengangkutan awam membabitkan Transit Aliran Massa (MRT).

Katanya, pihaknya sudah memulakan siasatan sejak Mac lalu sebelum laporan mengenai pihak berkuasa Perancis menyiasat dakwaan penipuan dan rasuah membabitkan projek MRT bernilai RM692 juta yang berlaku beberapa tahun lalu timbul.

"Skop siasatan kita adalah berkenaan isu rasuah yang sudah berlaku dan sudah dibayar kepada pihak tertentu. Ia menjadi tumpuan

kami dan setakat ini dua kertas siasatan dibuka," katanya.

Selasa lalu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pihaknya sentiasa terbuka untuk disiasat berhubung dakwaan terdapat elemen pemberian rasuah dalam projek pembinaan infrastruktur pengangkutan awam membabitkan MRT.

Mengulas berhubung kes membabitkan Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, Azam berkata, pihaknya masih menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara.

Menurutnya, pihaknya sudah melengkapkan siasatan berhubung dakwaan yang timbul dan kertas sia-

satian juga diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

"Saya bagaimanapun enggan memberi sebarang kenyataan lagi dalam isu ini kerana siasatan sudah kami lengkapkan.

"Kita sudah lengkapkan dan sudah serahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan setakat ini kita menunggu arahan selanjutnya," katanya.

SPRM sebelum ini dilaporkan membuka kertas siasatan terhadap Mohd Nazlan yang mana Azam dilaporkan berkata, siasatan itu adalah prosedur biasa selepas pihaknya menerima laporan secara rasmi.

Terdahulu, Mohd Nazlan membuat laporan polis menafikan tuduhan dibuat penulis blog Raja Petra Kamarudin mengenai dakwaan ada sejumlah wang yang tidak dapat ditentukan punca di dalam akaunnya.

"
Kita tengok siapa yang terbabit akan dipanggil bantu siasatan
”
Azam

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat rangkaian telekomunikasi direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah RM200,000.

SPRM pada kenyataan berkata, lelaki berusia 43 tahun itu ditahan menerusi operasi yang dijalankan di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Lelaki terbabit ditahan di Pejabat SPRM Selangor, jam 8 malam semalam (kelmarin), selepas hadir memberikan keterangan.


"Dia dipercayai meminta dan menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat sebagai dorongan memberikan kerja berkaitan projek kejuruteraan pembinaan serta pembaikan menara telekomunikasi bernilai kira-kira RM50 juta pada April tahun lalu," katanya.

Menurut jurucakap, susulan itu, Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor semalam, membenarkan lelaki itu direman empat hari selepas SPRM Johor membuat permohonan reman pagi semalam.

"Perintah reman yang bermula hari ini sehingga 17 Jun ini dikeluarkan oleh Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali," katanya.

CEO SYARIKAT TELEKOMUNIKASI DIREMAN

Minta RM200k dapat projek



“
Lelaki terbabit ditahan di Pejabat SPRM Selangor, jam 8 malam semalam (kelmarin),
SPRM

KETUA pegawai eksekutif syarikat telekomunikasi tiba di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

15.06.2022

**Rabu
HARIAN
METRO**

15.06.2022
Rabu
HARIAN
METRO

Oleh Mohd Jamil
 Anbia Md Denin
 anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pakatap sulit dilakukan sejak tiga tahun akhirnya terbongkar apabila tujuh pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) termasuk antaranya dua pegawai kanan JIM ditahan sepasukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima rasuah lebih RM700,000.

Sumber berkata, pihak SPRM sebelum ini menerima maklumat berhubung kegiatan beberapa pegawai Jabatan Imigresen di Sarawak yang dipercayai menerima wang rasuah daripada beberapa syarikat dan individu sebagai balasan bagi memproses permit, pasport, DP10 (Permit Kerja Profesional) dan visa selain melindungi pekerja warga asing.

Menurutnya, maklumat kegiatan rasuah didakwa dilakukan suspek sekitar 2019 sehingga 2021 itu membolehkan SPRM memulakan siasatan lanjut.

"Berdasarkan maklumat, wang rasuah itu dibayar ke akaun bank milik pegawai JIM serta akaun syarikat yang mempunyai hubungan dengan pegawai imigresen terbabit.

"Sulatan bukti yang diperoleh, satu siasatan dan operasi khas Op Ambil dilaksanakan anggota Unit Siasatan SPRM Sarawak dengan kerjasama Bahagian Perisikan melalui Cawangan Projek Khas (CPK), Cawangan Intip dan POP Zen Sarawak.

"Hasilnya SPRM menahan tujuh pegawai penguat kuasa dan dua individu kerana dipercayai menerima rasuah lebih RM500,000 dari tahun 2019 hingga 2021," katanya.

Menurut sumber SPRM, daripada jumlah tahanan berkenaan, seramai empat pegawai penguat kuasa JIM termasuk dua pegawai kanan JIM ditahan di Sarawak sementara seorang lagi pegawai JIM ditahan di Selangor.

Menurutnya, di lokasi pertama di Kuching, Sarawak, seorang pegawai kanan JIM berusia 50-an ditahan bersama seorang individu warga asing berusia 30-an.

"Mereka dipercayai meminta dan menerima wang rasuah berjumlah lebih RM300,000 daripada beberapa individu yang menggaji pekerja asing sebagai balasan untuk memudahkan permohonan berkaitan pas pekerja.



ANTARA pegawai JIM yang ditahan SPRM dibawa ke Mahkamah Majistret Sibu untuk perintah reman.

Pakatan rasuah RM700k

Tujuh pegawai JIM disyaki ambil suapan untuk proses permit, pasport, DP10



SEORANG pegawai JIM dan seorang wanita dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk perintah reman.



Mereka dipercayai minta dan menerima wang rasuah berjumlah lebih RM300,000 daripada beberapa individu yang menggaji pekerja asing"

Sumber SPRM

"Dua suspek terbabit termasuk seorang lagi pegawai JIM yang ditahan disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. Difahaman permohonan reman terhadap semua lelaki itu dibuat secara maya di pejabat SPRM Sarawak," katanya.

Menurut sumber lagi, tangkapan susulan dilaku-

kan di pejabat SPRM Sibu, Sarawak kira-kira jam 4 petang kelmarin, membabitkan empat pegawai penguat kuasa JIM termasuk salah seorangnya pegawai kanan JIM.

Sumber memberitahu, pegawai kanan JIM itu dipercayai meminta dan menerima wang rasuah berjumlah lebih RM8,000 di bawah akta sama.

"Permohonan reman bagi keempat-empat pegawai JIM berkenaan akan dibuat di Mahkamah Majistret Sibu," katanya.

Sementara itu, seorang pegawai penguatkuasa JIM dan seorang wanita tempatan yang juga pemilik syarikat ditahan di SPRM Selangor kira-kira jam 7 malam kelmarin.

"Pegawai itu disyaki me-

mintakan menerima wang rasuah berjumlah kira-kira RM200,000 bagi kesalahan yang sama.

"Kesemua suspek sudah dikenakan perintah reman selama tempoh dua ke tujuh hari bermula semalam (kelmarin)," katanya.

Tangkapan terbaharu ini mengulangi kes sama pada November 2020 apabila seramai 27 anggota dan pegawai JIM ditahan SPRM.

Melalui operasi Ops Selat itu, JIM bertindak merampas 21 kenderaan mewah pelbagai model milik kakitangan JIM membabitkan Nissan Skyline R35, Subaru, Toyota Alphard, Hyundai Starex, Honda Accord, Mitsubishi Lancer dan pelbagai kenderaan import lain.

Siasatan mendapati ejen atau orang tengah menggunakan wang dan kenderaan mewah untuk 'membeli' hati kakitangan JIM bagi memudahkan urusan keluar masuk pekerja warga asing bermasalah dari negara ini sejak 2017.

Sindiket ejen warga asing ini membelanjakan RM14.5 juta untuk menyogok pegawai imigresen yang terbabit dengan penyalahgunaan pengetahuan cop keluar dan masuk di pintu utama negara.

Kes salah guna kuasa, salah urus syarikat MARA Corp

Nama untuk dituduh sudah dicadangkan

SPRM dakwa tiada makluman diterima isu tiga individu digugur

Oleh Suzalina Halid dan Iiah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mencadangkan beberapa nama kepada Jabatan Peguam Negara untuk dituduh susulan siasatan berhubung salah guna kuasa dan salah urus syarikat MARA Corporation (MARA Corp).

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, namun menegaskan tiada makluman diterima berhubung pengguguran tiga individu yang disiasat dalam skandal integriti MARA Corp itu.

"Kita sudah cadangkan nama untuk dituduh dan setakat ini kita tidak mempunyai makluman daripada Jabatan Peguam berhubung kes yang tak dituduh.

"Jadi saya tiada komen mengenai perkara itu (pengguguran tiga nama individu disiasat SPRM)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Media SPRM di sini, semalam.

Sebelum ini, Jabatan Peguam

Negara didakwa tidak meneruskan pendakwaan bagi kes MARA Corp walaupun kertas siasatan lengkap diserahkan SPRM sejak awal April lalu.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan pihaknya sudah melengkapkan siasatan berhubung dakwaan isu integriti membabitkan lima pegawai kanan MARA yang dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa.

Azam menjelaskan SPRM sudah menyelesaikan tanggungjawab dalam siasatan kes berkenaan.

"Tugas kami sudah siasat dan keterangan yang ada sudah memadai untuk SPRM mencadangkan pertuduhan beberapa pihak," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Azam berkata, SPRM merekodkan 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah berakhir dengan sabitan daripada 292 kes yang selesai dibicarakan sepanjang tahun lalu.

"Kejayaan siasatan SPRM boleh dilihat dalam kejayaan pendakwaan rasuah di mahkamah. Tahun lalu, daripada 1,283 kes perbicaraan rasuah dikendalikan di Mahkamah Sesyen di seluruh negara, sejumlah 292 kes selesai dibicarakan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 266 kes berakhir dengan sabitan atau 91.1 peratus. Ini menunjukkan peratusan sabitan yang amat membanggakan," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Anugerah Media SPRM

2021, di sini.

Dalam tempoh sama, Azam berkata, sebanyak 152 kes pelucutan harta dikendalikan di mahkamah yang mana sejumlah 121 kes permohonan selesai.

Beliau berkata, 117 kes atau 96.7 peratus memihak kepada pendakwa raya dan empat kes atau 2.2 peratus tidak memihak kepada pendakwa raya.

"Dari segi pemulihan aset, jumlah aset yang dilucut hak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia tahun lalu adalah RM5.1 bilion yang mana 99.57 peratus adalah dari 1Malaysia Development Bhd (1MDB)," katanya.

Sementara itu, Azam menjelaskan SPRM tidak membuka kertas siasatan semata-mata berdasarkan maklumat seorang blogger atau pengguna media sosial terutama mereka yang disyaki mempunyai agenda politik tertentu.

Beliau berkata, pihaknya yakin siasatan SPRM tidak boleh berdiri atas landasan bukti teguh jika bersandarkan tuduhan atau dakwaan semata-mata.

"Ia pasti dibuang sebelum ia mendapat izin mendakwa oleh Pejabat Peguam Negara, ia tidak akan sampai ke ruang perbicaraan mahkamah.

"Saya harap media faham dan tidak lagi melaporkan SPRM membuka kertas siasatan susulan dakwaan seorang blogger," katanya.

15.06.2022

**Rabu
BERITA
HARIAN**

15.06.2022
Rabu
BERITA
HARIAN

Tiada individu baharu dikemuka bagi kes UKSB

Kuala Lumpur: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mengesahkan tiada individu baharu yang akan dikemukakan untuk dituduh dalam kes Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB).

Beliau berkata, siasatan kes berkenaan sudah selesai dan kes UKSB kini dalam tempoh perbicaraan di mahkamah.

"Siasatan kes ini sudah pun selesai dan kes juga kini dalam perbicaraan. Mana-mana isu rasuah juga sudah dituduh.

"Justeru, setakat ini tiada pihak lagi akan dituduh bagi kes UKSB," katanya selepas majlis Anugerah Media SPRM, di sini semalam.

Kelmarin, bekas Pengarah UKSB, Wan Quoris Shah Wan Abdul Ghani, memberitahu Mahkamah Tinggi syarikatnya memberi sumbangan dana politik antara RM50,000 hingga RM200,000 kepada UMNO Bahagian Rembau.

Wan Quoris yang juga ahli UMNO berkata, wang bertujuan sebagai bantuan politik, bencana dan aktiviti kemanusiaan itu diberi menerusi UMNO Bahagian Rembau.



Dalam perkembangan lain, Azam berkata, SPRM masih berbincang dengan Pejabat Peguam Negara untuk meluluskan permohonan Bantuan Perundangan Bersama (MLA) yang dimohon pihak berkuasa Perancis berhubung siasatan projek pembinaan infrastruktur pengangkutan awam membabitkan Transit Aliran Massa (MRT).

"Mereka memohon satu perkara iaitu berhubung pegawai awam dan entiti negara kita yang terbabit dalam suapan sebuah syarikat.

"Bagaimanapun, kita belum memberi maklum balas kerana ia membabitkan isu penguatkuasaan undang-undang dan banyak perundangan akan terbabit.

"Setiap siasatan di luar negara perlu melalui proses undang-undang dan sama ada ia perlu didedahkan atau tidak bergantung kepada negara berkenaan.

"Setakat ini, kita masih berbincang dengan Pejabat Peguam Negara dan jika sudah setuju, kita tunggu pula maklum balas mereka sama ada mahu terima atau tidak maklumat yang diberikan," katanya.

 Siasatan kes ini sudah pun selesai dan kes juga kini dalam perbicaraan. Mana-mana isu rasuah juga sudah dituduh. Justeru, setakat ini tiada pihak lagi akan dituduh bagi kes UKSB 

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Bicara 1,283 kes rasuah

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

91.1 peratus daripada 292 kes berakhir dengan sabitan

Putrajaya

Sebanyak 1,283 kes percabaran rasuah berlangsung di Mahkamah Sesyen di seluruh Malaysia, tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, daripada jumlah itu, 292 kes selesai percabaran.

"Daripada jumlah itu, 266 berakhir dengan sabitan atau 91.1 peratus. Ini menunjukkan peratusan sabitan amat membanggakan.

"Di samping itu, 152 kes pelucuthakan harta dikedalikan di mahkamah di mana 121 kes permohonan selesai.

"Sebanyak 117 kes atau 96.7 peratus memihak kepada pendakwa raya dan empat kes atau 2.2 peratus tidak memihak kepada pendakwa raya.

"Dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucuthak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lalu



Dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucuthak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lalu adalah RM5.1 billion di mana RM99.57 peratus adalah dari 1MDB"

Azam Baki



AZAM (dua dari kiri) bersama penerima Anugerah Media SPRM 2021 kategori media elektronik dan media cetak selepas majlis penyampaian anugerah itu, semalam.

'Keterangan mencukupi untuk dituduh'

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghantar fail kepada Jabatan Peguam Negara berhubung isu integriti dan salah guna kuasa memabatkan pegawai Majlis Amanah Rakyat (Mara) menerusi anak syarikat agensi itu, Mara Corporation (Mara Corp).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, fail berkenaan dihantar untuk dikaji dan mencadangkan nama beberapa pihak untuk dituduh.

"Setakat ini saya tidak mahu komen yang mengatakan kes tidak dituduh.

"Pendirian kami, kita siasat dan pada pandangan kami, ada keterangan memadai dan mencukupi untuk mencadangkan beberapa pertuduhan kepada beberapa

pihak," katanya selepas Majlis Anugerah Media SPRM 2021 di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Kelmarin, portal media tempatan melaporkan Jabatan Peguam Negara yang sepatutnya mendakwa tiga pegawai Mara Corp 'baki' menggugurkan kes terhadap mereka.

Pada 5 Februari lalu, SPRM mengesahkan menerima satu laporan berhubung dakwaan isu integriti melibatkan beberapa pegawai kanan Mara yang disiasat secara dalaman oleh agensi itu.

Suruhanjaya itu pada 7 Februari lalu menyerbu dan merampas beberapa dokumen daripada Mara, Mara Corp dan sebuah syarikat setiausaha korporat.

adalah RM5.1 billion di mana RM99.57 peratus adalah dari 1Malaysia Development Berhad (1MDB)," katanya pada Majlis Anugerah Media SPRM 2021 di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Terdahulu, Azam menyampaikan hadiah pemenang Anugerah Media Cetak kepada wartawan Berita Harian, Suzalina Mohamad Halid menerusi laporan Pendedahan Kartel Daging 2.0 manakala bagi Anugerah Media Elektronik kepada wartawan Astro Awani, Izwar Muzzani Abdul Wahid menerusi laporan Rasuah Terapung di Tengah Laut.

Hadir sama Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

15.06.2022

**Rabu
HARIAN
METRO**

'SPRM siasat andai ada PBT terlibat'

Azam belum terima aduan rasuah melibatkan penyambungan pangsapuri kos rendah

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menerima sebarang aduan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung penyambungan rumah pangsapuri kos rendah.

Bagaimanapun Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM telah menasihati PBT agar mengambil tindakan yang telus.

"Saya tahu ramai mengadu berkenaan pembinaan tambahan yang tidak dibenarkan," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis Anugerah Media SPRM di sini, pada Selasa.

Menurutnya, sebelum ini SPRM ada menyiasat kes serupa yang didapati mempunyai unsur rasuah.

"Yang terkini, tiada laporan. Mungkin kena semak dengan negeri-negeri juga,"

katanya.

Sebelum ini, tular gambar yang memaparkan beberapa buah rumah kos rendah yang membuat penyambungan tidak dibenarkan seperti pangsapuri.

Ia mengundang kritikan pelbagai pihak terutamanya terhadap PBT yang didakwa tidak tegas menangani isu tersebut.

Dalam perkembangan berlainan, Azam berkata, program Wira Anti Rasuah (WAR) yang dilancarkan SPRM sejak tahun 2014 berjaya melibatkan lebih 24,000 murid dan 4,100 guru seluruh negara.

Akuinya, langkah itu sebagai usaha SPRM mendidik anak-anak bermula dari bangku sekolah sampai ke peringkat institut pengajian tinggi (IPT).

Jelasnya, dengan kerjasama dan kolaborasi Kementerian Pendidikan Malaysia, elemen anti rasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat mulai tahun 2016.

"Nilai integriti dan bencikan rasuah dimasukkan dalam buku teks pendidikan moral Sekolah Jenis Cina dan Tamil, pendidikan sivik, pendidikan Islam serta mata pelajaran Bahasa Melayu.

"Di samping itu, Projek Kedai Jujur ditubuhkan di 20 buah sekolah di mana objektifnya menanam nilai integriti secara praktikal dalam kalangan murid," katanya.

Mengulas lanjut, bagi mendekati kanak-kanak, pendidikan anti rasuah juga dilancarkan melalui siri animasi popular *Upin*



SPRM dijangka menyemak sama ada berlaku aktiviti salah guna kuasa PBT melibatkan projek penyambungan pangsapuri kos rendah di seluruh Malaysia. (Gambar hiasan)

& *Ipin*: *Perangi Rasuah dan BoboiBoy: Sahabat Cilik SPRM.*

Kata Azam, selain Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) yang dilaporkan akan dijadikan kursus wajib di IPT mulai tahun depan, SPRM giat memberi nasihat dan memperuntukkan sejumlah dana kepada kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) untuk mereka menjalankan akti-

viti meningkatkan kesedaran anti rasuah dalam kalangan mahasiswa.

"Setakat ini, 118 kelab AMAR menganjurkan forum, debat dan pelbagai aktiviti di peringkat IPT di seluruh negara.

"Seterusnya, untuk mendekati masyarakat akar umbi, doa selepas khutbah Jumaat disemat dengan mesej anti rasuah di masjid seluruh negara," ujarnya.

15.06.2022 Rabu SINAR HARIAN

Azam sangkal kes Mara Corp gugur

PUTRAJAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menyangkal dakwaan portal bahawa kes salah guna kuasa membabitkan tiga pegawai Mara Corp akan digugurkan.

Tegasnya, tiada sebarang maklumat daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) berhubung perkara tersebut.

"Sebagai badan penyiasat, kami telah menghantar fail ke AGC dan seperti mana saya cakap sebelum ini terdapat beberapa

pihak untuk dituduh dalam kes ini," katanya.

Menurutnya terdapat keterangan dan bukti kukuh untuk mencadangkan pertuduhan ke atas pihak-terbabit.

"Saya tiada komen kes ini tidak dituduh, namun kami telah menyasiat dan ada keterangan atau bukti mencukupi untuk mencadangkan pertuduhan ke atas pihak tersebut," ujarnya.

Beliau mengulas laporan portal berita mengenai kes tiga pegawai Mara Corp sepatutnya dituduh, akan digugurkan.

Pada 31 Mac lalu, Azam berkata, pihaknya telah melengkapkan siasatan dan yakin ketiga-tiga suspek akan dituduh di mahkamah dalam masa terdekat.

Dalam laporan sebelum ini juga, Azam berkata, hanya lima pegawai kanan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) itu dipanggil untuk dirakam keterangan.

Isu itu terbongkar apabila tular di Twitter enam halaman surat permohonan untuk SPRM menyasiat lima pegawai tinggi Mara.



KLIK

PENGHARGAAN | Wartawan Sinar Harian, Mohamad Hisyamuddin Ayub (dua dari kiri) dan Muhammad Afham Ramli (dua dari kanan) menerima Anugerah Juri Kategori Media Cetak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2021 daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki (tengah) dalam Majlis Anugerah Media SPRM 2021 di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada Selasa.

SPRM rekod 292 kes selesai bicara di mahkamah

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan sejumlah 292 kes yang selesai dibicarakan di mahkamah di seluruh negara pada tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, sebanyak 1,283 kes perbicaraan rasuah telah dikendalikan di mahkamah sesyen dan daripada jumlah kes yang selesai, 266 kes atau 91.1 peratus berakhir dengan sabitan.

Menurutnya, ia menunjukkan peratusan sabitan yang amat membanggakan.

"Di samping itu, sebanyak 152 kes perlucutan harta dikendalikan di mahkamah di mana sejumlah 121 kes permohonan selesai.

"Sejumlah 117 kes atau 96.7 peratus memihak kepada pendakwa raya dan empat kes atau 2.2 peratus tidak memihak kepada pendakwa raya," katanya.

Beliau berkata, dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucut hak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lepas adalah RM5.1 bilion di mana 99.57 peratus daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya lagi, bidang kuasa SPRM juga merangkumi kebertanggungjawaban untuk meneliti dan menyasiat sebarang aduan mahu pun jika dakwaan rasuah itu hanya membabitkan jumlah yang kecil.



Sebahagian individu dibawa ke mahkamah untuk dapatkan perintah-reman.

(Gambar ihsan SPRM)

Empat ditahan kes rasuah pembekalan hospital

Kuala Lumpur: Empat individu, iaitu dua bekas pegawai kanan sebuah hospital swasta dan dua pemilik syarikat pembekal direman bagi membantu siasatan membabitkan kes rasuah bernilai kira-kira RM200,000 yang dilakukan pada 2016 hingga 2019.

Difahamkan, semua suspek lelaki yang berusia di antara 34 hingga 65 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya petang kelmarin.

Sumber berkata, dua orang

Sumber berkata, dua orang bekas pegawai kanan hospital swasta berkenaan dipercayai meminta dan menerima suapan daripada dua pemilik syarikat pembekal bagi membantu syarikat itu mendapat projek.

"Ia berkaitan kerja pembekalan peralatan perubatan, pembelian tanah, projek pembangunan dan pembekalan perkakasan teknologi maklumat kepada hospital di bawah syarikat hospital swasta berkenaan," katanya di sini, semalam.

Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi *BH* mengesahkan penahanan reman itu dan semua suspek ditahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Majistret Shah Wira Abd Halim semalam mengeluarkan perintah reman selama enam hari bermula semalam hingga 19 Jun ini terhadap seorang bekas pegawai kanan hospital swasta dan dua pemilik syarikat pembekal.

Seorang lagi bekas pegawai kanan hospital swasta pula direman selama lima hari di Mahkamah Majistret Putrajaya.

15.06.2022

Rabu BERITA HARIAN

15.06.2022 **Rabu**
HARIAN
METRO

